

Bil. 18

**Selasa
13 Disember 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| RANG UNDANG-UNDANG: Rang undang-undang Perbekalan 2012 | (Halaman 23) |
| USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 35) |

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. ” Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

33. Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. “ Dato’ G. Palanivel (Dilantik) – *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. ” Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 13 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Zaitun binti Mat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan setakat manakah kejayaan Kempen Kesedaran Barah Payu Dara atau "*Pink October*" yang berlangsung sepanjang bulan Oktober dan nyatakan sejauh manakah penyertaan agensi kerajaan, swasta dan institusi pendidikan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, Ahli Dewan Negara yang amat prihatin terhadap permasalahan kesihatan wanita khususnya mengenai penyakit kanser payudara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kanser payudara merupakan kanser yang paling lazim dihadapi oleh wanita di Malaysia. Mengikut data yang dikeluarkan oleh *National Cancer Registry* 2003 dengan izin, satu daripada 20 orang wanita berkemungkinan besar mendapat kanser payudara sepanjang hayatnya dengan nisbah 1:28 daripada bangsa Melayu, 1:16 daripada bangsa Cina dan India.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui klinik-klinik, hospital-hospital kerajaan dan aktiviti di dalam komuniti telah menjadikan pencegahan kanser payudara khususnya pemeriksaan sendiri payudara (PSP) atau *breast self-examination* (BSE) dengan izin, sebagai aktiviti pendidikan kesihatan. Ia merupakan antara bidang dan skop yang wajib disampaikan kepada pelanggan wanita.

Data yang terkumpul sehingga minggu ketiga November 2011, menunjukkan seramai 24,145 orang pesakit, 154,328 ibu antenatal, 86,770 ibu *postnatal*, 4,842 orang remaja, 2,173 warga emas dan 84 golongan kurang upaya yang menjadi pengunjung klinik telah diberi pendedahan dan kemahiran PSP. Selain itu seramai 47,815 orang dari pelbagai lapisan sektor pekerjaan juga telah diberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran yang relevan berkaitan dengan PSP melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan dalam masyarakat.

Sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab terhadap kesihatan rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak memperuntukkan bulan khas bagi memupuk kesedaran masyarakat kerana ia dilaksanakan sepanjang tahun. Sambutan '*Pink October*' dengan izin, berlangsung sepanjang bulan Oktober setiap tahun. Ia diadakan bagi memberi kesedaran mengenai kanser payudara di kalangan masyarakat.

Ini merupakan inisiatif yang diwujudkan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan kanser payudara seperti Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia, syarikat-syarikat pengeluar pakaian dalam wanita seperti *Wacoal* dan lain-lain agensi selain daripada kerajaan. Ini adalah satu usaha yang dijalankan oleh badan-badan NGO bagi menyokong usaha kerajaan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kanser payudara.

Usaha ini dilaksanakan bagi mengutip dana bagi membantu mangsa kanser payudara. Bagi pihak kerajaan, 'Pink October' membantu menjadikan mesej kerajaan kepada kumpulan sasaran untuk mendapatkan pemeriksaan payudara lebih dipandang berat dan relevan. Ia juga sekali gus membantu meningkatkan akses rakyat kepada informasi yang berkaitan dan aktiviti saringan kesihatan yang dijalankan oleh kerajaan melalui Kementerian Kesihatan.

Kerjasama yang sedia terjalin di antara Kementerian Kesihatan dan badan-badan NGO yang berkaitan diharap dapat mendorong rakyat Malaysia khususnya golongan wanita yang berisiko untuk menjalankan PSP dan mendapatkan pemeriksaan payudara di hospital secara berkala agar kanser payudara dapat dikesan pada peringkat awal dan rawatan dimulakan secepat mungkin. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawabnya. Soalan saya, tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha ini. Cuma yang saya hendak tanya apakah tindakan kementerian lagi dalam usaha untuk memperkukuhkan program-program kanser payudara ini dan berapakah jumlah pesakit payudara seluruh negara yang terkini dan bilangan mengikut tahap iaitu tahap satu, dua, tiga dan empat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Saya ingin menyatakan di sini Yang Berhormat bahawa pihak kementerian sedang memperkukuhkan program pencegahan kanser payudara dengan meningkatkan saringan mamogram diberikan kepada wanita-wanita yang berisiko tinggi Yang Berhormat. Perkara ini dilakukan di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan, sama ada di peringkat hospital ataupun di klinik-klinik kerajaan.

■1010

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seorang wanita itu perlu dan layak untuk menjalankan pemeriksaan mamogram sekiranya wanita itu berusia 40 tahun ke atas. Apabila wanita-wanita yang berusia 40 tahun ini juga mempunyai faktor-faktor risiko yang lain seperti yang pertama, Yang Berhormat – beliau mempunyai kriteria-kriteria seperti mempunyai sejarah ahli keluarga yang mengidap kanser payudara sama ada ibu, kakak, adik perempuan atau anak perempuan mengidap kanser payudara. Wanita ini juga merupakan pembawa mutasi genetik BRCA1 dan BRCA2.

Wanita ini juga pernah mempunyai 'ethiopia' pada biopsi payudara. Itu merupakan kumpulan kriteria A kalau sekiranya wanita itu mempunyai satu daripada yang tiga saya sebutkan tadi memang wajar wanita tersebut untuk menjalani saringan mamogram setiap tahun Yang Berhormat. Kedua, kriteria kedua adalah apabila seorang wanita itu mempunyai sekurang-kurangnya salah satu dua daripada faktor-faktor yang akan saya sebutkan tadi iaitu:

- (i) tidak pernah melahirkan anak atau melahirkan anak pertama selepas usia 30 tahun;
- (ii) haid pertama pada usia kurang daripada 12 tahun;
- (iii) Menopaus pada usia lebih 55 tahun;
- (iv) menerima rawatan terapi hormon gantian (HRT); dan
- (v) memiliki badan obes ataupun *body mass index (BMI)* yang melebihi 37.5 Yang Berhormat.

Jadi, yang untuk wanita yang mempunyai kriteria-kriteria ini yang berisiko seperti yang saya sebutkan tadi perlu menjalani saringan mamogram pada setiap dua tahun sekali. Untuk menjawab persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan. Dilaporkan seramai 3,242 kes kanser payudara dilaporkan pada tahun 2007. Ini berdasarkan kepada National Cancer Registry Yang Berhormat. Dari segi tahap ataupun peringkat pengesanan pada tahap satu adalah sebanyak 21 peratus Yang Berhormat.

Pada tahap dua 37 peratus, pada tahap tiga adalah 24 peratus dan pada tahap empat adalah 18 peratus. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan.

2. Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tahap keselamatan kita terutama di perairan yang menyebabkan ramai pendatang tanpa izin terutama dari Indonesia yang menggunakan laluan masuk perairan kita dengan jumlah yang begitu banyak. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan perkara ini tidak berulang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan atas soalan. Malaysia merupakan sebuah negara berpantai yang bersempadankan laut dengan negara Brunei, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura dan Vietnam. Dengan pesisir pantai yang panjangnya melebihi 4,000 kilometer. Pemantauan dan pengawalan kawasan perairan negara bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan secara berkesan.

Kerajaan Malaysia amat prihatin dan komited sepenuhnya dalam usaha untuk mencegah dan membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia. Perlu diakui bahawa untuk membanteras kemasukan PATI, kerjasama selari polisi yang efektif, peraturan dan penguatkuasaan yang proaktif dari semua pihak amat diperlukan. Justeru, kerajaan Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah positif melalui operasi penguatkuasaan perundangan dan politik seperti berikut:

- (i) operasi penguatkuasaan. Mengatur gerak semua sumber operasi untuk mengesan, mengawal dan membuat tangkapan di Zon Maritim Malaysia (ZMM);
- (ii) perundangan. Kerajaan telah menggubal Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 dan membuat pindaan pada tahun ini kepada Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran serta membina Pelan Tindakan Nasional dan prosedur tetap operasi itu; dan
- (iii) politik. Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara serantau dan mengadakan perjanjian sefahaman melalui perjanjian sehalu, dua hala bilateral dan pelbagai hala, multilateral.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan keselamatan keamanan dan kedaulatan negara khususnya di perairan laut wilayah negara terjamin. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah dipertanggungjawabkan untuk terus melaksanakan pengawasan dan operasi penguatkuasaan maritim sepanjang masa 24/7 dengan izin. Terutamanya di kawasan titik panas ataupun *hot spot*. Operasi ini melibatkan kehadiran kapal-kapal dan bot-bot APMM di perairan tersebut secara berterusan. Operasi pengawasan dan pemantauan dilaksanakan dengan mengatur gerak pesawat-pesawat udara untuk tugas rondaan pengawasan udara bersama aset-aset laut APMM.

Di samping itu juga, Sistem Pengawasan Laut ataupun ringkasnya SWASLA yang dilengkapi dengan sembilan buah radar ditempatkan di persisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia juga menjadi aset pemantauan dan pengawasan di perairan Selat Melaka hingga ke selatan Johor. Keupayaan SWASLA juga telah di naik taraf dengan pemasangan kamera bagi mempertingkatkan keberkesanan pengesanan konteks-konteks yang mencurigakan di perairan tersebut bagi tindakan susulan oleh aset laut APMM. Sistem SWASLA ini juga sedang dibangunkan di kawasan Timur Sabah.

Selain daripada itu, APMM sentiasa memperagakan kehadiran anggota penguat kuasa dalam semua keadaan tidak kira siang atau malam, cuaca baik mahupun buruk dan sentiasa bersedia untuk menangani apa juga tugas yang perlu dilaksanakan.

Kerjasama dengan komuniti maritim, rakyat tempatan dan agensi penguat kuasa yang lain telah dipertingkatkan terutamanya dengan PDRM, TLDM dan TUDM dalam menangani PATI, isu jenayah maritim ini. Seterusnya, kerjasama maritim ini dengan negara-negara sahabat dan negara serantau juga telah dilaksanakan untuk tujuan yang sama. Di antaranya dengan negara Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Jepun, Australia dan Amerika Syarikat. Terima kasih.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Dasar Pertahanan Negara yang menggariskan usaha melalui *military-to-military link*, dengan izin. Di antara negara-negara jiran dirantau ini demi kemakmuran serta pencegahan kolektif, apakah kerajaan sentiasa bekerjasama dengan negara-negara jiran dalam usaha membanteras keluar masuk pendatang tanpa izin ini. Kedua, adakah benar tohmahan yang mengatakan pegawai penguat kuasa kita di perairan masih boleh ditembusi kerana kelemahan integrasi ataupun dengan izin integriti serta kurang kepakaran risikan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang memberi soalan tambahan mengenai Dasar Pertahanan Negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Perdana Menteri kita telah beberapa kali berjumpa dan berbincang pada tahun ini sahaja tidak kurang pada tiga kali terutamanya dengan Presiden SBY berhubung dengan kes PATI Malaysia-Indonesia. Saya juga ingin memaklumkan di sini mengikut data-data yang kita peroleh, data-data yang ada pada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Hari ini saya berdiri di sini mewakili Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang merupakan agensi tunggal yang melaksanakan penguatkuasaan undang-undang laut bermula 1 September 2011.

Ingin menyatakan bahawa sebanyak 561 orang telah ditangkap sebanyak 80 kes PATI yang melibatkan Indonesia 275 orang, Filipina 117 orang, Myanmar 129 orang, Thailand 13 orang, Kemboja 12 orang, Afghanistan 13 orang dan Vietnam 2 orang sehingga Disember 2011. Sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi mengenai keupayaan risikan dan sebagainya. Dari segi APMM sendiri kita sudah ada satu *team* khas yang melibatkan anggota-anggota risikan baru berhubung dengan kemasukan PATI ini dan kita juga mengawal *hot spot* yang tertentu. Risikan-risikan kita adalah sekitar di Batu Pahat, Tawau, Tanjung Pengelih, Pengerang, Sungai Rengit, Mersing, Tanjung Gemok, Port Dickson dan juga Klang kerana daripada risikan kita di situ lah kebanyakan PATI turun naik. Kita sentiasa bekerjasama dengan imigresen dan juga TLDM serta polis marin untuk memastikan kes PATI ini kita dapat tangani dengan berkesan. Terima kasih.

■1020

3. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) status terkini kedudukan kewangan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), berapakah subsidi kerajaan telah diberikan kepada syarikat tersebut sejak ditubuhkan dan apakah rasionalnya kerajaan mewujudkan sebuah entiti baru iaitu *National Sewerage Company* (Nascom); dan
- (b) apakah sebab-sebab penswastaan projek pembedungan telah menemui kegagalan walau pun syarikat tersebut memonopoli perkhidmatan pembedungan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon yang dijadualkan dijawab pada 15 Disember 2011 memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak pengambilalihan ekuiti syarikat IWK oleh kerajaan pada tahun 2000, lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion telah dibelanjakan bagi menampung defisit operasi IWK. Punca utama defisit IWK ini pula adalah kadar tarif pembedungan yang rendah kini dinikmati oleh rakyat berbanding dengan kos operasi sebenar perkhidmatan pembedungan yang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan IWK buat masa ini. Sebaliknya kerajaan akan mempertimbangkan cadangan dan usaha yang sedang diterajui oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang melibatkan penstrukturan semula industri pembedungan negara termasuk penubuhan *National Sewerage Company* (UNESCO) yang dilihat sebagai satu langkah positif bagi memastikan perkhidmatan pembedungan berdaya maju tanpa kebergantungan kepada bantuan kerajaan untuk tempoh jangka masa panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, IWK bukanlah monopoli mutlak di perkhidmatan pembedungan kerana syarikat ini hanya bertanggungjawab untuk mengambil alih operasi mengurus, penyelenggaraan serta membaik pulih sistem pembedungan awam sahaja. Liputan kawasan operasi ia juga tidak merangkumi negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak serta kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor. Sistem pembedungan persendirian pula adalah diselenggarakan oleh pihak-pihak lain dan bukannya IWK.

Manakala dengan penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 pada 1 Januari 2008, perkhidmatan *dislodging* bagi tangki septik komersial dan individual juga bukan lagi dimonopoli oleh IWK. Berdasarkan laporan *Malaysia Water Industry Guide 2011* terdapat 2,240 buah loji pembedungan persendirian, 4,382 buah tangki septik komersial dan lebih satu juta tangki septik individual di seluruh negara pada tahun 2010. Justeru, IWK tidak wajar dilabelkan sebagai syarikat yang monopoli perkhidmatan pembedungan. Sekian.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapakah jumlah tunggakan terkini bil-bil perkhidmatan pembedungan yang belum dibayar oleh pengguna-pengguna mengikut pecahan:

- (i) premis domestik;
- (ii) premis kerajaan;
- (iii) premis persendirian; dan
- (iv) premis komersial.

Juga sehingga kini, berapakah jumlah tangki septik *tank* yang telah dikosongkan oleh Indah Water keseluruhannya? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angka di tangan saya. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya hendak beri senario sedikit bahawa IWK gagal mengutip RM600 juta, satu. IWK didenda oleh Jabatan Alam Sekitar kerana amat-amat tidak bertanggungjawab kepada banyak perkara menyebabkan alam sekitar tercemar. Ini telah melanggar undang-undang. Ketiga, isu tumpahan air kumbahan di jalan-jalan banyak kompelin di dalam surat khabar. Malu kerajaan. Kegagalan loji kumbahan lagi masalah. Isu kehilangan penutup lubang kumbahan lagi masalah yang akhirnya masalah yang keluar dalam surat khabar selalu, isu pencemaran bau kumbahan yang memualkan dan pelbagai isu lain. Ini masalah.

Soalan saya, berita seperti ini kerap kedengaran dan ia masih berterusan di seluruh pelosok negara. Malangnya, walaupun permasalahan seperti di atas kerap diketengahkan oleh rakyat sejak beberapa tahun dahulu, sehingga hari ini masalah-masalah seperti ini terus diuar-uarkan di dalam pelbagai media. Soalannya, adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya pengurusan IWK yang ada sekarang gagal untuk menyelesaikan masalah ini dengan pendekatan yang terancang, berkesan dan baik? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin yang mengeluarkan soalan tadi. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya memang setuju. Saya akan serah soalan ini kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air supaya mereka mengambil berat mengenai isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga seperti yang telah saya katakan tadi, buat masa ini kementerian berkenaan telah mengeluarkan satu cadangan iaitu mereka ingin memfaktorkan semula industri pembedungan negara termasuk penubuhan *National Sewerage Company* yang baru-baru ini dibincangkan di Jemaah Menteri. Ini kita tunggulah Menteri berkenaan membuat pengumuman. Memang mereka hendak jalankan transformasi industri perkhidmatan pembedungan negara. Saya harap Yang Berhormat sabar sedikit. Kita akan dalam masa yang cepat, kita akan memberi satu gambaran yang lebih besar. Saya harap Yang Berhormat ada cadangan yang baik, kita boleh tulis kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sekian.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik kepada soalan pokok tadi iaitu kedudukan kewangan IWK. Saya tidak dapat gambaran jelas daripada penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya pun *refer* kepada *website* IWK, tidak ada laporan kewangan dan daripada buku-buku laporan kewangan terdapat banyak-banyak ini pun tidak ada yang daripada IWK walaupun ia 100 peratus dimiliki oleh *Ministry of Finance Incorporated*. Jadi, di manakah *governance* IWK, tanggungjawab kepada *stakeholders*.

Jadi yang keduanya, bilangan hutang yang tertunggak yang tinggi bagi saya adalah disebabkan masalah persepsi yang setakat hari ini masih belum diatasi oleh IWK. *Public* masih menganggap bahawa perkhidmatan yang diberi oleh IWK adalah percuma dan mereka menganggap selama ini tidak membayar, disediakan oleh PBT dan sebagainya. Jadi, masalah persepsi ini masih lagi mengaburi pelanggan dan saya rasa ini adalah satu usaha ataupun satu kerja berat yang harus diatasi oleh IWK dalam usaha memungut tunggakan sebanyak RM600 juta Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

■1030

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah atas soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi kewangan saya ingin memberi sedikit maklumat kepada Yang Berhormat iaitu dalam tempoh penswastaan, kerajaan telah memberi pinjaman mudah kepada IWK berjumlah sebanyak RM925 juta iaitu pinjaman pertama sebanyak RM475 juta bagi membantu projek penswastaan tersebut berdaya maju. Manakala pinjaman mudah tambahan sebanyak RM450 juta bagi membiayai sebahagian kos kerja-kerja pembangunan dan pembaikpulihan sistem pembedungan awam dengan menggalakkan kenaikan tarif pembedungan. Pada masa ini IWK mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM1.925 bilion di mana RM925 juta merupakan jumlah pinjaman dan RM1 bilion merupakan faedah yang terkumpul.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya ingin memberi sedikit maklumat juga mengenai kadar tarif yang berada di negara kita. Buat masa ini kita caj ada banyak kategori, untuk kediaman domestik iaitu *low cost government quarters*, kampung dan estet iaitu RM2 satu bulan, untuk *housing* ialah RM8 iaitu di negara kita, tarif hanya antara RM24 hingga RM96 satu tahun. Kalau kita bandingkan ini dengan negara lain, kalau dibandingkan dengan negara Jepun, RM1,107. Kalau dibandingkan dengan Korea, RM151.05, dibandingkan dengan Singapura iaitu RM345.65. Memang kadar kita agak rendah dan kita harap kementerian berkenaan boleh mengeluarkan satu komprehensif *master plan* untuk perkhidmatan pembedungan di negara kita. Memang kita semua buat masa ini tidak berapa puas hati dengan perkhidmatannya.

Dari segi tunggakan, saya ada maklumat di sini. Tadi saya tidak dapat memberi kepada Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, dari jumlah tunggakan oleh pelanggan ialah RM750 juta, dari jumlah ini domestik – RM450 juta, komersial – RM239 juta, perindustrian – RM5.6 juta, kerajaan – RM55.4 juta. Ini adalah jumlah RM750 juta yang kita dapat tunggakan oleh pihak yang berkenaan. Sekian.

4. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta Menteri Kesihatan menyatakan, tindakan kementerian dalam menangani isu *sub standard housemen* seperti yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan pegawai perubatan siswazah merupakan satu keperluan di bawah Akta Perubatan 1971 yang diwajibkan kepada semua graduan perubatan sebelum diberikan pendaftaran penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia dan dibenarkan mengamal di Malaysia. Bagi memastikan graduan perubatan yang berkualiti, Majlis Perubatan Malaysia telah menetapkan piawaian dalam pengiktirafan program perubatan yang dikendalikan oleh universiti tempatan dan luar negara. Selain daripada itu, Lembaga Kelayakan Malaysia atau MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi turut memastikan universiti-universiti tersebut menepati piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa prihatin tentang keperluan latihan pegawai perubatan siswazah atau PPS bagi memastikan program latihan siswazah dapat mencapai objektif dalam menghasilkan pegawai perubatan yang berkualiti dan boleh mengamal dengan selamat. Bagi meningkatkan lagi kualiti PPS atau pegawai perubatan siswazah, graduan yang mendapat ijazah perubatan dari pelbagai universiti dalam dan luar negara, tempoh latihan siswazah telah dilanjutkan dari satu tahun kepada dua tahun mulai tahun 2008. Dalam tempoh ini, pegawai perubatan siswazah perlu menjalani latihan dalam enam disiplin asas iaitu perubatan am, pembedahan am, obstetrik dan ginekologi, pediatrik, ortopedik dan perubatan kecemasan dan trauma atau anestesia selama sekurang-kurangnya empat bulan bagi setiap penempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai perubatan siswazah dibimbing, diselia dan dipantau oleh pakar perubatan dalam memberikan perawatan kepada pesakit meliputi semua aspek dan turut dibantu oleh pegawai perubatan kanan. Prestasi mereka meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap akan dipantau secara berterusan dan penilaian dibuat secara berkala. Pegawai perubatan siswazah yang tidak dapat menunjukkan prestasi yang memuaskan, tempoh latihan mereka akan dilanjutkan sehingga maksimum satu tahun bagi setiap satu penempatan. Kebanyakan pegawai perubatan siswazah adalah kompeten kerana 95 peratus daripada mereka menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan di mana pegawai perubatan siswazah cemerlang akan menamatkan latihan dalam jangka masa dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, program latihan siswazah ini sentiasa dipantau sama ada di peringkat jabatan, hospital, Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelbagai langkah penambahbaikan dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kualiti pegawai perubatan siswazah terjaga. Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi program latihan pegawai perubatan siswazah ini sesuai dengan perkembangan serta kemajuan teknologi dan juga keperluan semasa tanpa menjejaskan matlamat latihan untuk menghasilkan pegawai perubatan yang kompeten dan selamat supaya dapat memberikan rawatan yang berkualiti kepada pesakit. Sistem tugas secara fleksi merupakan salah satu contoh penambahbaikan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang saya kemukakan. Soalan tambahan saya, dengan penambahan bilangan kolej perubatan yang menawarkan jurusan kedokteran iaitu terdapat 19 kolej perubatan swasta dan 15 kolej perubatan kerajaan. Berapa ramai doktor-doktor yang baru yang diwujudkan dan bagaimana pula kementerian memastikan mereka semua mendapat tempat untuk mengikuti latihan *housemen* dengan sempurna seperti mana kita kehendaki. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kedudukan pengisian jawatan pegawai perubatan siswazah untuk Gred U41 sehingga 31 Oktober tahun ini adalah seramai 7,461 orang. Mereka ini ditempatkan di 41 hospital yang memberi latihan kepada *housemen-housemen* kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah siswazah dari segi jumlah yang terendah adalah seramai 37 orang yang ditempatkan di hospital sehingga mencecah ke 300 orang. Ini mengikut keperluan dan juga kapasiti hospital yang berkenaan, Yang Berhormat. Terima kasih.

■ 1040

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyedari bahawa kekurangan pakar untuk memantau *housemen* serta H.O.D's yang tidak berminat dalam menekankan kepentingan latihan serta beban kertas kerja atau *paperwork* dengan izin, menyebabkan kelemahan dalam penyediaan *housemen* yang tidak begitu kompeten. Apakah kementerian dapat menggariskan jalan penyelesaian yang lebih komprehensif dalam menangani masalah ini yang jelas akan memusnahkan industri perubatan negara kita jika ia tidak diperbetulkan sekarang. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Sukacita saya, Yang Berhormat untuk menyatakan di sini bahawa seperti yang saya nyatakan lebih awal dalam jawapan, kita melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa dan kita tidak pernah menyatakan bahawa ada beberapa perkara yang mempunyai kelemahan tersendiri yang kita cuba perbaiki, Yang Berhormat.

Sebagai contoh penambahbaikan yang kita lakukan adalah dari segi menambah jumlah tempoh latihan daripada satu tahun kepada dua tahun, Yang Berhormat. Daripada tiga disiplin kepada enam disiplin. Ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada *housemen* ataupun pegawai-pegawai perubatan siswazah kita. Selain daripada itu, setiap disiplin itu kita menetapkan tempoh selama empat bulan di mana mereka ini dibimbing oleh pakar perubatan yang dibantu oleh pegawai perubatan senior ataupun pegawai perubatan kanan. Jadi ini untuk memastikan mereka mendapat pendedahan yang sewajarnya pada disiplin-disiplin yang telah ditetapkan, Yang Berhormat. Izinkan saya menyebut kembali enam disiplin tersebut iaitu:

- (i) perubatan am;
- (ii) pembedahan am;
- (iii) obstetrik dan ginekologi;
- (iv) pediatrik;
- (v) ortopedik; dan
- (vi) perubatan kecemasan serta trauma ataupun anestesia di mana sekurang-kurangnya empat bulan akan ditetapkan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi, semasa menjalani latihan, pegawai perubatan siswazah kita akan dibimbing dan juga diselia oleh pakar perubatan yang akan memberikan rawatan kepada pesakit meliputi semua aspek, Yang Berhormat. Mereka ini dibantu oleh pegawai perubatan kanan dan prestasi pegawai perubatan siswazah kita yang meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap ini akan dipantau secara berterusan dan penilaian dibuat secara berkala berdasarkan pemerhatian semasa mereka melaksanakan tugas-tugas rutin di wad, klinik, bilik bedah dan lain-lain termasuklah prosedur-prosedur yang perlu dilakukan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam buku log yang mereka ada.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, seperti yang saya nyatakan lebih awal dalam jawapan saya, kita juga telah memperkenalkan waktu kerja secara fleksi di mana pegawai perubatan siswazah sekarang hanya perlu menjalani kerja selama 60 jam seminggu. Purata bagi setiap penempatan iaitu lima hari seminggu dengan dua hari rehat yang tidak semestinya pada hari Sabtu ataupun Ahad serta cuti gantian kelepasan am bagi mereka yang bekerja pada hari cuti kelepasan am. Sistem fleksi ini, Yang Berhormat telah diperkenalkan pada 1 September yang lepas dan kini pegawai perubatan siswazah kita tidak lagi melaksanakan sistem *on-call* yang berterusan seperti sistem terdahulu.

Ini bagi mengizinkan mereka menumpukan perhatian kepada *syllabus* ataupun pekerjaan ataupun pemantauan mereka dari segi aspek-aspek klinikal dan sebagainya. Itu sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan.

5. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kementerian bercadang mengenakan cukai penalti khas atas mana-mana kenderaan dan kilang-kilang yang mengakibatkan sebaran *carbon emission* berlebihan kepada persekitaran yang jelas mencemarkan tahap indeks sihat udara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]:

Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran udara di negara ini disebabkan oleh tiga punca utama iaitu asap daripada kenderaan, pelepasan daripada industri dan pembakaran terbuka. Bagi menangani isu ini, kerajaan sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan agar pesalah-pesalah yang mencemarkan udara dikenakan tindakan yang sewajarnya. Pihak kementerian berpendapat penguatkuasaan undang-undang ini serta pelaksanaan pelan tindakan udara bersih adalah memadai. Oleh itu tidak ada cadangan buat ketika ini untuk memperkenalkan cukai khas menangani isu pelepasan asap hitam. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah pencemaran asap khususnya memberi impak negatif kepada alam sekitar seperti jerebu, hujan asid, suhu meningkat ataupun global *warming* serta pelbagai lagi kesan negatif yang lain. Soalan tambahan saya ialah apakah pendekatan kementerian dalam mengatasi isu ini seperti memperkasakan kempen mencintai alam sekitar, penggunaan petrol tanpa plumbum, mempromosi penggunaan kenderaan hibrid dan EV or *electric vehicle* serta pengenalan *catalytic converter*.

Kedua, adakah kementerian bercadang bekerjasama dengan beberapa agensi dan kementerian lain untuk memperkenalkan beberapa undang-undang baru seperti keperluan mematikan enjin jika berhenti lebih lima minit seperti yang diamalkan di Jerman. Hukuman lebih berat ke atas mereka yang mencemarkan udara, kilang, mempromosikan kenderaan hibrid dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kementerian sedar bahawa pelepasan-pelepasan asap hitam kepada udara kita menyebabkan pencemaran. Akan tetapi ingin saya maklumkan di sini, mengikut kajian dan pemantauan kita, kita mendapati pada tahun 2010, 99.4 peratus daripada 365 hari di negara kita dianggap sebagai bersih dan pada tahun 2011, angkanya meningkat kepada 99.7 peratus udara bersih iaitu sehingga November. Ini adalah menunjukkan bahawa tindakan-tindakan yang kita telah jalankan adalah berkesan. Maka kita tidak memikirkan atau perlu untuk meminda ataupun mewujudkan satu undang-undang baru.

Yang penting adalah pertama, penguatkuasaan akan terus dijalankan. Kementerian telah pun melancarkan Program 1NRE di mana kita akan menggembeng tenaga-tenaga dari jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Hutan untuk sama-sama membantu Jabatan Alam Sekitar untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Mengenai galakan-galakan yang lain, memang telah pun diumumkan bahawa kita telah memberi insentif bagi membeli kereta hibrid. Begitu juga kerajaan telah membuat keputusan bahawa kerana sekarang kita menggunakan Euro 2. Euro 2 ini yang mengandungi sulfur sehingga 504 per *million* bagi diesel. Euro 2 ini akan ditukar kepada Euro 4 pada tahun 2015 di mana sulfur *content*nya akan kurang daripada 504 per *million* kepada 54 per *million*. Melainkan itu, kita juga telah menjalankan program-program kesedaran melalui pelbagai program termasuk program rakan alam sekitar yang telah dilaksanakan di negara ini. Jadi kita merayu kepada semua untuk memainkan peranan untuk menentukan udara kita sentiasa bersih. Terima kasih.

6. Datuk Chih Tiang Chai minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan siswazah yang mengikut Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), dan nyatakan bidang latihan yang diikuti serta peluang bagi siswazah ini mendapat pekerjaan selepas menamatkan latihan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat kerana mengajukan soalan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M).

■1050

Tuan Yang di-Pertua, program Skim Latihan 1Malaysia diadakan bertujuan memberi latihan tambahan kepada graduan yang masih menganggur setelah enam bulan bergraduan. Program SL1M mempunyai elemen *soft skills* dan *on the job training* dengan izin, yang dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan dan seterusnya mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Pelaksanaan program ini dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian secara tanggungjawab sosial korporat dengan izin, *corporate social responsibilities*.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menjalankan *tracer study*. Pada tahun 2010, didapati 78 peratus atau lebih kurang 73,000 daripada 93,000 graduan ijazah sarjana muda telah mendapat pekerjaan atau melanjutkan pengajian dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. 20,000 graduan didapati masih menganggur selepas tempoh tersebut.

Kerajaan telah mengadakan program-program khas sebagai langkah jangka pendek bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan berkenaan. Antaranya program latihan telah dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi menyediakan peluang latihan kepada sejumlah 12,000 graduan. Ini bermakna yang lebih itu, 8,000 graduan tidak berpeluang menjalani latihan tambahan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Oleh itu, program SL1M diadakan untuk memberi peluang latihan kepada mereka. Ini bermakna 90,000 graduan yang keluar pada tahun 2010, semuanya telah diambil kira dalam program menempatkan mereka di pelbagai tempat. Semenjak program SL1M ini dilancarkan pada 1 Jun 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada sasaran 8,000 graduan, seramai 6,923 graduan sedang menerima latihan yang dilaksanakan secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh 49 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta.

Seramai 1,077 graduan lagi akan menyertai program SL1M pada awal tahun hadapan mungkin Januari – Februari. Seramai 3,738 peserta program SL1M akan menamatkan latihan pada Jun 2012 dan akan mendapat penempatan kerja setelah tamat latihan.

Program SL1M ini meliputi semua bidang berdasarkan keperluan syarikat yang mengambil bahagian misalnya Telekom Malaysia Berhad (TM) dalam bidang telekomunikasi, Malayan Banking Berhad (Maybank) dalam bidang perbankan dan kewangan manakala Sime Darby Berhad dalam bidang perladangan, hartanah, permotoran, utiliti dan kelengkapan perindustrian. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chih Tiang Chai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Devamany. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil inisiatif mewujudkan program Skim Latihan 1Malaysia ini bagi meningkatkan kebolehpasaran atau *employability* graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Soalan tambahan saya ialah dalam usaha kerajaan menambahkan kebolehpasaran graduan kita, bagaimanakah kerajaan mengadakan penglibatan pihak swasta dalam skim ini supaya graduan kita menghadapi dunia kerjaya mereka. Sekian.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Baik, saya nak mengatakan bahawa memang ini adalah inisiatif swasta walaupun ia GLC, ini memang inisiatif swasta sebagai *corporate social responsibilities*. Contohnya mereka akan memberi pekerjaan bagi *intern* kepada graduan yang tak ada kerja ini selama satu tahun di mana satu tahun itu dipecahkan kepada dua bahagian. Pertama *soft skills, communication*, bahasa, *grooming* dan sebagainya. Selepas itu kepada kursus induknya contohnya Sime Darby (perladangan) dia akan bagi enam hingga lapan bulan untuk bekerja bersama mereka dan selepas itu dia tengok *employability* dia. Sekiranya dia layak, ada pihak yang merasakan modal insannya begitu penting untuk syarikat berkenaan, dia akan diserap masuk dalam pekerjaan itu.

Kalau tidak, mereka akan salurkan golongan yang telah melalui *internship* ini kepada *job script* ataupun kepada laman web KSM (Kementerian Sumber Manusia) untuk dapatkan pekerjaan *placement* mereka. Maka 49 syarikat yang terlibat ini adalah pihak swasta tapi ada kaitan dengan kerajaan. Lepas ini, lepas Februari itu bila habisnya semua 8,000 orang telah diambil, untuk tahun depan pula dia akan cari sektor-sektor lain selain daripada GLC. Baru 49. Kita berdoa bahawa semua syarikat swasta yang bukan GLC akan turut memberi sumbangan dalam program SL1M ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, contohnya Khazanah telah menawarkan 1,000 pekerjaan, 1,000 latihan SL1M ini, Skim Latihan 1Malaysia. Saya ucap tahniah kepada Khazanah. CIMB, 350. Ini adalah syarikat-syarikat yang banyak membantu. *Westport Malaysia* sebanyak 3,185. Itulah tanggungjawab mereka Tuan Yang di-Pertua. Maka kita ucapkan tahniah kepada kerajaan. Kita berdoa bahawa graduan yang keluar ini akan mempunyai tahap prestasi yang tinggi. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah-langkah kementerian bagi membela warga emas khususnya keistimewaan mendapatkan potongan harga bagi penginapan di hotel, pengurangan tambang bas dan kapal terbang serta diskaun untuk membeli barangan tertentu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan golongan warga emas agar mereka tidak terpinggir daripada arus perdana pembangunan negara di samping menjamin kesejahteraan hidup mereka di negara ini. Dalam hal ini, adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar semua warga emas di negara ini dapat hidup sihat sejahtera, bermaruah dan mempunyai martabat diri yang tinggi, mengoptimumkan potensi diri, menikmati semua peluang seperti warga lain serta mendapat penjagaan dan perlindungan daripada ahli keluarga dan anggota masyarakat. Bagi tujuan tersebut, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap warga emas di negara ini untuk terus aktif dan produktif seiring dengan pembangunan negara dan seterusnya membolehkan mereka berdikari. Iltizam kerajaan ini dizahirkan melalui penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah pun diluluskan Kabinet pada 5 Januari 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebahagian daripada penyedia pengangkutan awam meliputi udara dan darat telah pun menyediakan kemudahan potongan harga kepada warga emas pada kadar antara 30 peratus hingga 50 peratus daripada kos tambang biasa seperti berikut:

- (i) diskaun 50 peratus bagi tambang penerbangan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia iaitu MAS untuk perjalanan dalam negara; dan
- (ii) diskaun antara 25 peratus hingga 50 peratus bagi tambang pengangkutan darat yang meliputi bas ekspres ekonomi iaitu dengan diskaun sebanyak 25 peratus, ERT (transit sahaja) sebanyak 30 peratus diskaun, bas henti-henti diskaun sebanyak 50 peratus, kereta api diskaun sebanyak 50 peratus, KTM Komuter diskaun sebanyak 50 peratus, bas Rapid KL diskaun sebanyak 50 peratus dan bas Rapid Penang diskaun sebanyak 50 peratus.

Keistimewaan diskaun tambang yang diberikan kepada golongan warga emas ini diperkukuhkan lagi menerusi Bajet 2012 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pemberian diskaun 50 peratus ke atas tambang pengangkutan aliran transit ringan iaitu LRT dan Monorel oleh pengendali perkhidmatan masing-masing. Selain itu, bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh warga emas, kerajaan juga menerusi Bajet 2012 telah mengumumkan pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuklah Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah bekerjasama dengan beberapa syarikat korporat bagi memberikan potongan harga kepada golongan warga emas sempena sambutan Hari Warga Emas tahun 2011 mulai 1 Oktober hingga 31 Oktober 2011.

Antara syarikat korporat yang mengambil bahagian ialah Syarikat Jakel Sdn. Bhd. yang telah pun memberikan potongan harga sebanyak 50 peratus ke atas setiap pembelian barangan di beberapa gedung terpilih iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Segamat dan Sungai Petani. Selain itu, Syarikat Focus Point Sdn. Bhd. pula memberikan potongan harga sebanyak 30 peratus ke atas pembelian cermin mata di setiap cawangannya. Kementerian akan terus berusaha memujuk dan meningkatkan kesedaran kepada pengusaha-pengusaha perkhidmatan dalam sektor-sektor yang lain supaya memberikan harga perkhidmatan yang istimewa kepada warga emas termasuklah di sektor perhotelan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dalam membela kebajikan golongan warga emas di negara ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih kepada Timbalan Menteri dan juga Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Penduduk warga emas atau yang berumur 60 tahun ke atas berjumlah 2.1 juta atau 7.3 peratus manakala akan meningkat kepada 2.2 juta atau 9.5 peratus menjelang 2020. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai pangkalan data yang lengkap dan sentiasa dikemas kini mengenai warga emas ini dari segi lokasi dan status sosial dan ekonomi dan adakah kerajaan bercadang mengeluarkan kad khas kepada semua warga emas bagi memastikan setiap warga emas akan mendapat kemudahan dan bantuan sewajarnya.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kementerian melalui LPPKN, kita memang mempunyai data yang lengkap dan terkemas kini tentang jumlah warga emas yang terdapat di negara ini. Misalnya bagi tahun ini, 8 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia adalah merupakan warga emas yang berada dalam kategori umur 60 tahun dan ke atas. Menjelang tahun 2030, di mana penduduk di negara ini diunjurkan akan terdapat 15 peratus daripadanya adalah terdiri daripada warga emas dan mengikut definisi PBB iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun itu bila populasi atau penduduk kita mencecah 15 peratusnya adalah warga emas, maka masa itu negara ini akan ditafsirkan sebagai negara tua.

Bagi menghadapi cabaran ini, sebenarnya di bawah usaha kementerian ini, kita telah pun membuat pelbagai perancangan dan strategi di bawah Dasar Warga Emas Negara dan juga Pelan Tindakan Warga Emas untuk menghadapi cabaran ini. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mempunyai satu sistem latihan khas untuk pendidikan bagi warga emas, sebagaimana kalau untuk kanak-kanak kita ada kursus asas asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak kementerian, jadi adakah untuk warga emas ini pihak kementerian mempunyai kursus seperti ini yang boleh dilangani oleh pihak swasta yang akan mengendalikan pusat-pusat warga emas ataupun orang ramai, itu yang pertama.

Kedua, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji untuk memberikan penarafan bintang kepada mana-mana premis ataupun syarikat yang boleh memberikan satu insentif sama ada mesra warga emas, mesra OKU, mesra kanak-kanak, mesra keluarga, mesra ibu hamil, sebagai syarat untuk mereka mendapat penarafan ataupun pengecualian untuk CSR bagi kegunaan LHDN. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya, setelah Dasar Warga Emas Negara diluluskan, kementerian telah pun mengadakan mesyuarat iaitu Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara pada Jun yang lepas.

Melalui Mesyuarat ini, kita telah pun menubuhkan tujuh jawatankuasa kecil yang melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan sebagainya dalam menjayakan semua program yang dirancang. Tentang isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sama ada kita mempunyai latihan yang khusus untuk warga emas ini, jawapannya memang ada iaitu kita memang merancang pelbagai latihan iaitu latihan semula untuk membantu warga emas yang masih produktif supaya dapat bekerja dengan keadaan alam sekitar atau jenis pekerjaan yang sesuai dengan keadaan dan kemahirannya. Sekian, terima kasih.

8. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji ini berfungsi dalam menyelaraskan pentadbiran wakaf di seluruh negara dan bagaimanakah usaha kerajaan bagi memberi pemahaman tentang konsep dan pentadbiran harta wakaf bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Untuk makluman Dewan yang mulia, mengikut Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam termasuklah pengurusan wakaf adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Pengurusan wakaf negeri adalah berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Enakmen Wakaf Negeri di mana Majlis Agama Islam Negeri adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta-harta wakaf sama ada berbentuk harta alih atau harta tidak alih. Sehubungan itu, perkembangan dan kemajuan institusi wakaf sangat terlalu bergantung kepada keupayaan Majlis Agama Islam Negeri untuk memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah tunggal.

Di peringkat Persekutuan, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji atau JAWHAR di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Fungsi JAWHAR adalah untuk membantu Majlis Agama Islam Negeri dalam memperkasakan institusi wakaf ke tahap yang lebih baik. JAWHAR telah mengambil inisiatif untuk memperkemas pengurusan dan pentadbiran wakaf terutama dalam aspek perundangan dan keupayaan institusi, supaya institusi wakaf lebih berdaya maju dan dapat menyumbang kepada *wealth creation*, dengan izin, bagi faedah masyarakat Islam.

Berhubung dengan pemahaman dan konsep dan pentadbiran harta wakaf perlu diakui bahawa sebahagian besar masyarakat pada hari ini masih belum memahami secara mendalam konsep ibadah wakaf ini. Umpamanya tanggapan bahawa tujuan wakaf hanya untuk membina masjid dan kubur sahaja padahal pelbagai bentuk pembangunan yang memfokuskan kepada projek ekonomi seperti pembangunan hotel, ruang niaga dan sebagainya yang boleh menjana peningkatan ekonomi umat Islam dengan syarat tanah tersebut mestilah berstatus wakaf am. Sehubungan itu, beberapa pendekatan telah dilaksanakan oleh JAWHAR sebagai mewujudkan info pengurusan wakaf seperti e-Bayanat dan e-Wakaf dan penerbitan Manual Pengurusan Wakaf JAWHAR bagi meningkatkan pemahaman dan memperkemas tadbir urus terbaik. Terima kasih.

■1110

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan soalan saya sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pembangunan tanah wakaf yang masih terlalu kecil iaitu sebanyak 71.6 hektar atau 0.72 peratus sahaja telah dimanfaatkan dengan pelbagai bentuk pembangunan berbanding dengan keluasan 11,091.61 hektar yang bertaburan di seluruh negara. Jadi, adakah sebarang kajian diwujudkan sebagai rujukan dalam merencanakan pembangunan wakaf secara optimum.

Yang kedua, kerenah birokrasi mekanisme agihan yang lambat dan rumit. Keberkesanan dan ketulusan agihan, langkah proaktif mencari asnaf dan lain-lain isu kerap kali ditimbulkan oleh masyarakat. Jika tidak diatasi ia boleh menjejaskan institusi zakat itu sendiri dan menghilangkan kepercayaan masyarakat terhadap pihak berkuasa zakat.

Soalan saya, apakah transformasi bidang pengurusan zakat yang dirancang oleh kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah dan isu-isu yang disebutkan tadi? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya masuk kepada soalan yang pertama tentang pembangunan tanah wakaf yang dilihat masih terlalu kecil peratusannya dan adakah kajian diwujudkan untuk melihat jumlah tanah wakaf kecil ini. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, bagi pihak JAWHAR tidak mengadakan sebarang kajian tetapi kita sangat bergantung pada Majlis Agama Islam Negeri itu sendiri untuk memberi maklumat kepada kita.

Bagaimanapun, besar kemungkinan sebahagian besar daripada tanah wakaf ini sukar untuk dibangunkan kerana kedudukan tanah wakaf itu sendiri yang tidak strategik untuk dibina kepada peningkatan ekonomi dan sebagainya. Kedua, masalah yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri Yang Berhormat, ialah tanah-tanah wakaf ini kebanyakannya diwakafkan secara khas maknanya tanah wakaf ini disebut oleh pewakaf bahawa diwakafkan untuk tanah kubur misalnya. Jadi agak sukar kepada kita untuk menukar status tanah ini dan memang tidak boleh ditukarkan menjadi tanah wakaf am untuk dibuat penjana ekonomi yang lain sebab wakaf ini dikhaskan untuk dijadikan tanah kubur sahaja.

Oleh sebab itu kesedaran diberikan kepada masyarakat hari ini supaya apabila mereka wakafkan sebidang tanah, tidak dihadkan kepada wakaf khas semata-mata, yang menyulitkan tanah wakaf ini di masa akan datang untuk dibangunkan. Perkara kedua yang ditanya oleh Yang Berhormat, sebenarnya terkeluar daripada tanah wakaf tetapi ia masuk juga di dalam JAWHAR tentang birokrasi agihan asnaf zakat. Sebenarnya saya mungkin tidak bersetuju bahawa adanya birokrasi kalau kita kepada asnaf yang lapan, pembahagian itu dibahagikan dengan dua cara sama ada kita menjalankan usaha untuk mencari asnaf yang lapan ini ataupun kita juga dalam masa yang sama menerima maklumat daripada pemimpin-pemimpin tempatan tentang mereka yang layak untuk menerima. Ketiganya, secara *walk-in* dengan izin, kepada mereka-mereka yang dilihat layak untuk menerima zakat tersebut.

Transformasi Yang Berhormat tanya tadi tentang bidang urusan zakat. Untuk maklumat, zakat hari ini tidak diberi kepada asnaf untuk diberi mencari orang susah sahaja Yang Berhormat tetapi kita juga ada mengeluarkan zakat ini kepada mereka yang hendak menyambung pelajaran. Begitu juga, kita mengadakan skim-skim untuk menambahkan lagi usahawan-usahawan yang berjaya dalam bidang zakat dengan harapan usahawan-usahawan ini setelah mereka berjaya dengan bantuan wang zakat, mereka juga boleh mengeluarkan zakat untuk membantu orang yang tidak berkemampuan selepas ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat berwakaf sebagai harta yang disumbangkan seseorang untuk dimanfaatkan orang ramai. Sangat penting untuk pembangunan ekonomi. Ekonomi muafakat di kalangan masyarakat adalah asas kepada kestabilan dan kemantapan ekonomi negara.

Justeru, Islam pada awalnya menganjurkan satu prinsip dinamik iaitu prinsip *Al-Adl Wal Ihsan* iaitu keadilan dan muafakat dalam menyusun bangun sesebuah ekonomi. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kerajaan bercadang memberi nafas baru dalam konteks kefahaman kepentingannya kemampuan dalam menyusun dan membangun masyarakat. Pada kemuncaknya sebagai model yang berperanan dengan memberi kesan membina kepada kemajuan masyarakat semasa. Yang kedua, apakah yang dimaksudkan dengan wakaf korporat? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat dan saya sangat bersetuju dengan semangat Yang Berhormat yang mengatakan bahawa semangat wakaf itu sendiri sangat penting supaya ada nilai *Al-Adl Wal Ihsan* dalam menyusun ekonomi tersebut. Jika persoalan yang diajukan tentang hasrat kerajaan untuk memberi satu nafas baru tentang wakaf ini sendiri, sebenarnya Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita telah menjalankan beberapa aktiviti untuk memperkemas tadbir-urus atau *good governance* dalam wakaf ini sendiri.

Antara lainnya, kita memperkenalkan pengurusan wakaf tunai kerana kita percaya bahawa wakaf juga seharusnya menjadi seperti zakat, untuk menjadi satu model yang sangat berkesan sebagai pemangkin kepada ekonomi masyarakat Islam. Justeru, masyarakat yang tidak mampu untuk memberi wakaf yang banyak digalakkan untuk menderma melalui potongan skim gaji dan juga kepada wakaf tunai. Yang mana dalam wakaf tunai ini sebidang tanah yang besar dikecilkan untuk membolehkan mereka yang tidak mampu untuk membuat wakaf yang besar, sebidang tanah tetapi masih lagi mampu untuk turut serta dalam wakaf yang kita katakan sebagai satu teras kepada zakat tersebut.

Begitu juga sebagai memberi nafas yang baru kita juga membuat satu pengurusan wakaf yang kita namakan sebagai wakaf istibdal. Wakaf istibdal ini Yang Berhormat kadang-kadang memang ada satu tanah yang berpaya misalnya ataupun tanah yang langsung tidak strategik untuk dibangunkan. Jadi, tanah itu pula diwakafkan dalam bentuk wakaf am dengan syarat wakaf am, tidak wakaf khas maka kita telah membuat satu pertukaran tanah wakaf tersebut. Maknanya dibeli tanah lain yang lebih strategik, dijual tanah ini untuk diberikan tanah lain yang boleh dibangunkan daripada dibiarkan tanah yang diwakafkan dan tanah tersebut tidak boleh dibangunkan kerana masalah tanah yang memang bermasalah ataupun tidak strategik langsung untuk dibangunkan secara ekonomi.

Berkenaan dengan wakaf korporat ini Yang Berhormat ia lebih merujuk kepada korporat-korporat yang membuat wakaf dan tidak merujuk kepada apa yang dilaksanakan oleh JAWHAR. Terima kasih.

9. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bila pelaksanaan penggunaan bahasa Tamil di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA ini kerana terdapat peningkatan kedatangan pelancong asing dari negara India melawat negara kita Malaysia dan penggunaan bahasa Arab di KLIA juga digunakan sewaktu musim percutian pelancong dari negara Arab.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini pihak Kementerian Pengangkutan belum mempunyai perancangan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Tamil di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Kementerian Pengangkutan mendapati belum ada keperluan untuk pengumuman bahasa Tamil di KLIA kerana penumpang-penumpang yang datang daripada negara India bertutur di dalam pelbagai bahasa ibunda seumpamanya Hindi, Urdu, Tamil, Malayalam, Telugu dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada penumpang-penumpang negara India juga adalah fasih di dalam bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua terpenting di negara tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini pengumuman di KLIA dibuat dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Manakala pengumuman di dalam bahasa Arab hanyalah dibuat mengikut musim. Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Soalan tambahan terima kasih. Berapakah jumlah kapal terbang yang tiba dari India ke Kuala Lumpur setiap hari? *Announcement* pun di KLIA dalam bahasa Mandarin, Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jepun, tetapi bahasa Tamil, tidak ada, kenapakah begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri? *Thank you.*

■ 1120

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat saya tidak ada maklumat di sini, saya akan berikan kepada Yang Berhormat berkaitan dengan kedatangan berapa penerbangan yang datang daripada India setiap hari. Akan tetapi mengikut statistik kedatangan pelancong bagi tahun 2007- 500,929 orang yang datang daripada pelbagai destinasi. Pada tahun 2010 iaitu seramai 714,279 orang pelancong yang datang daripada pelbagai destinasi seperti Bangalore. Bagi tahun 2010 - 55,524 orang daripada Chennai, 195,946 orang daripada Delhi, 133,843 orang Hyderabad, 43,847 orang dan selanjutnya pada destinasi-destinasi yang lain.

Seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa pelancong-pelancong daripada India ini adalah datang daripada pelbagai destinasi iaitu daripada utara dan juga daripada selatan. Mereka ini bertutur dalam pelbagai bahasa. Ada yang bertutur dalam bahasa Hindi, ada yang bertutur dalam bahasa Urdu dan ada juga yang berbahasa Tamil. Sebahagian besar daripada pelancong-pelancong daripada India ini memang mempunyai kemahiran dalam bahasa Inggeris. Jadi apa yang saya nyatakan tadi itu apabila kita membuat pengumuman kita menggunakan tiga bahasa utama iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Bagi bahasa-bahasa lain dilakukan dalam musim tertentu sahaja. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita lihat di Malaysia, di KLIA *tourist arrival* ataupun kemasukan *passenger* adalah lebih kurang di bawah 30 juta orang. Kita menggunakan empat bahasa, bahasa Inggeris, Bahasa Kebangsaan, bahasa Jepun dan juga bahasa Mandarin. Kemudian kita membuat perbandingan *airport* yang lebih besar di dunia, Paris dengan kehadiran *60 million passenger*, Melbourne *47 million passenger*, dan Dubai *47 million passenger*. Kebanyakan *airport-airport* besar di dunia hanya menggunakan dua bahasa sahaja. Bahasa tempatan satu, dan juga bahasa Inggeris. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir jawapan Yang Berhormat itu, apa yang dikatakan Yang Berhormat itu memanglah benar. Sebahagian besar daripada lapangan terbang di seluruh dunia hanya mengadakan satu bahasa tempatan dan juga bahasa asing. Akan tetapi dalam konteks negara Malaysia memandangkan negeri China misalnya adalah salah satu negara yang mempunyai potensi yang besar dan mereka mempunyai pertuturan satu bahasa sahaja maka kita telah menambah satu lagi untuk ketika ini iaitu bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan bahasa Mandarin. Bagi bahasa-bahasa yang lain hanya dilakukan semasa sekiranya terdapat musim kedatangan yang ramai sahaja. Terima kasih.

10. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah benar Kementerian bercadang mewajibkan semua pembantu rumah asing kecuali Indonesia mengikuti kursus Bahasa Malaysia selama enam bulan sebelum di benar bekerja di negara ini dan jika benar, bagaimanakah cara pengendalian kursus ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada wakil kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha mewajibkan semua pembantu rumah asing tidak terkecuali pembantu rumah Indonesia mengikuti kursus Bahasa Malaysia sebelum dibenarkan bekerja di negara ini. Kursus Bahasa Malaysia ini adalah bertujuan untuk melicinkan proses komunikasi di antara majikan dan pembantu rumah asing tersebut.

Latihan bahasa Malaysia ini perlu diberikan kepada semua bakal pembantu rumah asing sebelum mereka berangkat ke negara ini. Latihan perlu dikendalikan di negara asal masing-masing. Usaha ini boleh membantu memastikan keberkesanan komunikasi antara majikan dan pembantu rumah asing. Ia juga boleh mengelak berlaku salah faham yang boleh kemungkinannya menjadi perkara-perkara yang tidak diingini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, di antara Malaysia dan Indonesia sudah wujud persetujuan di mana tempoh masa latihan yang ditetapkan sebelum dihantar ke Malaysia adalah satu kursus selama 200 jam, yakni bersamaan lima minggu. Komponen latihan ini merangkumi perkara-perkara seperti pengurusan rumah tangga, pengurusan orang tua dan kanak-kanak termasuk pengenalan kepada adat istiadat budaya undang-undang dan bahasa. Pusat-pusat latihan berkenaan diminta memenuhi standard minima yang bersesuaian seperti ketetapan yang digariskan dalam standard Kemahiran Pekerjaan Malaysia yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri memang saya faham bahawa hanya pembantu rumah dari Indonesia sahaja ada persefahaman. Macam mana keadaan berbanding dari negara-negara lain khususnya *Cambodia*, kini sudah berhenti menghantar pembantu rumah. Juga ada banyak dakwaan bahawa pembantu rumah *Cambodia* didera, macam-macam kesalahan dilakukan terhadap mereka. Apakah perlindungan yang diberi ataupun yang diwujudkan untuk menjaga keselamatan mereka bila mereka ada di negara kita? Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, negara-negara lain juga kita sedang berusaha untuk melaksanakan kursus bahasa ini tetapi kita memulakannya dengan Indonesia kerana Indonesia merupakan negara yang terbanyak sekali menghantar pembantu rumah ke negara ini dan sehingga angka pada tahun akhir yang kita dapat, suku tahun yang terakhir tahun ini menunjukkan bahawa pembantu rumah dari Indonesia terdapat dalam 189,391 orang. Ini adalah satu jumlah yang terbesar daripada negara-negara sumber yang lain.

Memandangkan kita sudah ada perjanjian persefahaman dengan Indonesia, yang mana yang terkini dimaterai pada 30 Mei 2011 yang lalu dan Indonesia juga telah bersetuju untuk menamatkan sekatannya dan kita telah mencapai persetujuan ini pada 1 Disember yang lalu dan kita menjangka kita akan menerima kumpulan pembantu rumah Indonesia yang pertama pada bulan Mac ini setelah mereka mengikuti kursus yang saya sebut 200 jam tadi termasuklah kursus bahasa. Jadi ini yang kita utamakan dahulu. Bagi negara-negara sumber yang lain seperti Kemboja iaitu yang kedua terbanyak dari Kemboja 39,115 orang dan negara-negara lain kita akan laksanakan berperingkat-peringkat.

Mengenai kursus tentang Kemboja saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini sekatan yang dibuat oleh Kemboja bukan hanya kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara lain yang mereka telah bekalkan pembantu rumah kerana mereka dalam proses untuk menstrukturkan semula sistem penghantaran domestik, sistem yang ada di negara mereka pada masa ini. Perlindungan-perindungan pertamanya semua pekerja-pekerja asing termasuk pembantu rumah asing adalah tertakluk kepada undang-undang yang ada di negara ini yang mana jika berlaku sesuatu yang tidak diingini dan jika ada unsur jenayah, ia akan dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia dan jika ia berkaitan dengan peraturan-peraturan kerja ia dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia.

■1130

Perlindungan-perindungan ini juga sedang dimantapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan kementerian serta jabatan-jabatan berkaitan yang ada kaitan dan kepentingan di mana kita pada masa ini sedang mengadakan berbagai-bagai usaha untuk mewujudkan seperti dengan Indonesia kita sudah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja yang mana isu-isu ini akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja itu mengikut keperluan dan mengikut kekerapan yang sepatutnya dan begitu juga dengan Kemboja, kita telah mengadakan perbincangan di antara kedutaannya dengan Kementerian Sumber Manusia dan beginilah seterusnya akan dilaksanakan di mana pemantauan di antara dua negara itu perlu diperhebat. Terima kasih.

11. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah bank tempatan dan bank negara asing pada masa kini. Adakah kelebihan bank asing akan membawa kesan kepada ekonomi negara semasa ekonomi merosot.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Malaysia kini mempunyai 34 bank tempatan dan 22 bank asing di mana aset institusi perbankan asing pada masa ini mencakupi kira-kira 22 peratus daripada jumlah aset sektor perbankan di Malaysia. Kebanyakan institusi asing ini telah bertapak sejak dahulu lagi di samping menjadi perintis semasa pembentukan sistem kewangan Malaysia pada kurun ke-19. Oleh itu mereka mempunyai kepentingan dalam ekonomi Malaysia dan telah memberi sumbangan secara berterusan dalam pelbagai kitaran ekonomi negara.

Penyertaan bank-bank asing dalam sistem kewangan negara telah membawa pelbagai faedah termasuk:

- (i) menyumbang ke arah pembangunan sektor kewangan tempatan yang lebih pelbagai dengan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada sektor pertumbuhan baru dan ekonomi sasaran seperti sektor pasaran kewangan tenaga komuniti dan perkapalan;
- (ii) membawa masuk kepakaran khusus yang diperlukan, amalan terbaik dan teknologi terbaru bagi menyumbang kepada pembangunan produk-produk baru dan inovatif bagi memenuhi keperluan dalam sektor kewangan dan di samping itu ia juga membolehkan pengguna mendapat manfaat daripada produk dan perkhidmatan bertaraf dunia; dan
- (iii) memperkukuhkan dan mempertingkatkan perhubungan pelaburan dan perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, krisis yang tercetus di negara maju seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat baru-baru ini telah membawa pemerhatian yang lebih mendalam bahawa institusi kewangan yang aktif di seluruh dunia mempunyai implikasi yang lebih meluas terhadap kestabilan kewangan sesebuah ekonomi dapat dirasai melalui kejutan luar yang mampu mereka sebarkan kepada pasaran-pasaran tempatan mereka beroperasi.

Namun demikian, rangka kerja pengawal seliaan di Malaysia menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk mengurangkan kesan penularan rentas sempadan seperti berikut:

- (i) undang-undang Malaysia mewajibkan bank-bank asing dan institusi perbankan di Malaysia supaya bank-bank tersebut mempunyai modal dan tadbir urus yang berasingan daripada operasi mereka di negara lain. Keperluan adanya modal kekal terhadap entiti yang diperbadankan di Malaysia atau entiti domestik tersebut menjamin ketersediaan dana modal khusus untuk memelihara kemampuan dan kesinambungan operasi mereka di Malaysia dan juga membentuk lembaga penggerak yang berasingan di Malaysia;
- (ii) lembaga penggerak ini bertanggungjawab terhadap operasi entiti domestik di Malaysia termasuk menilai kesesuaian strategik, juga dalam konteks pasaran domestik dan mengawal *the ring-fenced asset model entity domestic* untuk memastikan obligasi di Malaysia terutamanya dalam pendeposit bank di tunai terlebih dahulu;
- (iii) tahap pengawasan yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia terhadap institusi kewangan asing adalah sama dengan yang dilaksanakan terhadap institusi kewangan domestik. Ini termasuk adanya rangka kerja pengawal seliaan yang mantap bagi memastikan daya tahan institusi kewangan terus mapan di bawah pelbagai senario kewangan dan ekonomi dengan menggalakkan ujian ketahanan dan proses pengurusan modal yang lebih jitu. Bank Negara Malaysia juga mempunyai kuasa mencukupi untuk mengambil langkah segera dan langkah awal bagi menangani apa-apa risiko dan kelemahan institusi kewangan. Di samping itu kepentingan pendeposit bank asing sama seperti institusi perbankan domestik di lindungi di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim. Teragak-agak hendak berdiri?

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tidak, susah hendak berdiri sebab banyak sangat buku di bawah... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Ya, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan sedar bahawa sumbangan bank-bank Eropah kepada ekonomi Malaysia adalah sebanyak 19 peratus daripada KDNK iaitu RM155 bilion. Memandangkan krisis zon Eropah yang kian meningkat ini, modal tersebut mungkin ada di alir keluar dari negara ini. Apakah pendekatan yang telah disediakan oleh kerajaan mengenai situasi sekiranya ini berlaku.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim atas soalan yang dibangkitkan tadi. Seperti yang kita semua sedia maklum bahawa masa ini memang Kesatuan Eropah dan juga Amerika Syarikat sememangnya semua menghadapi masalah kewangan dan isu ini memang bukan senang untuk kita campur tangan. Memang kerajaan masing-masing akan ambil tindakan yang sewajarnya dengan IMF *atau World Bank*.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator mengenai bank-bank Eropah yang ada kaitkan dengan 19 peratus KDNK. Laporan itu telah dibuat di surat khabar dan Bank Negara Malaysia telah memberi jawapan memang Yang Berhormat tidak dapat baca laporan itu. Memang itu tidak benar, saya ulang sekali di sini. Sekian.

■1140

12. Dr. Syed Husin Ali minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian dalam pemulihan dan mempromosi tapak-tapak bersejarah di sekitar Lembah Bujang dan Kuala Kedah.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemuliharaan Lembah Bujang, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah membina bumbung perlindungan ke atas monumen yang telah berjaya didedahkan melalui ekskavasi untuk memeliharanya dan menanggung kos penyelidikan yang dijalankan oleh pihak Universiti Sains Malaysia (USM) di tapak-tapak utama iaitu Sungai Batu dan Jerning. Melalui RMKe-10, kementerian ini merancang untuk membina sebuah galeri di kawasan ini agar rakyat mengetahui mengenai penulisan semula sejarah negara yang mana Lembah Bujang adalah merupakan tamadun yang tertua di Asia Tenggara. Dari segi promosi, beberapa langkah telah dijalankan dari semasa ke semasa seperti berikut:

- (i) penganjuran program lawatan sekolah-sekolah;
- (ii) membawa pakar-pakar dari dalam dan luar negara;
- (iii) menganjurkan program seminar antarabangsa;
- (iv) mengadakan pameran;
- (v) menerbitkan artikel melalui akhbar;
- (vi) memasukkan dokumentari melalui televisyen dalam beberapa sesi termasuk melalui *History Channel*; dan
- (vii) menerbitkan brosur.

Sekian.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan ataupun mana-mana universiti untuk menulis sejarah tentang kawasan-kawasan yang menjadi pusat peradaban seperti ini dan lain-lain. Selanjutnya, apakah jaminan bahawa tidak akan berlaku pembangunan perumahan ataupun tanah di kawasan berdekatan dengan kawasan tersebut. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, Lembah Bujang adalah bertarikh tahun 110 (Sebelum Masihi) kerana itu kajian terperinci telah dilakukan dan sedang berlaku kerana kalau benda ini diwartakan, ia akan menjadi, kita pernah terpaksa untuk ubah sejarah negara kita dan juga selalu kita menjaga kawasan-kawasan sekeliling. Sebenarnya, kita akan membeli kawasan-kawasan sebelah kerana tidak kena campur dengan tanah yang kita luaskan untuk *archeologist* membuat kerja. Sekian.

13. Puan Doris Sophia ak Brodi minta Menteri Kewangan menyatakan, kedudukan terkini prestasi GLC yang telah melalui program transformasi dan apakah langkah seterusnya oleh kerajaan jika masih terdapat GLC yang masih gagal menunjukkan prestasi terbaik di sebalik program ini.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab sekali gus pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi pada hari ini dan pertanyaan-pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin pada 7 Disember dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pada 14 Disember memandangkan soalan ini menyentuh perkara yang berkaitan prestasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat, sejak bermulanya program GLCT pada Mei tahun 2004, 18 GLC terbesar di bawah program GLCT telah mencapai kemajuan yang ketara dan kini berada pada kedudukan yang lebih kukuh berbanding semasa program ini bermula. Ini dapat dilihat dengan kedudukan GLC-GLC ini tidak terjejas dengan teruk semasa krisis kewangan global yang berlaku pada tahun 2008 dan tahun 2009. Prestasi syarikat kembali ke landasan pertumbuhan kukuh sejak daripada itu. Di antara prestasi yang dicapai adalah seperti berikut:

- (i) pendapatan agregat 18 GLC meningkat 80 peratus kepada RM17.3 bilion pada tahun kewangan 2010 berbanding dengan RM9.6 bilion pada tahun kewangan 2004;
- (ii) setakat 25 November 2011, permodalan pasaran 18 GLC tersebut telah meningkat sekali ganda kepada RM319 bilion sejak permulaan program GLCT pada tahun 2004;
- (iii) jumlah pulangan pemegang saham (TSR) GLC-GLC tersebut telah menyaksikan peningkatan terkumpul sebanyak 13.6 peratus setahun; dan
- (iv) pada 14 Mei 2004 sehingga 25 November 2011 sejumlah 72 peratus daripada petunjuk prestasi utama (KPI) GLC-GLC telah dicapai daripada tahun kewangan 2010, meningkat daripada 64 peratus pada tahun kewangan 2009.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun beberapa GLC telah mencatat keputusan kewangan yang kurang memberangsangkan termasuk Malaysia Airlines System (MAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Proton Holdings Berhad (PROTON). Masalah yang dihadapi oleh GLC-GLC ini berpunca daripada beberapa isu di luar kawalan syarikat yang berkaitan dengan struktur dan sektor masing-masing. Di antaranya termasuk peningkatan harga minyak, kekurangan bekalan bahan mentah serta mekanisme penetapan harga barangan dan perkhidmatan.

Usaha sedang giat dilaksanakan oleh GLC-GLC tersebut bagi mengatasi isu-isu yang dihadapi dengan mengadakan kerjasama dengan syarikat pesaing dan sektor swasta di samping menumpukan kepada sektor pertumbuhan baru sektor rancangan semula segmen pasaran. Memandangkan GLC-GLC ini merupakan syarikat tersenarai, lembaga pengarah syarikat masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memantau prestasi pengurusan syarikat GLC dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya sekiranya prestasi GLC tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh lembaga pengarah syarikat.

Dalam tempoh 14 Mei 2004, ketika Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) menerima mandat baru sehingga 31 Disember 2010, Khazanah telah melaksanakan sejumlah 78 pelaburan baru bernilai RM41.1 bilion. Pada masa ini, kedudukan kewangan Khazanah berada dalam keadaan yang kukuh berdasarkan kedudukan nilai aset yang boleh direalisasikan atau *realisable asset value* yang ada pada kadar 2.9 kali lebih banyak berbanding tanggungan liabiliti yang berjumlah RM38.8 bilion setakat 31 Disember 2010.

Dalam tempoh tujuh tahun di antara tahun 2004 sehingga tahun 2010, bayaran dividen oleh Khazanah kepada kerajaan telah meningkat kepada RM1.6 bilion berbanding dengan RM305 juta yang telah dibayar dalam tempoh sembilan tahun di antara tahun 1995 sehingga tahun 2003.

Dari segi jumlah pekerjaan yang telah diwujudkan setakat 31 Disember 2010, sembilan GLC terbesar milik Khazanah di bawah program GLCT telah mengajikan seramai 171,477 pekerja atau 48.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan di 18 buah GLC yang berjumlah seramai 354,977 orang kakitangan. Sekian.

■1150

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada pihak kementerian atas jawapan yang diberikan tadi. Saya cuma ingin bertanya sedikit lagi adakah terdapat cadangan bagi syarikat-syarikat GLC yang mempunyai *business planning* yang *strategic* ataupun *business planning* yang *identical*, dengan izin, dan juga syarikat-syarikat GLC yang berkepentingan setara bagi memastikan kos dapat dijimatkan dan juga supaya GLC tersebut akan dapat lebih fokus dan berdaya saing. Minta pandangan pihak Menteri. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Doris atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang pihak Khazanah dan juga pihak GLC-GLC yang berkenaan, kita sentiasa mencari peluang yang lebih baik. Memang kita sedar buat masa ini ada beberapa kompelin dari syarikat tempatan iaitu takut GLC kita *over crowding* di Malaysia. Kita di kementerian dan juga pihak berkenaan kita akan bincang, kita hendak GLC-GLC kita pergi ke *oversea* sekurang-kurangnya mereka mesti pergi ke ASEAN sebab ASEAN ada lebih kurang 600 juta rakyat kalau dibandingkan dengan Malaysia yang hanya 28 juta, ada lebih peluang.

Kita harap mereka boleh membawa syarikat-syarikat tempatan bumiputera atau bukan bumiputera pergi sekali dan buat keuntungan dan juga boleh ada memberi pekerjaan untuk *youngster* kita selepas mereka berlepas dari universiti dan kolej. Kita memang harap Yang Berhormat Senator kalau ada pandangan yang baik boleh merujuk kepada kementerian kita dan kita harap boleh memberi peluang kepada semua orang. Sekian.

14. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) mengapakah syarikat automotif Proton sering kali gagal dalam kolaborasi serta perjanjian persefahaman di mana yang terbaru dengan Nissan Motor Company Limited atas alasan perbezaan pandangan; dan
- (b) adakah Proton bakal mengambil kira Syarikat Perodua sebagai rakan kerjasama dalam usaha memajukan industri automatif tempatan tanpa terlalu bergantung pada usaha sama dengan syarikat automatif luar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon maaf bagi pihak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga timbalan-timbalannya kerana mereka tidak dapat hadir di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan dan saya telah pun diarahkan untuk menjawab soalan ini bagi pihak kementerian tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Dimaafkan Yang Berhormat Timbalan Menteri atas sebab-sebab yang tertentu dan dibenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan ini.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kolaborasi antara Proton dengan syarikat-syarikat automotif antarabangsa adalah meliputi pelbagai bidang kerjasama yang merangkumi kedua-dua aspek teknikal khusus dan juga pengurusan korporat. Walau bagaimanapun, keputusan akhir sama ada sesuatu usaha sama itu boleh dimuktamadkan atau tidak adalah bergantung kepada kajian kebolehlaksanaan dan potensi manfaat yang dijangka diperoleh dalam jangka masa panjang atau pendek.

Dalam perbincangan dengan Nissan contohnya kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengkaji peluang-peluang kerjasama dalam bidang-bidang tertentu seperti penggunaan dengan izin, *platform power trend* Nissan oleh Proton termasuk penggunaan model Nissan Fuga sebagai model gantian bagi Proton Perdana. Namun demikian, cadangan kolaborasi ini tidak diteruskan kerana tidak menepati strategi jangka masa panjang Proton.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan kerjasama antara Proton dan Perodua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa majlis makan malam bersempena ulang tahun ke-25 Proton pada 9 Julai 2010 telah mencadangkan supaya Proton dan Perodua bergabung bagi mengatasi masalah lebihan kapasiti di pasaran tempatan di samping mewujudkan sebuah syarikat automotif nasional yang lebih berdaya saing.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian penggabungan tersebut telah selesai dan dibentangkan di mesyuarat majlis ekonomi pada awal tahun ini. Majlis ekonomi telah memutuskan cadangan ini tidak lagi diteruskan. Keputusan ini diambil setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah maklum balas daripada pihak Proton dan juga Perodua. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan daya saing kedua-dua pengeluar kereta nasional tersebut, kerajaan bersetuju supaya mereka bekerjasama dalam bidang-bidang strategik seperti pembangunan produk, perolehan bahan mentah dan komponen, pembangunan vendor, pengeluaran, pengedaran dan juga jualan kenderaan serta perkhidmatan lepas jualan supaya lebih kompetitif.

Selain itu, kerajaan pada masa ini sedang membangunkan pelan hala tuju peningkatan daya saing industri automotif tempatan khususnya Proton dan Perodua bagi menghadapi cabaran liberalisasi pasaran serantau dan juga antarabangsa. MITI melalui *Malaysia Automotive Institute* (MAI) kini sedang menyelaras kerjasama strategik di antara Proton dan juga Perodua bagi memastikan industri automotif tempatan menjadi lebih berdaya saing dan mampu untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa. Itu sahaja. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyentuh sedikit isu pelan untuk menjual saham Proton oleh Khazanah. Baru-baru ini Khazanah Nasional membuat pengumuman untuk mengurangkan pegangan sahamnya di dalam Proton. Laporan awal menyebut tiga pembida saling bersaing untuk menguasai kepentingan dalam syarikat automotif tempatan itu. Khazanah merupakan pemegang saham terbesar Proton ketika ini iaitu berjumlah 42.7 peratus. Tiga syarikat tersebut ialah NAZA, DRB Hicom dan Pengerusi Proton sendiri. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah bukannya siapa bakal memenangnya tetapi hala tuju Proton itu sendiri.

Soalan tambahan saya sejauh manakah kementerian berpandangan dengan pelepasan saham Khazanah yang bakal menjadikan Proton sebagai syarikat automotif yang berdikari dan bukan lagi sebahagian entiti GLC kerajaan. Adakah Proton mampu berdikari dan berkapasiti untuk mengeluarkan produk berkualiti mampu milik serta kemampuan untuk membawa Proton menembusi pasaran global dengan jumlah jualan yang besar. Ini kerana saya berpandangan sudah sampai masanya Proton perlu berdikari dan tidak terikat lagi dengan batasan-batasan yang ditetapkan sebagai sebuah syarikat GLC milik kerajaan. Itu syarat utama untuk menjadi sebuah syarikat automotif global yang berjaya. Mohon pandangan kementerian.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dalam soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya baru-baru ini terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa Khazanah Nasional bakal melupuskan pegangan sahamnya sebanyak 42.7 peratus dalam syarikat automatif nasional. Ada juga yang menyatakan bahawa Khazanah mahu menjual pegangan saham itu kerana tidak lagi mampu untuk menyuntik dana ke dalam Proton.

Untuk maklumat Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, keadaan ini menyukarkan Proton kerana pelaburan tambahan baru adalah sangat penting untuk Proton terus memperkenalkan model-model baru dan juga membangunkan teknologi kereta hibrid dan juga elektrik yang kini sedang diterokai oleh Proton.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman selanjutnya kepada Yang Berhormat di dalam Dewan ini, di bawah kajian semua Dasar Automatif Nasional (NAP) yang diumumkan pada 28 Oktober 2009. Kerajaan sememangnya menggalakkan Proton untuk mendapatkan rakan strategik yang berkemampuan di peringkat global.

Dalam hal ini, DRB Hicom yang mempunyai kerjasama dengan pengeluar kenderaan terkemuka dunia seperti *Mercedes Benz, Volkswagen, Suzuki* dan juga sebagainya mampu membantu Proton menangani masalah-masalah struktur yang dihadapi seperti kos pengeluaran yang tinggi dan juga isu kualiti untuk menjadikan Proton lebih berdaya saing dan juga mampu menembusi pasaran antarabangsa. Jadi, dengan ini saya rasa Proton juga dapat berdikari sekiranya keadaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu telah pun berlaku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[12 Disember 2011]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dato Azian bin Osman menyambung berucap.

12.01 tgh.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyambung perbahasan saya semalam. *Insya-Allah* seperti yang diperingatkan, saya akan habiskan ucapan saya dalam tempoh sebelum 15 minit, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Azian bin Osman: Semalam saya menyentuh beberapa perkara. Hari ini saya menyambung perkara berkaitan dengan pertanian. Ini di mana kita melihat pertanian cukup penting kerana ini adalah satu-satunya kementerian yang akan menjamin masa depan bekalan makanan kita. Dalam masalah pemanasan global yang kita hadapi sekarang, dunia akan – bukan dijangka akan tetapi sudah pasti menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan.

Jadi, di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, rancangan jangka panjang kementerian atau kerajaan kita untuk generasi akan datang jika bekalan kita berkurangan. Maksud saya makanan kita. Ada rakan-rakan mengatakan untuk kementerian seperti saya sebut semalam untuk menambah usaha-usaha pertanian kita. Akan tetapi saya faham masalah tanah yang berkurangan, jumlah penduduk yang bertambah di dalam negara kita dan di dalam dunia.

Namun, dengan kerjasama yang kurang daripada kerajaan negeri seperti yang saya difahamkan, jadi saya menyeru dalam Dewan yang mulia ini kerajaan negeri yang ada dalam negara kita ini sama ada daripada Kerajaan Barisan Nasional atau kerajaan Pakatan Rakyat dapat bekerjasama kepada kementerian yang memerlukan tanah. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah status jelapang padi Sarawak yang satu hari dulu diperkatakan sebagai satu cadangan atau rancangan untuk mengatasi masalah bekalan beras di negara kita, yang kita hadapi dua atau tiga tahun yang sudah, Kekurangan beras.

Sarawak disebut-sebut sebagai negeri yang akan dijadikan jelapang beras kedua bagi Malaysia. Jadi, apakah statusnya? Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Di dalam isu perumahan yang disebut ramai, perumahan mampu milik, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana begitu prihatin masalah perumahan rakyat. Saya kira susah mencari kerajaan lain yang begitu menitikberatkan masalah perumahan, malah di negara-negara maju juga masalah perumahan mereka tidak dapat diatasi.

Akan tetapi negara kita, kita tidak melihat ada rakyat duduk di dalam kotak-kotak di bawah jambatan. Kita tidak melihat rakyat yang basah kuyup kerana duduk dalam khemah-khemah di taman-taman, *alhamdulillah*. Kerajaan terus mampu untuk membantu rakyat dalam masalah ini. Akan tetapi sekali lagi saya difahamkan, saya pernah menjadi Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad. Masalah utama yang dihadapi oleh pihak kementerian untuk mendapatkan tanah sekali lagi.

Empat tahun saya sebagai Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad, kita terpaksa membeli tanah. Kita pergi ke Kelantan terpaksa beli, pergi ke sana terpaksa beli daripada individu-individu atau syarikat-syarikat. Ini kerana sekali lagi kerajaan negeri seolah-olah tidak memberikan kerjasama kepada pihak Kerajaan Pusat dalam mengatasi masalah ini.

Jadi, jika kita hanya bercakap dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua untuk mengatasi masalah ini, di luar sana kita tidak membantu, kerajaan negeri tidak membantu, bagaimana kita untuk membantu rakyat dengan cara yang lebih berkesan? Subsidi, perumahan juga ada subsidi. Semua subsidi. Saya inginlah di sini mencadangkan, saya tahu ramai rakan-rakan saya bersetuju di dalam Dewan dan di luar Dewan sana. Saya rasa rakyat tidak marah jika kerajaan struktur semula subsidi supaya benar-benar golongan yang memerlukan bantuan ini mendapat bantuan. Jika sekarang kurang, mungkin akan lebih bantuan dapat jika subsidi distrukturkan.

Jadi, kami dalam Dewan ini rasanya bolehlah mengorbankan subsidi kita itu, subsidi beras, subsidi petrol dan sebagainya. Ini supaya golongan yang susah di bawah sana itu mendapat habuan mereka mengikut sebenarnya jumlah yang mereka berhak. Jadi, saya mintalah pihak kerajaan supaya berani bertegas, berani mengambil tindakan ada *political will* untuk menstrukturkan semula subsidi kita. *Insyaa-Allah* rakyat akan menyokong jika benar-benar subsidi itu ada kepada semua...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [*Bangun*]

Dato' Azian bin Osman: Oh! Sila.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada menyentuh mengenai perumahan. Selama ini banyak projek yang terbengkalai akan tetapi saya difahamkan ialah lagi 167 projek perumahan terbengkalai. Banyak pembeli rumah pun sudah ambil hutang bank. Pemaju sudah hilang. Pembeli rumah masih bayar hutang bank. Sehingga sekarang tiada siapa pengarah syarikat pemaju dibawa ke mahkamah. Rakyat miskin yang terseksa dan susah sekarang. Akan tetapi apa yang nampak dalam Bajet 2012 ialah kerajaan memperuntukkan lebih kurang RM163 juta untuk memulihkan projek rumah terbengkalai. Di sebelah, pemaju sudah larikan wang dan sekarang kerajaan menggunakan wang rakyat, *tax payer's money* untuk memulihkan projek ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan. Sebanyak 167 projek terbengkalai. Saya hendak menjelaskan di sini atau memberikan pandangan saya pula, projek ini adalah projek kerajaan atau projek swasta. Yang Berhormat tidak perlu jawablah, saya tidak beri laluan sudah. Masa saya singkat sahaja. Kita merujuk kepada projek swasta yang terbengkalai. Kerajaan sebagai *white knight*, dengan izin, untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

Jadi, saya bersetuju Yang Berhormat, kita gubal undang-undang kita. Kita ketatkan syarat-syarat untuk menjadi pemaju perumahan. Ini kerana dulu kita lihat hanya dengan beberapa jumlah wang yang agak sedikit dibandingkan dengan komitmen mereka sebagai pemaju perumahan, membina rumah beratus juta harganya untuk satu projek perumahan. Jumlah deposit jika dahulu kalau saya tidak silap RM250 ribu sahaja. Itu cukup sedikit.

Saya bersetuju undang-undang diperketat, penguatkuasaan diperketat dalam soal ini. Jadi, apa yang saya beritahu di sini, kerajaan membantu rakyat melalui agensi-agensi kerajaan sebagai syarikat perumahan dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyelesaikan masalah rakyat yang rumah mereka terbengkalai. Akan tetapi yang menyebabkan terbengkalai itu bukannya kerajaan. Yang buat terbengkalai adalah mereka-mereka daripada pihak swasta. Apabila terbengkalai, kebanyakannya pula saya lihat ada beberapa orang pemaju itu, mereka paling kuat menentang kerajaan sekarang. Mereka paling kuat menghentam kerajaan. Jadi tentang perumahan ini saya masih berbangga menjadi rakyat Malaysia kerajaan begitu prihatin. Cuba selesaikan masalah yang dibuat oleh rakyat kita sendiri dan diterima akibat masalah itu kepada sebahagian besar rakyat pula.

■ 1210

Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya balik kepada subsidi tadi mintalah di struktur semula subsidi kita, supaya golongan yang benar-benar menjadi sasaran kita mendapat nikmat daripada kemakmuran negara ini kerana di bawah skim bantuan JKM saya lihat tidak ada sampai mencecah seribu bantuan RM300, RM200 dan RM400 sebulan yang sudah pasti tidak cukup untuk membantu golongan yang benar-benar memerlukan. Jadi lebih baiklah wang yang begitu banyak yang berbilion-bilion disalurkan kepada golongan-golongan ini supaya mereka dapat menikmati kemakmuran kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di dalam negara kita ini Majlis Peguam kita begitu hebat - yang ini topik lain pula. Penegak demokrasi, penegak undang-undang. Pada pandangan saya, peranan Majlis Peguam ini di bawah struktur negara ini bukanlah sebagai penggubal undang-undang. Kita adalah penggubal undang-undang, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Setiap undang-undang yang kita gubal, kita gubal dengan suara majoriti di Parlimen bermakna suara majoriti rakyat.

Ini kerana Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat terutama dipilih oleh majoriti rakyat. Jadi mana-mana undang-undang yang digubal, diluluskan oleh Parlimen bermakna mereka membawa suara rakyat. Jadi Majlis Peguam patut hormati kedudukan kita di sini. Tidak payahlah berarak ke sana ke mari seolah-olah mereka juara demokrasi dan sebagainya dan mereka mesti saya menyeru menghormati rukun negara kita, Perlembagaan negara kita. Di mana kedudukan mereka, di mana kedudukan kita? Saya ingin memberitahu di sini jika demokrasi berapakah kuorum Mesyuarat Agung Majlis Peguam. Saya kira kuorum Mesyuarat Agung Majlis Peguam ini paling kecil mungkin di antaranya terkecil di kalangan organisasi yang ada di negara ini.

Hanya dalam pindaan terbaru yang saya dapat dari rakan peguam saya, 500 orang daripada jumlah ahli, jumlah kuorum Majlis Peguam ini untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mereka hanya diperlukan 500 orang ahli sahaja hadir daripada jumlah keahlian sekarang ini 14,000 orang. Jadi berapa persen kurang daripada empat persen. UMNO cawangan pun mesyuaratnya, kuorumnya satu per empat. Sekarang ini diperluaskan lagi cara pemilihan kita. Jadi apakah dengan begininya organisasi mereka mendabik dada, mereka seolah-olah satu organisasi yang menegak demokrasi. Saya yakin tindakan Majlis Peguam tidak disokong oleh majoriti peguam-peguam yang ada.

Malah rakan-rakan saya peguam yang ada di dalam ini pun tidak menyokong tindakan mereka. Inilah rakyat tidak tahu. Jadi Majlis Peguam tunailah tanggungjawab, bantu badan kehakiman, bantu hakim-hakim untuk menegakkan keadilan dan untuk menterjemahkan undang-undang yang kita buat. Bukan untuk menentang secara berarak dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya ada dua minit lagi saya ingin menggulung. Terima kasih banyak-banyak kerana memberi saya peluang berucap. Sepatutnya saya berucap esok tetapi *alhamdulillah* saya dapat berucap malam tadi. Potong *queue*. Minta maaf pada rakan-rakan lain kerana malam tadi ada rakan-rakan lain yang sepatutnya berucap. Ada yang demam, ada yang sakit dan sebagainya...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Azian bin Osman: Ada lagi?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bukankah suara kecil Majlis Peguam itu ialah suara pembangkang. Minta penjelasan.

Dato' Azian bin Osman: Soalannya adakah suara pembangkang itu suara – Majlis Peguam itu suara pembangkang. Kalau kita tanya mereka, mereka akan berkata tidak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Akan tetapi, manusia tidak boleh dinilai daripada mulut dia, daripada suara dia kerana lidah ini, mulut ini senang sangat putar, menipu. Kita menilai seseorang itu atau organisasi pada perbuatannya. Menilai kepada perbuatan Majlis Peguam ini memang mereka diperalatkan atau mereka memperalatkan oleh pihak-pihak tertentu dan sudah pasti dalam negara ini dan situasi sekarang kita menyatakan pembangkang. Itu sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya syorkan agar pertubuhan pendaftaran semak balik kuota yang ada supaya menggambarkan suara majoriti. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Azian bin Osman: Saya bersetuju. Untuk menggambarkan satu demokrasi dan satu organisasi suatu negara majoriti adalah penting. Akan tetapi, jika sesuatu organisasi itu untuk buat satu keputusan yang besar sebagai dasar organisasi atau negara cuma lima persen daripada jumlah keahlian atau jumlah rakyat. Ini bukan demokrasi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong pandangan dan pendedahan Yang Berhormat. Saya hendak sebut kita jangan diperbodoh-bodohkan oleh suara kecil wakil pembangkang. Rakyat Malaysia tidak tahu ini *so* terima kasih, *thank you* akan pendedahan ini.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar saya ingin menggulung, menyimpulkan ucapan saya. Pertamanya, semalam saya menyebut tentang masalah pendatang tanpa izin dan juga datang masuk dengan izin datang kemudiannya bawa kerja yang tanpa diizinkan dibuat. Tadi Yang Berhormat Menteri pun menjawab hebat tindakan kita, rancangan kita dan sebagainya. Akan tetapi, masih kelihatan begitu ramai pendatang asing kadangkala dalam sesuatu tempat itu lebih ramai daripada rakyat tempatan sendiri.

Percentagenya bertambah jadi kita mintalah ketelusan kerajaan dalam mengatasi masalah ini. Terkadang kita lihat perkara kecil contohnya *entry point* kita yang begitu longgar kita nampak begitu kecil, begitu mudah tetapi dari segi keselamatan negara kita akan terancam suatu hari nanti.

Kedua, saya ingin menegaskan sekali lagi jika kita sayangkan negara kita untuk masa depan belia mesti diperkasakan dan di antara perkara yang praktiknya dalam memperkasakan sesuatu perkara itu jika sebuah negara adalah melalui peruntukan kewangannya. Saya melihat peruntukan untuk belia dan sukan ini yang di antara paling sedikit RM400 juta lebih sahaja.

Bagaimana kita hendak memperkasakan belia terutama dari kalangan masalah belia kita sekarang yang semangat patriotik begitu menurun yang kurang kefahamannya terhadap struktur negara yang begitu menurun dan sebagainya. Jadi perlu ini dipertingkatkan peruntukan kepada belia ini perlu dilihat, dikaji dan dipertingkatkan, supaya kita dapat segolongan belia yang akan mewarisi negara kita ini nanti yang berkualiti dapat diteruskan.

Ketiga, usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar untuk tujuan pertanian mesti di ambil pandangan tegas oleh pihak kerajaan. Kita lihat banyak perkara tanpa kita sedar contohnya dalam surat khabar tempoh hari ini juga akan mengancam bekalan makanan, kesihatan dan macam-macam kepada kemanusiaan. Negara dibanjiri 'minyak hitam' daripada Afrika sudah banjir, minyak hitam pula banjir. Ini daripada *Utusan Malaysia* saya baca dan agak mengkhawatirkan jika tidak diambil tindakan segera oleh pihak kerajaan kita.

Keempatnya, subsidi. Mintalah dikaji semula supaya lebih adil kepada rakyat kita di luar sana yang kaya teruslah kaya tidak perlulah mendapat subsidi beras pun hendak dapat dan inilah antara lain Tuan Yang di-Pertua pada pandangan saya orang biasa mengapa negara kita masih di belakang Singapura, masih di belakang Korea, masih di belakang Jepun.

Pertama budaya kita sendiri, budaya politik, budaya kerja dan sebagainya. Paling bermasalah sekarang yang saya sentuh semalam budaya politik kita yang dilihat cukup negatif yang boleh merosakkan negara. Tambahan lagi pula dengan perkara yang dilemparkan di luar sana yang menyebabkan orang takut datang ke negara kita untuk melabur. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan empat perkara tadi yang saya sentuh, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Sekian, terima kasih.

■1220

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Hajah Fatimah binti Hamat.

12.21 tgh.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Alhamdulillah rabbil' alamin wassolatu wasalamu ala asrofil anbiya 'iwal mursalin, wa 'ala alihi wa sohbihi ajma'in.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga dapat saya turut serta membahaskan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada petang Jumaat yang berkat, 7 Oktober 2011 yang lalu dengan tema "*Dasar Transformasi Nasional, Bajet Membela Rakyat, Mensejahterakan Negara*".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan bajet, saya ingin merafakkan sembah dan menjunjung kasih kepada Mantan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah kerana telah pun memerintah negara dengan cemerlang bagi tempoh 2006-2011 di mana negara berada di dalam keadaan sejahtera, aman damai dan harmoni. Mudah-mudahan dengan kembali memerintah negeri Terengganu, keadaan rakyat dan negeri Terengganu bertambah baik dan sejahtera.

Saya juga merafakkan sembah dengan ucapan setinggi tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong yang baru, Tuanku Abdul Halim Mu'adzham Shah dan Permaisuri Agong, Tuanku Hamimah yang akan menyambung pemerintahan Malaysia. Semoga mendapat berkah daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa kementerian. Pertama, Jabatan Perdana Menteri iaitu tentang Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Pertamanya ingin saya menyentuh berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya yang menyentuh berhubung dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang menerima peruntukan sebanyak RM10.8 juta bagi tahun 2012. Saya juga ingin secara khusus menyentuh berhubung dengan Lembaga Urusan Tabung Haji dan saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji dan khususnya Lembaga Urusan Tabung Haji yang telah berjaya menguruskan lebih kurang 28,000 jemaah haji bagi tahun 1432 Hijrah yang baru lalu dan mendapat pujian daripada Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana telah pun berjaya mengadakan penerbangan terus daripada Kuala Terengganu ke Jeddah atau Madinah bagi tahun yang kedua yang sesungguhnya memberi banyak kemudahan kepada rakyat negeri Terengganu dan juga rakyat Pantai Timur. Tahniah dan syabas. Mudah-mudahan ia akan terus disambungkan sampai bila-bila.

Saya difahamkan pada masa ini terdapat lebih 5.7 juta pendeposit Tabung Haji dengan lebih 700,000 pendeposit layak untuk menunaikan ibadat ini berdasarkan jumlah simpanan yang mencukupi. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada bilangan ini adakah pendeposit yang mempunyai simpanan minimum sebanyak RM1,350 ataupun sebanyak RM10,000 iaitu simpanan penuh bagi menunaikan haji. Bilangan yang telah mendaftar dan masih menunggu kebenaran untuk menunaikan haji adalah amat tinggi berbanding dengan kuota yang dibenarkan tahun ini hanya 28,000 sahaja. Itu pun setelah kuota jemaah haji ini dinaikkan daripada 26,000 sebelum ini.

Berdasarkan jumlah yang ada sekarang, maka seorang pendeposit terpaksa menunggu sehingga 10 tahun hingga 15 tahun atau lebih untuk dapat menunaikan fardu haji. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah polisi Tabung Haji yang mengutamakan pendeposit Tabung Haji yang berumur 50 tahun ke atas dan belum menunaikan haji dilaksanakan. Selain itu, kita mendapat maklumat ada pendeposit Tabung Haji yang dipanggil untuk menunaikan haji dengan notis yang singkat dan di saat-saat akhir. Ada di antaranya dalam masa satu atau dua hari sahaja ditawarkan menunaikan haji.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Tabung Haji, mengapakah keadaan ini berlaku sedangkan sepatutnya Tabung Haji boleh menyediakan senarai bakal jemaah haji lebih awal memandangkan Tabung Haji telah beroperasi sekian lama dan mempunyai senarai pendeposit. Saya ingin mencadangkan agar Tabung Haji menetapkan agar pendeposit yang ingin menunaikan haji diminta memenuhi simpanan yang mencukupi satu tahun lebih awal sebelum menunaikan haji. Dalam hubungan ini, Tabung Haji hendaklah memastikan agar pendeposit yang berumur 50 tahun ke atas dan belum pernah menunaikan haji diberikan keutamaan.

Akhirnya berhubung dengan Tabung Haji ini saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah kebenarannya terdapat warganegara ini yang telah menunaikan haji secara berkumpulan tetapi tidak melalui Tabung Haji dan adakah risiko yang bakal dihadapi jemaah-jemaah ini? Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan lebih 40 jemaah haji dari Terengganu yang terkandas untuk menunaikan ibadat haji kerana adanya agensi pengembaraan dari Terengganu yang melanggar kuota haji. Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas agensi ini dan bagaimanakah nasib 40 bakal haji ini?

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan berhubung Projek Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya di Presint 3 yang dianggarkan bernilai RM400 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, fungsi Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya ini dan impaknya dalam pembangunan Islam dari segi dakwah, syariah dan pentadbiran Islam. Sejauh manakah Kompleks Kompleks Pentadbiran Islam ini akan menambahkan sistem penyampaian agensi-agensi berkaitan hal ehwal Islam?

Tuan Yang di-Pertua, kementerian kedua yang ingin saya sentuh ialah Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan kawalan imigresen yang diberikan peruntukan sebanyak RM416 juta bagi tahun 2012. Kawalan imigresen adalah bertanggungjawab meningkatkan mutu dan tahap pengawalan serta menyediakan kemudahan pergerakan keluar masuk rakyat Malaysia dan rakyat asing.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung langkah kerajaan melaksanakan proses biometrik ke atas semua warga asing yang tiba ke negara ini. Sejauh manakah sistem simpanan rekod ini dapat membantu pihak Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia dapat memastikan negara ini tidak menjadi transit bagi sindiket pengedaran dadah dan memperdagangkan manusia.

Berhubung dengan itu, saya ingin juga membangkitkan tentang Program 6P. Seramai lebih 2.5 juta pekerja asing yang sah dan PATI telah mendaftar melalui pejabat imigresen dan syarikat pengurus di seluruh negara. Daripada 2.5 juta yang mendaftar, kira-kira 1.6 juta adalah pekerja asing sah, manakala bakinya seramai 900,000 orang adalah PATI. Sesungguhnya kita amat terkejut dengan jumlah yang begitu ramai PATI di negara ini iaitu hampir sejuta orang.

■1230

Malah kita dapat menjangkakan jumlahnya mungkin lebih besar lagi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bagaimanakah begitu ramai PATI boleh membolosi kawalan masuk negara. Apakah punca kegagalan kita membendung kemasukan PATI ke negara ini. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah kemasukan PATI ini. Bagaimana pula tanggungjawab negara asal PATI ini bagi menerima kembali PATI.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan proses pengampunan dan pemutihan program penyelarasan menyeluruh pekerja pendatang asing tanpa izin dijalankan serentak. Saya ingin mendapatkan penjelasan, jumlah PATI yang sudah diampunkan dan keluar dari negara ini melalui program berkenaan dan menyatakan jumlahnya mengikut negara. Saya ingin mendapat penjelasan bilangan PATI yang telah diputihkan dan didaftarkan secara sah di bawah proses pemutihan program 6P serta nyatakan bilangan majikan yang telah mendapat manfaat.

Kementerian yang ketiga saya ingin sentuh ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang begitu komited membangunkan modal insan selari dengan objektif aktiviti latihan kepada pemaju masyarakat yang memberikan pendidikan awal kanak-kanak pra sekolah. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM12.9 juta bagi melatih pemaju masyarakat mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan kerjasama UPSI dan Kementerian Pelajaran. Saya yakin dengan latihan yang amat baik ini akan melahirkan pendidik pra sekolah yang berpengetahuan, berkemahiran dan profesional serta lebih cekap untuk berbakti kepada masyarakat.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan taska KEMAS yang sedia ada di seluruh negara dan bilangan taska yang dijangka akan dibuka sepanjang tahun 2012 ini. Selain guru yang telah terlatih, saya juga berharap kerajaan akan memastikan bangunan taska yang digunakan selamat dan mempunyai kemudahan fizikal yang sesuai. Saya juga berharap taska KEMAS ini sentiasa dipantau dari segi bekalan makanan kepada pelajar bagi memastikan pelajar-pelajar taska ini mendapat makanan yang berzat dan berkhasiat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan berhubung dengan peruntukan pra sekolah. Saya ingin menyentuh tentang peruntukan NKRA *education* pra sekolah yang berjumlah RM203 juta bagi tahun 2012. Peruntukan sebanyak RM203 juta ini adalah agak tinggi. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang perincian perbelanjaan bagi peruntukan ini dan impak atau manfaat yang bakal diperoleh kepada pendidikan pra sekolah, khususnya dalam pencapaian NKRA pendidikan pra sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelajaran Malaysia. Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang dengan Jemaah Nazir dan jaminan kualiti Nazir yang menerima peruntukan sebanyak RM39.8 juta bagi tahun 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia ditadbir dan beroperasi mengikut peruntukan berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Akta 550.

Antara objektif Jemaah Nazir dan jaminan kualiti adalah untuk meningkatkan keupayaan mengesan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, meningkatkan pengurusan sekolah supaya efektif dan cekap dan memelihara rangkaian maklumat dari pelbagai hala supaya dapat disalurkan dengan segera dan sewajarnya.

Sehubungan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan. Pertama, apakah program-program bagi meningkatkan kecekapan nazir-nazir dan pegawai-pegawai Jemaah Nazir sekolah secara berterusan, khususnya dalam bidang penaziran. Kedua, apakah kriteria dan asas-asas yang digunakan oleh Jemaah Nazir sekolah untuk menilai dan memperakukan sekolah-sekolah yang layak menerima anugerah sekolah harapan negara (PSHN) dan sekolah berprestasi tinggi (SBT). Ketiga, peranan yang dimainkan oleh Jemaah Nazir ini amat penting sebagai mata dan telinga kementerian bagi memastikan mutu pelajaran negara sentiasa cemerlang.

Walau bagaimanapun saya dapati dari segi kenaikan gaji dan pangkat Jemaah Nazir ini, kurang diberikan perhatian oleh kementerian. Ada di antaranya yang masih dalam gred DG41 terpaksa menilai gurun yang gred DG44, DG48 atau DG52. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji skim gaji nazir sekolah ini supaya lebih sesuai dengan kedudukannya. Tambahan pula pegawai-pegawai Jemaah Nazir adalah dipilih daripada kalangan guru yang cemerlang serta perlu melalui enam tapisan sebelum dia dilantik menjadi nazir. Saya juga berharap kerajaan mengisi semua kekosongan jawatan di Jemaah Nazir dan jaminan kualiti bagi memastikan kelancaran bahagian ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung Sektor Jaminan Kualiti (SJQ) yang diwujudkan di setiap jabatan pendidikan negeri. Saya dapati SJQ ini mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang bertindih dengan Jemaah Nazir dan jaminan kualiti, malah lebih mengelirukan bagi ketua sektor SJQ memegang gred gaji yang lebih tinggi daripada Ketua Nazir Negeri menyebabkan kredibiliti Jemaah Nazir terus tergugat. Sedangkan Jemaah Nazir juga bertanggungjawab menilai sekolah berprestasi tinggi. Apakah langkah kerajaan bagi mengharmonikan Jemaah Nazir dan Jemaah Kualiti dan SJQ supaya dapat menggembelngkan secara bersepadu untuk meningkatkan kecemerlangan sektor pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan sentuh tentang psikologi dan kaunseling dalam Kementerian Pelajaran yang menerima peruntukan sebanyak RM2.7 juta bagi tahun 2012. Program pengurusan kementerian menggariskan objektif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kementerian melalui pembudayaan pengurusan berkualiti dan berproduktiviti. Salah satu aktiviti yang dijalankan ialah menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk menyejahterakan warga Kementerian Pelajaran Malaysia dan meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum secara berterusan. Saya menyedari dan menghargai peranan penting dimainkan oleh semua guru dan tanggungjawab guru besar yang perlu digalas oleh semua guru setiap hari, menghadapi kerenah murid yang kadang kala menjadi tekanan kepada guru-guru ini kerana saya sendiri adalah bekas guru.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, berapa ramaikah guru-guru yang dikenal pasti menghadapi masalah psikologi kerana tekanan tugas. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini termasuk mengenal pasti bebanan tugas guru sebenarnya yang bukan sahaja terlibat dengan pengajaran tetapi kokurikulum dan pengurusan serta pentadbiran sekolah. Berhubung dengan psikologi dan kaunseling ini, saya juga ingin menyentuh tentang guru bimbingan dan kaunseling sekolah. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah jumlah guru bimbingan dan kaunseling seluruh negara dan nisbah bilangan murid bagi seorang guru bimbingan dan kaunseling. Sejauh manakah nisbah ini dapat dipenuhi.

■ 1240

Adakah langkah kerajaan bagi meningkatkan bilangan guru bimbingan dan kaunseling ini dan sejauh manakah keberkesanan guru bimbingan dan kaunseling dalam membendung masalah disiplin dan sosial di kalangan pelajar?

Ada juga dikatakan terdapat guru bimbingan dan kaunseling yang suka menghadiri aktiviti di tempat lain dan di sekolah lain sedangkan di sekolah sendiri terabai dan sedikit sebanyak menjadi punca kemerosotan disiplin pelajar.

Begitu juga terdapat kes sosial pelajar yang tinggi tetapi hanya guru khususnya guru bimbingan dan kaunseling sahaja yang dipersalahkan walaupun berlaku di luar waktu sekolah atau semasa cuti sekolah. Apakah langkah kerajaan bagi mengeratkan hubungan antara ibu bapa, penjaga dan guru-guru bagi membendung masalah disiplin dan sosial di kalangan pelajar yang membimbangkan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelancongan. Saya ingin beralih kepada Kementerian Pelancongan khususnya menyentuh berhubung dengan program penyediaan peningkatan kemudahan pelancongan yang mendapat sentuhan sebanyak RM101 juta bagi tahun 2012. Kementerian Pelancongan telah berjaya bukan sahaja dari segi menyumbang kepada ekonomi negara tetapi telah membawa limpahan rezeki kepada pelbagai lapisan rakyat sama ada peluang perniagaan dan pekerjaan termasuk masyarakat luar bandar seperti Program Inap Desa atau *homestay* yang diperkenalkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang.

Pada tahun 2010, terdapat 139 buah *homestay* melibatkan 227 buah kampung dengan 2,987 orang peserta dan menyediakan 4,042 buah bilik. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan jumlah terkini *homestay* mengikut negeri serta nyatakan jumlah pelancong yang memilih inap desa atau *homestay* bagi tahun 2010 dan 2011 dan nyatakan peratus jumlah pelancong kembali semula ke kampung-kampung tersebut. Program *homestay* ini mampu meningkatkan penduduk luar bandar. Malah sambutan bagi program ini amat menggalakkan umpamanya pendapatan *homestay* telah meningkat sebanyak 71 peratus iaitu daripada RM6.4 juta pada tahun 2008 kepada RM10.9 juta pada tahun 2009. Saya percaya pendapatan bagi tahun 2010 dan 2011 juga turut meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan *homestay* ini, saya ingin membangkitkan tentang jenama *homestay* yang telah digunakan secara meluas tanpa berdaftar dengan Kementerian Pelancongan menyebabkan ramai pengguna yang tidak berpuas hati dengan *homestay* yang tidak berdaftar ini. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengawal jenama *homestay* ini dari digunakan sewenang-wenangnya? Adakah kerajaan bercadang mendaftarkan nama *homestay* sebagai *trademark* supaya tidak digunakan secara bebas oleh pengusaha-pengusaha yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan? Adakah kementerian bercadang bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan kepada pengusaha penginapan yang menggunakan perkataan *homestay* bagi mengelakkan kekeliruan dengan program *homestay* yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Selain itu, apakah langkah kerajaan bagi memantau mutu perkhidmatan *homestay* dan apakah tindakan Kementerian Pelancongan terhadap *homestay* yang tidak berdaftar dengan kementerian tetapi menggunakan jenama *homestay* yang akhirnya akan merosakkan imej program *homestay* dari segi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya melibatkan projek pembangunan pertanian bersepadu (IEDP) bagi kawasan jelapang padi seperti MADA, Barat Laut Selangor, Seberang Perak, Kemasik Semerak dan sebagainya yang telah dimulakan awal tahun 1965. Akhir sekali Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) pada tahun 1992 dengan keseluruhan kawasan padi lebih kurang 205,000 hektar. Kerajaan memasarkan pengeluaran sebanyak 6.5 tan sehektar. Sejauh manakah sasaran ini tercapai? Mengapakah sesetengah kawasan mampu mencapai pengeluaran sehingga 10 tan sehektar seperti di Sekinchan, Selangor sedangkan ada kawasan lain di Selangor seperti di Sungai Besar dan Sabak Bernam yang hanya mampu mengeluarkan 4 tan hingga 5 tan sehektar.

Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran padi di kawasan jelapang padi di seluruh negara termasuk seperti menyediakan benih yang bermutu, baja terbaik dan pengurusan sawah yang lebih menguntungkan.

Selain itu saya ingin mendapatkan penjelasan apakah bantuan dan insentif yang diberikan kepada petani-petani di kawasan jelapang padi ini bagi meningkatkan pengeluaran dan pencapaian petani-petani ini. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertanggungjawab bagi memastikan pengeluaran beras dalam negara memenuhi sasaran sekurang-kurangnya 86 peratus tahap sara diri (SSL), memastikan bekalan padi dan beras mencukupi serta menggubal dan menyelaraskan dasar industri padi dan beras negara.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan negara akhirnya mampu memenuhi sara sendiri dan seterusnya menghasilkan pengeluaran untuk eksport. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan bercadang membuka kawasan jelapang padi yang baru termasuk di Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak yang mempunyai banyak kawasan tanah yang sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan industri padi dan beras ini, saya ingin membangkitkan tentang prestasi aktiviti dari segi output yang tetap sama bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu bilangan laporan mingguan stok padi dan beras sebanyak 850 pada tahun 2010. Begitu juga anggaran tahun 2011 dan 2012. Begitu juga dengan pengeluaran lesen baru sebanyak 30 dalam tahun 2010, 2011 dan 2012 manakala bilangan dari segi penguatkuasaan juga tetap sama bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu sebanyak 3,300 sedangkan kalau merujuk kepada peruntukan untuk industri padi dan beras, telah bertambah dari RM39,556,190 bagi tahun 2011 kepada RM42,996,000 bagi tahun 2012 iaitu perbezaan sebanyak RM3.42 juta walaupun tiada penambahan dari segi bilangan jawatan.

Saya dapati aktiviti ini seolah-olah statik. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan prestasi yang kurang memberangsangkan ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendapat peruntukan pembangunan yang agak besar bagi tahun 2012 iaitu sebanyak RM1.1 bilion berbanding tahun 2011 sebanyak RM607 juta sahaja.

■1250

Perbezaan yang amat ketara ini adalah disebabkan penambahan peruntukan perkhidmatan dan bekalan yang meningkat daripada RM131 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, sikit sahaja.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mengapakah berlaku perbezaan yang begitu tinggi ini dan nyatakan projek-projek pertanian secara khusus memajukan masyarakat desa. Saya ingin mendapat penjelasan kementerian, sejauh manakah kejayaan projek berimpak besar yang menjamin pengedaran bekalan makanan negara dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh keputusan kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimalkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam. Keputusan kerajaan ini adalah amat wajar memandangkan rakyat Malaysia mempunyai taraf kesihatan yang amat baik. Jangka hayat rakyat Malaysia juga telah meningkat bagi lelaki iaitu 74 tahun dan wanita 79 tahun. Kebanyakan negara maju seperti Jerman, Perancis dan lain-lain juga mempunyai umur persaraan wajib 65 tahun.

Bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan memperkenalkan skim persaraan yang lebih fleksibel dengan memberi kebebasan kepada kakitangan awam untuk bersara lebih awal dan mendapat ganjaran serta faedah-faedah persaraan apabila telah mencapai umur 55 tahun. Ini adalah kerana sesetengah kakitangan perkhidmatan awam memerlukan persaraan pada peringkat umur ini disebabkan faktor kesihatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bajet bagi keseluruhan rakyat tanpa mengira lapisan masyarakat dan dalam masa yang sama bertujuan untuk memacu ekonomi negara ke tahap cemerlang. Tahniah. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya nak memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa saya mohon kerjasama untuk mengemukakan masa Yang Berhormat ingin berucap yang mana setelah melihat kita ada 28 rang undang-undang selepas ini. Maka saya dapati mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat yang nak berucap kerana kita nak merancang, mencatur masa dan juga kerana kita ada banyak rang undang-undang nak diluluskan. Saya ingin menyarankan supaya kita pada hari ini, esok dan juga sehingga 14 hari bulan. Pada 15 hari bulan iaitu hari Khamis, saya minta pihak Menteri menjawab.

Oleh demikian, saya tengok pun ramai yang tak ada kemukakan ini tapi saya dah beri peluang dah. Tolong kemukakan siapa yang nak berucap, kalau tak mahu berucap tak mengapa tetapi kita terpaksa menjalankan kita punya persidangan ini mengikut jalan yang lebih lancar lagi. Saya mohon kerjasama ya kerana hari ini saya nak beritahu bahawa yang kita dah pastikan hendak berucap pada hari ini ialah Yang Berhormat Puan Norliza, Yang Berhormat Datuk Majid, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz, Yang Berhormat Datuk Chiew Tiang Chai dan juga Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung dan saya harap semuanya ini akan bersedia dan saya akan panggil apabila sampai masanya. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Puan Norliza Abdul Rahim.

12.54 tgh.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pembentangan Bajet 2012. Saya ingin mengambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah dapat membentangkan satu bajet mesra rakyat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara khususnya berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri serta berkaitan dengan pelajar asing yang berkait rapat dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Sebagaimana yang kita sedia maklum dalam Bajet 2012, KDN diperuntukkan sebanyak RM10.67 bilion bagi mengurus dan pembangunan. Peruntukan yang besar itu kita sedia maklum untuk memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara dan juga tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras KDN.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu program yang saya rasa amat berkesan dan membawa impak yang positif kepada negara adalah program penyelesaian menyeluruh pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin iaitu program 6P yang berakhir 31 Ogos baru-baru ini. Sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi oleh rakan senator yang lain, cuma persoalan saya adalah sedikit berbeza. Saya mendapat maklum di bawah perbelanjaan kerajaan dijamin sebanyak RM3.3 juta untuk menguruskan 1.3 juta pendatang yang berdaftar melalui proses pendaftaran 6P dan penjaminan itu juga berjaya dilakukan kerana semua kos difahamkan adalah ditanggung oleh pendatang sendiri. Persoalan saya, apa yang ingin saya tanyakan adakah dengan penjaminan ini kita dapat mengurangkan kos daripada segi makan dan minum serta hal-hal lain di depot penahanan imigrasi.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, apakah kita juga dapat menjimatkan kos pengusiran ke negara asal sama ada melalui darat, laut atau udara dan sekiranya ada, berapakah jumlah kos yang telah kita jimatkan daripada segi darat, laut dan juga udara.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, adakah kerajaan berjaya menambahkan hasil daripada bayaran levi, pas dan juga visa yang digunakan kepada pekerja asing yang diputihkan melalui proses pemutihan. Saya dimaklumkan sehingga 30 Oktober 2011, seramai 27,000 lebih pendatang sudah diputihkan dan didaftarkan secara sah di bawah proses 6P. Saya hendak tanya, berapakah syarikat yang diberi kelulusan melalui proses pemutihan ini dan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh kementerian dalam memilih syarikat-syarikat yang layak dan diberi kelulusan untuk membuat pemutihan ini. Bagi proses pengampunan pula, saya difahamkan 25,000 pendatang sudah diampunkan dan pulang ke negara masing-masing. Berdasarkan statistik yang saya ada, jumlah pendatang tertinggi yang diampunkan dan keluar dari negara kita membabitkan warga Indonesia seramai 15,000 lebih diikuti India 2,000 lebih, Nepal 1,000 lebih, Myanmar 1,000 lebih dan Vietnam 930 orang.

Jadi saya hendak tahu apakah pendatang yang diampunkan ini sudah disaring dan bersih daripada sebarang rekod kesalahan jenayah dan apakah juga segala kos berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh mereka ini.

Saya juga ingin bertanya kepada KDN, apakah perancangan KDN kepada pendatang asing yang masih enggan terlibat dalam program 6P. Apakah tindakan-tindakan selanjutnya yang hendak dilakukan kerana saya melihat masih ada kebanjiran pendatang asing ini yang ramai di sektor-sektor seperti pembinaan khususnya, restoran, hotel, stesen minyak dan juga di kedai-kedai runcit. Kejadian ini ada kalanya menyebabkan terjerumus sindiket-sindiket haram tanpa dijangka atau *syndicate by chance*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan KDN ada menubuhkan satu unit khas bagi menangani pelbagai isu membabitkan Program 6P dan segala masalah yang dibangkitkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Menerusi unit khas ini, ia dibahagikan kepada empat sub unit yang bertanggungjawab secara khusus bagi Sarawak dan Sabah, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, isu pelarian dan pelajar asing. Jadi setakat manakah peranan dan fungsi yang telah terlaksana menerusi unit khas ini dan saya hendak tahu apakah agensi-agensi yang terlibat dalam unit khas tersebut.

Saya juga difahamkan bahawa Program 6P ini ada juga kedengaran aduan yang diterima di kalangan majikan bahawa apabila berlakunya ini, ianya menyebabkan kesukaran di setengah sektor yang masih memerlukan pekerja-pekerja asing. Jadi saya pasti kementerian mempunyai mekanisme yang membolehkan pekerja asing yang memerlukan pekerjaan atau tidak bermajikan memperoleh pekerjaan yang sah. Jadi saya hendak tahu apakah cara-cara tersebut supaya pembangunan ekonomi kita tidak terjejas akibat terlalu banyak birokrasi.

Di sini saya ingin petikkan kes yang dilaporkan dalam akhbar *The Star* semalam bertarikh 12 Disember 2011, di muka surat 25 yang mana terdapat petani-petani di Cameron Highlands yang membuat aduan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat kelulusan pekerja asing disebabkan oleh birokrasi kementerian dan ianya akan menjejaskan pengeluaran hasil pertanian di Cameron Highlands. Jadi kita mohon kementerian beri penjelasan mengenai isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa tepat pada pukul 1.00, kita tangguhkan majlis kita pada setakat ini dan kita sambung semula jam 2.30 tepat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di samping itu, saya minta semua yang belum menghantar bila nak berucap itu tolong buat secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 1.01 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat disambung semula. Dipersilakan, sebelum kita mulakan, saya ada satu usul. Saya minta seorang Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.15 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 14 Disember 2011”.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta salah seorang menyokong.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung balik ucapan saya di waktu sesi pagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan soal jenayah yang dilakukan oleh warga asing yang semakin meningkat. Saya difahamkan kementerian baru sahaja menubuhkan Pasukan Tugas Khas yang menggabungkan pelbagai agensi penguat kuasa bagi memerangi penjenayah warga asing di negara kita khususnya warga Afrika dan Iran. Jadi, saya ingin tahu, setakat manakah perbincangan atau status dalam menangani perkara ini. Saya juga hendak tahu berapakah indeks jenayah yang dilakukan penjenayah warga asing sejak tahun 2005 hingga kini dan bolehkan kementerian maklumkan negara mana yang mempunyai warga asing yang ramai terlibat dengan jenayah di negara kita?

Sejak akhir-akhir ini, saya melihat antara yang menjadi perhatian adalah warga Afrika kerana ramai di kalangan mereka terlibat dalam jenayah penipuan melibatkan kerugian berjumlah jutaan ringgit selain menjadi penyeludup dan pengedar dadah. Ini ada dilaporkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* semalam bertarikh 12 Disember yang bertajuk “*Janda rugi RM4.5 juta diperdaya Awang Hitam*”. Saya ingin membaca sedikit satu perenggan yang disebut dalam surat khabar semalam. “*Seorang janda berusia 56 tahun hanya mampu menangis apabila menyedari dia menjadi mangsa kasanova Awang Hitam yang memperdayakannya melalui cinta siber yang membuatkan dia kehilangan wang simpanan berjumlah RM4.5 juta dalam sekelip mata. Seorang lelaki dipercayai warga Afrika mengambil kesempatan memikat mangsa yang merupakan seorang akauntan melalui laman sosial Facebook dengan menyamar sebagai jejaka Inggeris setelah mengetahui wanita itu janda dan kesunyian.*”

Malah warga Afrika juga dilaporkan sering menimbulkan masalah sosial yang kurang menyenangkan warga tempatan selain terlalu agresif apabila diperiksa oleh pihak berkuasa. Selain itu, saya juga mendapati rakyat Iran juga kerap ditahan dengan aktiviti penyeludupan syabu serta menjalankan pemprosesan dadah. Saya agak hairan bagaimanakah warga asing yang bermasalah ini sewenang-wenangnya keluar masuk menerusi pintu masuk negara kita. Apakah pegawai imigresen kita leka atau pegawai kastam kita kurang cermat memeriksa barang-barang yang dimasukkan. Soalnya sekarang, kerajaan mempunyai pelbagai akta dan undang-undang tetapi saya melihat pelaksanaan undang-undang itu amatlah lemah dan ada kalanya terlalu longgar. Saya merasakan kerajaan harus proaktif, kita harus ingat bahawa jangan bila sudah jadi baru kita hendak ambil tindakan. *It should be* dengan izin, *prevention is better than cure*. Sebelum terjadi, kita sudah proaktif dahulu.

Saya hendak tahu apakah kita tidak mempunyai satu pangkalan data kemasukan atau pengenalan warga asing yang keluar masuk di pintu-pintu masuk negara? Kalau kita lihat dalam Bajet 2012, di bawah butiran KDN iaitu kawalan imigresen ada memperuntukkan sebanyak RM416,663 juta manakala menerusi dasar baru KDN sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi menyediakan Sistem Biometrik warga asing dan *National Foreigners Enforcement and Registration* (NERS). Bolehkah kementerian menerangkan lebih lanjut apakah itu NERS dan apakah ia mempunyai kaitan mengesan atau mengenal pasti kemasukan warga asing ini.

Saya kira mengenai Sistem Biometrik ini mempunyai secara langsung kaitan dengan 6P. Jadi, saya mohon kementerian memberi penjelasan lanjut mengenai sistem ini. Saya juga hendak bertanya perlukan Akta Imigresen yang sedia ada dikaji semula dan saya ingin mencadangkan agar akta ini dilihat dan dipinda sekiranya perlu mengikut keadaan semasa. Sebagai contoh, saya ingin bercakap sedikit mengenai *Visa on Arrival*. Kalau kita pergi ke negara-negara luar, sebelum kita pergi kita haruslah mendapat kelulusan visa terlebih dahulu. Akan tetapi di negara kita, mereka boleh masuk sebagai pelancong dan kemudian barulah memohon visa sebagai pelancong di negara kita untuk tiga bulan. Ada kalanya keadaan ini menggalakkan pelancong-pelancong daripada China, Uzbekistan mereka masuk sebagai pelancong dan akhirnya mereka bekerja di rumah-rumah urut, di tempat-tempat tidak diingini. Jadi, saya rasa *Visa on Arrival* ini harus dikaji semula kesesuaiannya sebab ianya mungkin menyebabkan masalah dan kejadian-kejadian yang tidak baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal logistik Polis Diraja Malaysia yang mana PDRM menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM7.5 bilion daripada Bajet 2012. Berdasarkan peruntukan tersebut, sebanyak 80 peratus daripada jumlah itu termasuk pemberian gaji ekoran kenaikan pangkat warga PDRM selain elaun-elaun tambahan. Selebihnya adalah untuk menambah baikkan prasarana dan kemudahan sedia ada sebagai peruntukan khas sebanyak RM642 juta. Saya kira secara keseluruhan, peruntukan ini adalah amat selesa untuk mendapat perolehan dan pada masa yang sama menambah baikkan pembelian peralatan moden yang terkini dan mengikut perkembangan semasa. Cuma saya ingin bertanya, apakah menerusi peruntukan ini, kementerian mahu PDRM sendiri memberi tumpuan kepada *facilities* seperti balai-balai, berek polis dan ibu pejabat di pusat latihan.

■1440

Pada masa ini saya melihat IPPD di seluruh negara banyak yang telah dinaikkan taraf. Begitu moden dan canggih dan saya rasa tahniah kepada KDN. Cuma saya pohon pula kepada PDRM supaya melihat balai-balai terutamanya di kawasan luar bandar yang ada kalanya agak usang, agak lama dan tidak bersesuaian dengan keadaan semasa. Jadi janganlah kita hanya melihat di bandar tetapi kita meninggalkan balai-balai di luar bandar ini tidak dibaik pulih.

Di samping itu saya juga difahamkan PDRM juga ada mewujudkan balai-balai polis komuniti yang mana menggunakan lokasi deretan kedai-kedai ataupun rumah-rumah, kawasan pejabat dan lain-lain. Saya juga mendapat maklumat dan rungutan bahawa balai-balai polis ini tidak dibayar sewanya dan ia mempunyai tunggakan.

Jadi saya mohon kementerian memberi maklumat terkini berapakah jumlah tunggakan sewa balai yang masih belum dijelaskan? Saya juga ingin tahu setakat mana jumlah tunggakan ini hingga ke tarikh yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai Jabatan Pendaftaran Negara. Semenjak 9 April hingga 15 Julai 2011, kementerian telah menimbangkan sebanyak 72,334 permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia. Daripada jumlah tersebut 29,290 permohonan telah diluluskan. Angka ini saya faham adalah merupakan sebahagian daripada KPI KDN di mana pemohon-pemohon mendapat kelulusan taraf kewarganegaraan Malaysia, permohonan penduduk tetap, permohonan daftar lewat kelahiran dan juga permohonan di bawah program MyDaftar.

Saya hendak tahu setakat manakah usaha-usaha *outreach* yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di mana saya mendapat maklum masih ada lagi rakyat kita yang duduk jauh di pedalaman dan agak sukar untuk berdaftar tidak kiralah dari segi rekod kelahiran, kematian, anak angkat, kad pengenalan, perkahwinan dan juga perceraian. Jadi adakah pasukan-pasukan khas JPN ini masuk ke kawasan pedalaman dan mengambil inisiatif yang tersendiri untuk memastikan fungsi JPN berjalan secara efektif. Saya juga hendak tahu setakat mana pula kaunter-kaunter bergerak JPN di kawasan-kawasan kampung dan juga desa dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula kepada topik pelajar asing di negara kita. Baru-baru ini dalam akhbar melaporkan Kementerian Pengajian Tinggi telah mendedahkan kira-kira 300 Institusi Pengajian Tinggi Swasta bermasalah termasuk dari segi pengawalan terhadap pelajar asing sehingga ada di antaranya melanggar undang-undang negara. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman semalam.

Apakah faktor yang menyumbang kepada masalah 300 IPTS ini kalaulah Kementerian Pengajian Tinggi sudah tahu ada 300 IPTS yang berlaku masalah ini kenapa tidak diambil tindakan sehingga ke hari ini. Kita belum dapat sebarang penjelasan apakah tindakan yang telah diambil dalam jangka pendek dan apakah tindakan yang harus diambil dalam jangka panjang. Jadi saya rasa ini adalah amat penting kerana ia melibatkan pelajar-pelajar dan juga masalah negara.

Saya juga ingin tahu sama ada kementerian akan mula mengetatkan modus operandinya termasuk mensyaratkan setiap IPTS melaporkan kepada Jabatan Imigresen berhubung pelajar asing yang tidak hadir tiga hari berturut-turut dan perlukan laporan ini diserahkan kepada kementerian. Saya juga ingin mencadangkan supaya kementerian dari semasa ke semasa turut mengawal jumlah IPTS yang dibenarkan mengambil pelajar daripada luar negara.

Dalam pada itu saya juga ingin syorkan kepada kerajaan supaya memperkenalkan Kad Pelajar Antarabangsa yang mempunyai ciri-ciri keselamatan khas bagi menangani penipuan dalam kalangan warga asing yang mengaku pelajar. Jadi apakah ada kerjasama dengan Jabatan imigresen dalam menyiapkan kad pelajar antarabangsa itu. Kita lihat kes yang dilaporkan dalam akhbar 12 Disember yang mana 14 pelajar Afrika termasuk tiga wanita ditahan selepas pihak berkuasa memeriksa 300 pelajar Afrika yang kebanyakannya pelajar kolej swasta di Mantin, Negeri Sembilan.

Buat makluman Dewan, dahulu kita pernah melaksanakan kad pelajar antarabangsa ini namun ditarik balik di atas sebab keselamatan. Akan tetapi sekarang saya rasa ia wajar dilaksanakan kerana pelajar asing ini terutamanya dari Afrika telah mula mengancam keselamatan negara kita. Untuk makluman Dewan seramai kira-kira 30,000 pelajar daripada Benua Afrika dikenal pasti berdaftar secara sah. Jumlah ini secara sah tetapi kita pun sendiri pun tidak tahu sejauh manakah ketulenan kesahihan itu. Tidak berdaftar saya difahamkan sekali ganda dengan jumlah pelajar yang didaftar secara sah.

Inilah yang kita kata dari awal lagi iaitu pelaksanaan dan tindakan yang diambil oleh Imigresen perlu dikaji semula. Ini bukanlah soal yang harus dipandang remeh kerana saya rasa ini amat penting dan saya rasa sejak enam bulan yang lalu inilah isu yang dimainkan di akhbar boleh dikatakan keraplah juga kita melihat di akhbar-akhbar pada masa kini.

Di samping itu juga, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman daripada jumlah seramai 66 orang daripadanya adalah pengedar manakala bakinya penagih dadah. Ini sesuatu yang memeranjatkan kerana pelajar Afrika ini bukan sahaja dia geng mengedar tetapi dalam masa yang sama dia juga menagih dadah dan membimbangkan masyarakat kita. Kita di Malaysia ini berhabis berjuta-juta ringgit untuk menangani masalah dadah di kalangan masyarakat kita tetapi sekarang kita hendak kena selesaikan pula masalah yang dibawa dari luar ke negara kita dan melibatkan masalah dadah juga.

Seterusnya, saya juga ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Seterusnya saya ingin minta Kementerian Pengajian Tinggi supaya melihat perkara mengenai pelajar ini dengan lebih serius dan perlu diadakan satu tindakan segera sekiranya kita ingin mentransformasikan negara kita ke sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak tahu setakat ini berapakah jumlah IPTS yang telah dikenakan kompaun pada tahun ini dan bolehkah senaraikan kesalahan yang telah dilakukan oleh IPTS tersebut dan dalam pada itu saya juga hendak tahu adakah kementerian menilai semula beberapa keistimewaan yang diberikan kepada pelajar asing yang menuntut di negara ini bagi membendung kegiatan penyalahgunaan pas pelajar untuk melakukan kegiatan jenayah dan salah laku sosial. Umpamanya ada di antara mereka yang bekerja separuh masa di restoran, stesen minyak, hotel, pasar mini dan juga di tempat-tempat lain pada waktu cuti semester.

Sebelum saya akhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit memberi pandangan kita sekarang menggalakkan *freedom of speech*. Jadi saya rasa memang dengan izin ianya amatlah baik kita menggalakkan *freedom of speech* ini tetapi ada kalanya ia membawa lebih keburukan daripada kebaikan. Jadi saya merasakan kita harus mempunyai sedikit garis panduan ataupun dengan izin, *guideline* sebab ada kalanya bila terlalu *freedom* dia akan bercakap dan menyentuh isu-isu yang sensitif seperti perkauman, lagu *Negaraku* dipermainkan, institusi raja dipersoalkan dan juga lain-lain. Jadi ada kalanya kita mahu ke depan tetapi kita harus mempunyai batasan yang sepatutnya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Maijol bin Mahap.

2.48 ptg.

Dato' Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bersyukur di atas kesempatan ini untuk sama-sama berbahas terhadap Bajet 2012. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas bajet yang begitu menyeluruh sekali untuk rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan syarikat SME atau perusahaan kecil dan sederhana. Dalam Bajet 2012 kerajaan telah memperuntukkan banyak peruntukan, banyak amaun untuk PKS kerana kerajaan memang mengetahui bahawa PKS ini adalah satu industri yang menyumbang besar kepada ekonomi negara kita. Sebanyak 99.2 peratus ekonomi ini adalah disumbangkan atau *driven by SME*, atau disumbangkan oleh SME. Begitu besar sekali sumbangan SME kepada negara kita.

■ 1450

SME juga menyumbang 31 peratus kepada KDNK kita atau GDP kita, dan juga PKS menyumbang 56 peratus kepada tenaga kerja di seluruh negara ini. Kerajaan juga akan memperuntukkan RM2 bilion untuk skim dana pembiayaan PKS. Juga RM100 *million* untuk *revitalization fund* atau bermaksud untuk membangunkan perniagaan PKS di negara kita ini. Dalam kesempatan ini saya ingin menyatakan bahawa anjakan amaun seperti ini adalah baik sekali.

Cuma saya ingin menyatakan di sini, merayu supaya amaun-amaun seperti ini dan peluang-peluang seperti ini haruslah diagih kepada semua kaum di Malaysia ini dan khasnya saya ingin menyatakan tentang kaum-kaum minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Saya difahamkan bahawa memang *marketing* PKS ini, *Marketing Loan Facilities* untuk PKS ini memang baik diberikan oleh bank-bank yang telah diatur oleh kerajaan *marketingnya* ialah baik sekali. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua apabila peniaga-peniaga atau syarikat-syarikat PKS ini memohon mereka mendapati bahawa bukan senang untuk mendapatkan *loan* tersebut kerana mereka terpaksa memberi maklumat yang terperinci, borang-borang yang harus disediakan dan banyak halangan lain yang perlu mereka hadapi. Akhirnya PKS yang memohon itu tidak dapat *loan* itu. Kalau dapat *loan*, geran dan bantuan pun dengan jumlah yang begitu rendah sekali berbanding dengan apa keperluan dia sebenarnya.

Saya terbaca di surat akhbar baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua bahawa ada juga syarikat-syarikat yang sengaja tidak mahu memohon geran-geran itu kerana mereka tahu bahawa terlalu susah untuk mendapatkannya. Hanya buang masa sahaja untuk mengisi borang dan sebagainya. Bayangkan sahaja ada 40 muka surat borang yang hendak diisi untuk mendapatkan. Banyak pula *open ended questions* di situ. Kalau *open-ended questions* yang ditanya untuk sesuatu syarikat maka *100 pages* pun tidak muat untuk menulis alasan-alasan kenapa perlu *loan* tersebut. Jadi saya berharap Kementerian berkenaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Industri melihat perkara ini dan memudahkan pemohon-pemohon di kalangan PKS-PKS di negara kita.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan sumbangan kerajaan kepada semua warga Malaysia ini. Ketua isi rumah dengan pendapatan RM3,000 dan ke bawah sudah dinyatakan dalam bajet kita dan saya ucapkan syabas kepada kerajaan tentang keprihatinan seperti ini kerana inilah pertama kali yang saya tahu RM500 itu diberikan kepada warga tidak mengira apa kedudukan dan sebagainya. Hanya pendapatan itu sebagai *threshold* RM3,000 dan ke bawah. Dianggarkan sebanyak RM5.2 *million household* isi rumah akan terlibat dalam hal ini yang akan diberi melibatkan perbelanjaan RM2.6 bilion iaitu merangkumi 79.5 peratus keseluruhan *household* di Malaysia ini. Satu jangkauan atau *coverage* yang begitu besar sekali di negara kita.

Cuma kebimbangan saya di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana RM500 itu diagihkan dan kaedah dan sebagainya. Ada mengatakan bahawa dia dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui badan-badan tertentu untuk menilai *income* dia. Memang logiknya juga mereka lah yang boleh berkuasa untuk menentukan pendapatan seseorang itu. Cuma *concern* saya di sini Tuan Yang di-Pertua dengan izin ialah, kalau kita berpandukan sepenuhnya isi rumah itu jangan lupa bahawa ada juga dalam satu rumah itu ada dua isi rumah. Dalam satu rumah ada dua keluarga. Di Sabah ini biasa begini. Ada dalam satu rumah itu ada dua keluarga dalam satu rumah. Jadi kalau kita gunakan formula ini untuk satu rumah sahaja maka yang satu lagi itu, yang dua keluarga itu tidak dapatlah.

Jadi kerajaan haruslah mengambil kira perkara ini dan melihat tentang kesesuaian mereka mengikut isi rumah dalam satu rumah tersebut Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sukan adalah penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Memang betul Tuan Yang di-Pertua bahawa sukan bukan sahaja satu jenis riadah, satu jenis permainan yang dipertandingkan di kejohanan-kejohanan tempatan, kebangsaan dan antarabangsa, ia juga adalah sumber pertumbuhan ekonomi kita kerana sebab industri sukan menyumbang sebanyak RM30.9 bilion kepada GDP negara kita sebenarnya. Begitu besar sekali sumbangan sukan terhadap negara kita. Juga ia adalah satu penyumbang kepada usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju tahun 2020.

Industri sukan juga adalah satu industri yang *lucrative* yang lumayan. *Lucrative*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang menguntungkan. Melibatkan ramai sektor dan juga boleh melonjakkan negara kita ke satu tahap yang boleh menarik pelancong-pelancong dari segi *sport tourism*.

Memang banyak sektor yang terlibat seperti yang saya cakap tadi sepertilah *sportsman*, *sportswomen* dan sebagainya tetapi juga melibatkan orang profesional seperti peguam-peguam, jurukamera, *commentators*, doktor, pakar-pakar makanan, psikologi, pengkaji, *journalist*, *event organizer* dan sebagainya. Semuanya terlibat dalam sukan ini.

Jadi apa yang saya ingin kaitkan di sini apabila saya bercakap tentang sukan ini Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin mencadangkan satu cadangan di sini dan saya percaya pegawai-pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan ada di sini bahawa kita harus menubuhkan satu badan di peringkat yang tinggi di peringkat kementerian, tugasnya adalah menjadi *event organizer* dengan izin, dan juga untuk melobi untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan yang besar, yang bertaraf antarabangsa di dunia ini. Sekarang ini *event organizer* yang merancang dan melangsungkan kejohanan-kejohanan ini dan juga mempromosi dan juga tu melobi kejohanan-kejohanan di Malaysia ini adalah dibuat oleh persatuan-persatuan sukan sendiri. Contohnya, jika Persatuan Badminton Malaysia, persatuan ini yang merancang, melobi supaya satu kejohanan yang besar seperti *Thomas Cup*, seperti *Sudirman Cup* dan sebagainya diadakan di Malaysia ini. Sama juga dengan tenis, bola sepak, golf dan sebagainya.

Akan tetapi kalau kita ada satu badan induk yang khas untuk merancang dan menjadi *event organizer* dan juga untuk melobi supaya kejohanan yang besar diadakan di Malaysia ini adalah lebih baik lagi. Lebih baik daripada yang sekarang ini. Mereka ini boleh membantu setiap persatuan dalam *expertisanya* dalam segi kosnya, dalam segi kerjanya, *main powernya* dengan izin untuk menganjur kejohanan tersebut dan sekali gus di mana perlu melobi. Melobi supaya kejohanan itu diadakan di negara kita bukan di negara lain kerana ini akan menyumbang kepada banyak perkara, *tourism* tentang *putting Malaysia, in over map, sport map*, boleh berlaku begitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat baru-baru ini apabila saya menghadiri kejohanan sukan di Denmark baru-baru ini.

■1500

Saya melihat bahawa di situ ada satu badan yang dipanggil *Sports Events Denmark*. Ia adalah badan khas yang ditubuhkan oleh kerajaan di peringkat kementerian mereka untuk maksud seperti ini. Jadi, merekalah yang melobi supaya kejohanan besar diadakan di Copenhagen ataupun di Denmark itu dan juga dibantu oleh persatuan masing-masing. Jadi, saya rasa ini adalah perlu dan dilihat oleh kementerian supaya kita boleh melonjakkan lagi industri sukan di Malaysia ini. Satu lagi perkara yang saya ingin katakan di dalam...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya hendak minta laluan sedikit sahaja, boleh?... Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui bahawa kalau dahulunya kita mempunyai semangat "Chandran", dalam bola sepak. Korea kalau dengar perkataan "Chandran" Tuan Yang di-Pertua, cukup takut. Kita ada Tang Aik Huang - badminton, digeruni oleh dunia termasuk Ng Boon Bee, Tan Yee Khan, kerana semangat sukan yang tinggi.

Kenapa akhir-akhir ini, semangat ini sudah amat menurun, amat luntur dan tidak ada lagi sukan untuk negara. Perebutan jawatan menjadi keutamaan. Adakah soal politik menyebabkan sukan sudah menjadi agak lesu, menurun dan tidak ada satu pun yang boleh dibanggakan sebagai lahirnya *Super Mokh* pada masa itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Yang Berhormat. Semua Yang Berhormat sebutkan itu adalah relevan, saya setuju faktor-faktornya. Kalau kita lihat Yang Berhormat, semangat Korea, semangat Jepun. Apabila mereka bertarung di padang, mereka bermain habis-habisan seolah-olah mereka pergi berperang, begitu bersemangat tinggi. Kita lihat semangat ini ada pada Malaysia sewaktu melawan Indonesia, Sukan SEA baru-baru ini. Mempunyai semangat yang begitu tinggi sekali berjuang untuk memastikan kita menang. Semangat itu kalau kita serapkan setiap sukan, saya percaya sukan kita akan lebih jauh lagi di Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

Cadangan saya di sini yang kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam sukan ini ialah kita harus bangunkan lagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, di peringkat daerah, di negeri.

Dahulu kita ada sukan teras dan dipandu oleh Majlis Sukan Negara tetapi kini diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan saya haraplah Kementerian Pelajaran sekarang ini buat kerja itu tetapi apa yang saya nampak belum ada seperti dahulu. Jadi, saya harap ia akan diusahakan begitu baik supaya kita boleh mencungkil bakat-bakat baru di peringkat akar umbi kerana di sanalah sebenarnya *source of our athletes, from the districts* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Saya ingin beralih kepada Tabung Khas Perumahan Nelayan. Dalam Bajet 2012 kita telah melihat dan membaca bahawa kerajaan akan menyediakan satu tabung yang dipanggil Tabung Khas Perumahan Nelayan dengan jumlah RM300 juta untuk membina dan membaik pulih rumah mereka agar menjadi lebih selesa dengan prasarana asas yang baik. Ini baik dan saya menyokong kerana rumah adalah penting sekali kerana kalau kita mempunyai rumah yang baik, prasarana yang baik, suasana yang baik dalam rumah, tentu menghasilkan semua yang baik. Anak-anak pun boleh belajar dengan baik, suasana yang baik dan pembelajaran mereka pun bertambah baik juga.

Cuma satu yang saya ingin katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak tahulah terlepas pandang oleh kerajaan iaitu mengenai dengan peladang-peladang, petani-petani. Kalau nelayan ini diberi RM300 juta untuk tabungnya, bagaimana dengan petani, peladang-peladang yang sudah pun berusaha selama ini membantu keluarga masing-masing, membaiki ekonomi masing-masing. Rupa-rupanya tidak ada dalam bajet kita ini, dahulu pun tidak ada dan sekarang pun tidak ada.

Jadi, bagaimana dengan petani-petani? Saya bercakap tentang apa yang saya nampak di Sabah ini bahawa peratusan daripada kalangan petani ini begitu tinggi sekali. Memanglah mereka ini dari golongan yang berpendapatan rendah, daripada golongan miskin, ada yang miskin tegar dan mereka juga perlukan bantuan daripada kerajaan dalam aspek ini iaitu perumahan untuk mereka ini. Kalau kerajaan diberi bonus, kakitangan kerajaan diberi bonus, nelayan diberi rumah, bagaimana dengan petani-petani, tidak ada. Jadi, saya harap jangan dilupakanlah golongan petani-petani ini dalam usaha kita untuk mempertingkatkan keutuhan ekonomi keluarga di Malaysia ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya IKM, Institut Kemahiran MARA. IKM adalah satu institusi yang baik dan amat berguna dalam menyumbang ilmu, menyumbang jasa kepada anak-anak kita selama ini khususnya bumiputera kerana IKM ini memberikan pelajaran di peringkat para profesional atau teknikal. Kalau graduan-graduan universiti, para profesional menjadi akauntan, *lawyers* dan sebagainya tetapi jangan lupa kita juga perlu orang-orang di pertengahan ini, para teknikal yang buat elektrik, buat kimpalan ataupun *repair* kereta dan sebagainya. Ini adalah perlu dan apa yang saya tahu bahawa IKM ini adalah menawarkan sijil-sijil kemahiran seperti Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Teknologi Pemanasan, Pengudaraan, Penyamanan Udara dan Penyejukan, Sijil Teknologi Automotif, Sijil Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan, Sijil Teknologi Bangunan, Sijil Teknologi Seni Bina.

Semua ini adalah berguna dan baru-baru ini saya telah diundang untuk merasmikan satu promosi kursus IKM di Sabah kerana mereka ada *roadshow* untuk mempromosikan kursus-kursus ini di kalangan anak-anak kita. Maka, saya berkesempatan melihat program ini lebih rapat lagi dan saya memuji usaha ini kerana ini adalah kita akan *create pool of young talented people*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Cuma apa yang ingin saya cadangkan di sini berhubung dengan apa yang saya ingin cakapkan ialah saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau kerajaan membina satu Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Sabah.

Sekarang ini belum ada Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Sabah, belum ada. Di negeri-negeri lain ada tetapi di Sabah belum ada lagi. Jadi, saya ada kawan-kawan atau mereka yang berkenaan, *stakeholders* di Sabah ini bercakap dengan saya tentang keperluan, tentang perlunya satu kolej berkenaan didirikan di Sabah untuk menampung keperluan peringkat diploma. Ini diploma, tadi saya cakap sijil-sijil kursusnya tetapi ini di peringkat diploma dan saya percaya ini adalah baik, *demand* pun ada, keperluan ada untuk pasaran dan industri yang kian berkembang di Sabah ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin bercakap sedikit tentang pendatang tanpa izin di Sabah ini. Orang Sabah ini kalau tidak bercakap tentang pendatang PATI ini tidak lengkap ucapan dia. Semalam saya mendengar ucapan Yang Berhormat di sini dan juga tadi Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim baru sebentar tadi bercakap tentang masalah pendatang tanpa izin. Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang tanpa izin adalah masalah yang besar sekali. Di Sabah ia dilabel sebagai *mother of all problems* di Sabah, PATI.

■1510

This is the seriousness in the case Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah berpuluh tahun bersama dengan ini. Kalau di Semenanjung masalahnya dia datang sini, dia *overstay* jadi *trespasses* sini. Tiada permit. Tiada permit masuk sini. Akan tetapi di Sabah ini lain Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga jenis yang datang. Satu yang memang masuk tanpa izin. Tidak ada dokumen langsung. *No document at all*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kedua adalah mereka yang ada dokumen sah apabila masuk tetapi *overstay* dan menjadi PATI. Ketiga adalah pemegang IMM13. IMM13 ini adalah mereka yang diberi status *refugee* pada 70-an dahulu sewaktu keadaan masalah di Mindanao, Filipina dan mereka datang ke Sabah dan diberi status *refugee* walaupun kita bukanlah *signatory* kepada *refugee* ini, *United Nations* ini tetapi mereka ini diberi status dengan satu dokumen IMM13.

Waktu diberi IMM13 ini jumlah mereka hanya 80,000 Tuan Yang di-Pertua. Waktu itu, 70-an. Bayangkan sekarang ini sudah berapa tahun, mereka beranak pinak semua. Berapa jumlah sekarang. Sekarang ini berkeliaran di Sabah tanpa dokumen - IMM13.

Masalah *overstayed* ini pun terlalu banyak. Ada kerja di *plantation*, kerja di mana-mana industri dan *overstayed*. Sembunyi di hutankah di mana susah mahu *trace*. Ketika saya sebut yang pertama tadi yang dia sengaja langgar dari pintu belakang masuk dan dianggarkan lebih kurang 900,000. Itu anggaran sahaja 900,000 pendatang tanpa izin berada di Sabah sekarang. Jadi, ini menyebabkan banyak masalah. Masalah sosial, hospital telah dipenuhi dengan mereka ini, *prison* kita dipenuhi dengan mereka ini, hospital, *prison* dan sebagainya semua diambil. Malahan sekarang ini, mereka sudah pun mendapat IC melalui Projek IC yang telah dibuat pada tahun 80-an dahulu.

Jadi, beribu, ratus ribu orang telah diberikan projek IC ini. IC yang *genuine* tetapi diberi atas nama Projek IC ini. Inilah yang menjadi masalah sebab mereka ini juga pengundi, menjadi pengundi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: ...Ada beberapa *point* lagi yang saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat cepatkan sedikit, *go into your point*.

Datuk Maijol Mahap: Jadi saya ingin mencadangkan di sini supaya apa yang kita cakap selama ini Tuan Yang di-Pertua tentang cadangan untuk menubuhkan *Royal Commission of Inquiry* ini haruslah diberi perhatian dan diberi kelulusan oleh kerajaan kita.

Seterusnya kepada infrastruktur ICT Tuan Yang di-Pertua. Infrastruktur ICT dan penebusan jalur lebar di Sabah ini masih di tahap yang rendah Tuan Yang di-Pertua. Hanya 33 peratus berbanding di seluruh negara. Di Semenanjung 60 peratus, di Sabah cuma 33 peratus. Apa sudah jadi? Kita perlukan penebusan ICT yang baik kerana inilah satu keperluan bukan keistimewaan lagi sekarang. *It is not a privilege anymore. It is a necessity*. Satu keperluan kepada kita kerana jalur lebar ini adalah penting dalam hidup kita. Apatah lagi sekarang ini kita mahu banyak *investment* datang dari luar negara datang sini, kalau ICT kita lemah maka pelabur dari luar negara tidak akan datang ke negara kita.

Seterusnya, R&D Tuan Yang di-Pertua, *research and development*. Sekarang ini bajet kita hanya memperuntukkan 0.8 peratus sahaja untuk R&D, begitu rendah di negara kita. Selalunya kita menambah jumlah ini sebab R&D adalah penting untuk kita apatah lagi Malaysia ini kita mahu melonjakkan negara kita ini sebagai negara maju tahun 2020. Pendapatan per kapita *income* kita sekarang ialah USD7,500. Kita mahu naikkan kepada USD15,000 menjelang 2020 sebagai negara maju.

Mengikut definisi Bank Dunia, perlulah R&D ini dititikberatkan lebih lagi untuk melonjakkan lagi inisiatif, inovatif dan kreativiti negara kita Tuan Yang di-Pertua. Saya memuji beberapa syarikat yang melabur dalam bioteknologi ini dan R&D ini seperti mana kita boleh menaikkan lagi *yield* atau pendapatan kelapa sawit contohnya yang menjadi satu *income* yang besar kepada negara kita.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang permintaan masyarakat KadazanDusun di Labuan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan ini sebab diminta beberapa kali saya ingin mengulang lagi bahawa saya minta supaya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ini melihat permintaan mereka supaya mewujudkan satu perhubungan perkampungan untuk KadazanDusun dan Murut yang sudah berhijrah berpuluh tahun yang lalu. Saya rasa ini adalah wajar untuk menyatupadukan kaum itu sendiri dan juga untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan. Mereka ini sekarang tinggal di merata-rata tempat dan adalah wajar untuk diberikan kampung tersebut. Yang Berhormat sahabat saya daripada Labuan dia sendiri setuju dengan saya kerana adalah tempat beliau dan adalah wajar dilihat oleh kementerian yang berkenaan. Banyak lagi sebab-sebab kenapa ia harus ditubuhkan tetapi kesuntukan masa Tuan Yang di-Pertua saya tidak boleh huraikan dan saya harap kementerian akan melihat ini secara serius.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai dengan isu pembangunan masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Saya melihat bahawa ini adalah satu isu yang penting yang harus dilihat oleh kerajaan secara positif iaitu pertama ialah isu pengiktirafan hak pemilikan tanah Orang Asli di Semenanjung. Baru-baru ini pada 16 November 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa kerajaan akan memberi perlindungan kepada tanah-tanah Orang Asli. Persoalannya apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dibuat oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu tanah adat Orang Asli ini. Isu pengiktirafan hak pemilikan tanah bagi masyarakat Orang Asli ini merupakan isu utama dan penting di kalangan masyarakat Orang Asli walaupun Semenanjung telah mencapai kemerdekaan selama 54 tahun.

Mengikut data Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada tahun 1998 bukan yang terkini itu sahaja data yang pada saya, terdapat 133,153.93 hektar tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat. Gulung sekarang.

Datuk Maijol Mahap: Ya. Saya ke arah itu Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah tersebut hanya 14.73 peratus sahaja yang diwartakan. 21.72 peratus telah diluluskan tetapi belum diwartakan. Masih lagi ada 63.55 peratus yang belum mendapat sebarang pengiktirafan. Jadi, ini bermakna hanya 36.85 peratus sahaja yang dilindungi oleh kerajaan setakat ini. Persoalannya adalah apa akan jadi pada 63.55 peratus tersebut yang belum diwartakan.

Saya ada data-data di sini berapa peratusan setiap negeri tetapi saya tidak ada masa. Saya merumuskan di sini bahawa kerajaan harus melihat ini termasuklah juga untuk memasukkan istilah Orang Asli dalam Artikel 153, Perlembagaan Persekutuan kerana ada istilah orang Melayu dan bumiputera Sabah Sarawak tetapi tidak ada istilah Orang Asli dalam Artikel 153 tersebut. Jadi, saya rada ada keperluan kerana mereka juga yang layak untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut di bawah Artikel 153, Perlembagaan Persekutuan.

Ada lagi beberapa sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak apalah. Memadai setakat ini. Saya dengan ini mohon menyokong.

■ 1520

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Tuan Muhammad Olian bin Abdullah. Ini wakil Orang Asli hendak bercakap. Silakan Yang Berhormat.

3.21 ptg.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Dari hari pertama hingga hari ini dan baru sebentar tadi kawan saya pun sama-sama memperjuangkan berkenaan nasib dan masa depan Orang Asli di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini di Semenanjung ada 179,197 jiwa Orang Asli dan memang antara masalah yang utama yang menghantui Orang Asli di negara ini lebih daripada 50 peratus berada di dalam keadaan kemiskinan. Baru tadi disebut oleh sahabat saya Datuk Majjol Mahap bahawa penempatan-penempatan Orang Asli di negara ini yang meliputi 852 perkampungan iaitu 327 kampung atau 31 peratus berada di pedalaman, 519 kampung atau 61 peratus terletak di pinggir. Enam kampung sahaja atau 1 peratus sahaja yang berada di kawasan bandar.

Jadi, keadaan ini sudah boleh menggambarkan kepada kita bahawa masyarakat Orang Asli di negara ini memang masih berada di bawah kemiskinan. Di dalam masa yang sama, saya tidak menafikan bahawa telah banyak perubahan atau pun pembangunan-pembangunan yang peroleh tetapi saya kira ini masih belum mencukupi lagi. Pada 16 November baru-baru ini seperti yang disebut oleh sahabat saya Datuk Majjol Mahap tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam satu perjumpaan dengan masyarakat Orang Asli seluruh negeri Selangor di Tanjung Sepat telah mengumumkan bahawa kawasan-kawasan penempatan Orang Asli akan diwartakan.

Maka, seluruh masyarakat Orang Asli yang hadir di dalam perjumpaan pada hari itu berdiri bertepuk tangan kerana bergembira selepas 54 tahun satu pengumuman yang dinanti-nantikan oleh daripada pemimpin ulung kita. Ini memberikan satu pengharapan baru dan ianya adalah selaras dengan Gagasan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Apa yang dikehendaki oleh masyarakat Orang Asli kawasan penempatan mereka diwartakan dan akhirnya berikan hak milik. Apabila diwartakan, maka tidak timbul lagi isu mengatakan Orang Asli mencerooboh tanah kerajaan dan sebaliknya kerajaan ceroboh tanah Orang Asli.

Dalam hal ini, saya telah bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan juga ketua-ketua menteri untuk mencari jalan menyelesaikan pemilikan tanah Orang Asli di Semenanjung ini. Dalam hal ini sering dibangkitkan berkenaan dengan kawasan rayau. Bagi saya dan juga seluruh masyarakat Orang Asli, kawasan rayau ini sebenarnya adalah satu gagasan yang digagaskan oleh NGO-NGO antarabangsa.

Adakah kita masih mahu melihat Orang Asli terus merayau dengan kita menyediakan kawasan-kawasan rayau? Bagi saya yang lebih pentingnya kita mesti sediakan satu tempat dengan penempatan yang lebih baik dengan sumber ekonomi yang disediakan di situ. Kalau sumber ekonominya telah ada, kita tanam sama ada dengan tanaman-tanaman seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya. Sudah pasti mereka tidak akan merayau lagi. Buat apa mereka hendak merayau lagi kalau sudah ada tempat yang sesuai dan selesa. Saya kira ini patut diambil perhatian serius oleh pihak kerajaan kalau mahu melihat sokongan masyarakat Orang Asli ini berterusan kepada kerajaan Barisan Nasional.

Memang diakui dari dahulu lagi dan mungkin juga selamanya Orang Asli akan memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi, kalau isu-isu seperti saya sebutkan tadi tidak diselesaikan, saya kira mungkin mereka akan beralih arah kerana tidak ada perubahan-perubahan yang begitu ketara dalam membangunkan masyarakat Orang Asli. Saya juga pernah menyebut di dalam Dewan ini berkenaan dengan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. Saya sebut di mana-mana sahaja di dalam dunia ini dan negara mana sekalipun serta kaum apa sekalipun, kalau kita mahu mengangkat martabat dan ketamadunan sesuatu kaum itu cara yang lebih baik dan yang paling berkesan adalah melalui pendidikan. Sebab itu bagi saya peratus keciciran yang agak tinggi di kalangan anak-anak Orang Asli ini amatlah membimbangkan.

Oleh sebab itu saya menyeru kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran dan juga Jabatan Kemajuan Orang Asli supaya mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dalam menyelesaikan masalah ini. Perkara pokok yang saya lihat sebab apa berlaku keciciran? Keciciran yang paling tinggi sehingga mencapai 29 peratus adalah daripada sekolah rendah, apabila tamat darjah enam hendak masuk ke tingkatan satu, mengapa? Ini kerana anak-anak ini apabila masuk ke sekolah menengah, dia akan bercampur dengan lain-lain bangsa yang ada di negara ini kerana tidak ada satu sekolah menengah khusus untuk Orang Asli. Bukan saya minta diwujudkan satu sekolah khusus untuk Orang Asli kerana saya pun mahu melihat anak orang Asli ini bercampur gaul dengan lain-lain bangsa supaya wujudnya persaingan yang sihat di kalangan mereka.

Masalahnya, masa persediaan di sekolah rendah itu tidak cukup bagi membolehkan mereka bersaing di sekolah-sekolah menengah. Oleh sebab itu saya minta supaya banyak dirikan asrama-asrama di pinggir bandar atau pun di dalam bandar seperti mana yang dibuat oleh FELDA bagi menempatkan anak-anak peneroka di kawasan-kawasan bandar. Kita boleh berikan dia pendidikan yang lebih baik, kita boleh berikan dia tuisyen dan sebagainya di sana. Kita boleh aturkan program-program pendidikan yang lebih berkesan untuk membantu mengatasi masalah mereka...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, silakan. Dia berarkan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah. Menyediakan satu sekolah yang berasingan mungkin agak berat pelaksanaannya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat jika kerajaan menyediakan pra sekolah daripada kanak-kanak Orang Asli yang berumur empat, lima, enam tahun supaya sebagai persiapan mereka ke sekolah kebangsaan? Adakah ini boleh dapat memberi ruang kepada mereka supaya semasa berumur tujuh tahun mereka boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat lain? Terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya akan pergi ke situ tetapi Yang Berhormat ini dia lebih hebat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Saya berterima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, macam ini. Bila Yang Berhormat berucap, sama ada Yang Berhormat hendak beri dia laluan atau tidak terpulang pada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat terfikir dan kita Ahli-ahli pun faham. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sekarang ini kita bina sekolah atau pun tadika-tadika di perkampungan Orang Asli. Akan tetapi masalahnya, kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman tidak disediakan kemudahan yang mencukupi dan juga termasuk guru-guru yang dihantar itu kadang-kadang tidak diberikan latihan yang sempurna sehinggakan guru-guru pun tidak mahu masuk ke kawasan-kawasan pedalaman kerana tidak ada kemudahan yang mencukupi.

Oleh sebab itu saya kira untuk sediakan kemudahan yang mencukupi, kawasan persekitaran yang selesa untuk memberi peluang kepada anak-anak ini belajar mesti diambil tindakan. Bukan sahaja diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli kerana sekarang ini kemudahan-kemudahan di peringkat pra sekolah ini diberi tanggungjawabnya kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli ini tidak boleh menyelesaikan keseluruhan masalah keciciran.

■1530

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Sebelum saya terlupa Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat tadi mengenai asrama-asrama itu.

Saya hanya hendak memperkukuh cadangan itu dengan berkongsi maklumat tentang satu asrama di Kampung Datuk Keramat sebelum Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan, kira-kira 40 tahun yang lalu. Ada satu asrama yang namanya Asrama Dr. Abdul Latif. Asrama Dr. Abdul Latif ini didirikan sebelum banyaknya sekolah-sekolah asrama untuk anak-anak dari luar bandar.

Asrama Dr. Abdul Latif tidak menyediakan sekolah tetapi menampung kanak-kanak dari sekitar Selangor dan dihantar sekolah ke Sekolah St. John, ke VI dan ke sekolah-sekolah yang lain. Ramai daripada bekas pelajar-pelajar yang menginap di Asrama Dr. Abdul Latif yang belajar di sekolah-sekolah utama di sekitar Kuala Lumpur itu sekarang telah mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka. Ini barangkali satu contoh yang dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf pendidikan terutama sekali dengan mewujudkan asrama-asrama dan menghantar mereka kepada sekolah-sekolah sekitar bandar atau sekolah-sekolah yang baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Memang itulah. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mula sebenarnya langkah ini dan kita telah dirikan satu asrama yang kita panggil Pusat Intelak Pelajar Orang Asli di daerah Rompin dan akan mula beroperasi pada tahun hadapan. Ia mempunyai kelengkapan yang cukup baik. Saya berharap perancangan-perancangan dan program seperti ini dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. Di dalam masa yang sama juga belia-belia Orang Asli begitu ramai yang tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini saya kira sesuatu yang patut diambil perhatian untuk hendak selesaikan. Terdapat kadang-kadang kursus-kursus kemahiran yang diberikan kepada mereka ini tidak bersesuaian dengan keadaan persekitaran mereka. Umpamanya kalau kita berikan kursus motor mekanik, sudah pasti mereka kena tinggal di dalam bandar ataupun di pinggir bandar untuk buka woksyp dan sebagainya. Sedangkan hendak bawa mereka ini pindah ke kawasan pinggir bandar atau dalam bandar merupakan satu masalah yang agak sukar.

Oleh sebab itu, kursus-kursus yang bersesuaian dengan mereka umpamanya kita boleh memberikan kursus-kursus kemahiran pertanian. Ini lebih dekat dengan jiwa mereka supaya apabila mereka balik nanti ke kawasan perkampungan mereka, boleh mengamalkan cara pertanian moden. Oleh yang demikian, saya fikir perkara-perkara yang macam ini perlu diambil perhatian.

Selain daripada itu, dalam beberapa hari yang lepas sahabat saya telah membangkitkan supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli ini ditutup. Saya tidak bersetuju Jabatan Kemajuan Orang Asli ini ditutup. Bagi saya lebih baik Jabatan Kemajuan Orang Asli ini kita perbaiki, kita ubah suai fungsi dia supaya ia benar-benar boleh membawa kemajuan kepada masyarakat ini. Kalau kita tutup, ada lebih kurang 400 kakitangan daripada 1,200 lebih kakitangan JAKOA terdiri daripada masyarakat Orang Asli. Kalau kita tutup, ke mana mereka hendak pergi? Ini saya fikir bukan satu cadangan yang baik. Malahan bagi saya kalau hendak mempercepatkan lagi proses pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli ini...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat. Biar dia bercakap dahulu. Selepas itu Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Malahan Tuan Yang di-Pertua, bagi saya untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli ini supaya menjelang tahun 2020 negara kita akan menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, kita hanya ada waktu lebih kurang lapan atau sembilan tahun sahaja lagi. Perlu diwujudkan satu badan lain yang boleh membantu mempercepatkan proses ini sama ada daripada peningkatan ekuitinya, pemilikan harta dan sebagainya. Satu badan yang boleh mewakili masyarakat ini dalam pemilikan harta. Ini saya rasa lebih baik daripada kita hendak tutup JAKOA.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira bercakap pasal pembangunan Orang Asli ini sampai esok pagi pun tidak akan habis. Jadi selain daripada itu, baru-baru ini isu berkenaan dengan pekerja kontrak yang dibangkitkan oleh CUEPACS. Lebih kurang 20,000 penjawat awam yang berstatus kontrak akan tamat perkhidmatan pada hujung bulan ini. Kenapa kita hendak tamatkan kontrak ini sedangkan ada di antara mereka yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Kenapakah statusnya masih berstatus kontrak lagi? Sudah bekerja 15 tahun, tidak adakah jawatan tetap yang boleh ditawarkan kepada penjawat-penjawat awam yang semacam ini?

Tambahan lagi di dalam keadaan tekanan ekonomi dengan peningkatan kos sara hidup, peluang pekerjaan yang begitu sukar sekarang dan ada di kalangan mereka ini yang telah berkeluarga dan sebagainya. Di dalam keadaan sekarang ini, kita hendak tamatkan kontrak mereka, saya kira tidak sesuai. Jadi, oleh sebab itu saya fikir pihak kerajaan kena ambil perhatian serius untuk sambung kontrak-kontrak mereka ini. Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah banyak disebut berkenaan dengan pendatang asing ke negara kita ini. Saya ingat pada asalnya saya hendak bercakap pasal perkara itu.

Jadi, saya ingat oleh itu saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan berbilang-bilang terima kasih, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyediakan satu peruntukan yang agak banyak iaitu RM90 juta untuk pembangunan Orang Asli dan RM20 juta untuk penempatan semula Orang Asli di Sungai Ruil, Cameron Highlands. Kalau melihat kepada perancangan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli yang dilancarkan pada 20 September 2011 oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang merangkumi keseluruhan pembangunan Orang Asli. Kalau melihat kepada perancangan yang bermula tahun 2011 hingga tahun 2015 iaitu 5 tahun yang melibatkan perbelanjaan RM1.5 bilion. Jadi, peruntukan yang diuntukkan dalam Belanjawan 2012 itu saya kira tidak cukuplah.

Selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli di Dewan Negara ini, saya mohon kepada pihak kerajaan supaya melihat balik perancangan ataupun pelan strategik yang telah dilancarkan itu supaya ia bersesuaian atau penyelarasan bagi bajet tahun 2012. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat inilah contohnya kalau nampak bagaimananya Yang Berhormat tadi memfokuskan. Kalau ada isu yang dia kata dia hendak cakap akan tetapi sudah bercakap banyak, dia minta tidak payah lagi untuk bercakap. Ini perbincangan yang bagus. Saya ingin kalau boleh semua bekerjasama dan berbuat demikian melainkan kalau ada lebih hendak tambah dalam topik itu, tidak mengapa. Tanpa membuang masa lagi saya persilakan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz.

■1540

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam debat berkenaan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012. Sejak pengumuman Bajet 2012, adalah dikatakan ramai bahawa kerajaan telah melancarkan satu bajet yang bersalutan gula kepada rakyat Malaysia. Ini kerana kerajaan dilihat menawarkan janji-janji dan pemberian wang tunai yang dikatakan adalah untuk memenangi undi-undi pada pilihan raya yang akan datang. Mereka juga kata bahawa ini tidak sesungguhnya membawa kebaikan kepada masa hadapan negara secara jangka masa panjang.

Bagi pihak saya, saya sokong bajet ini, dan sesungguhnya berharap kerajaan berjaya melaksanakan semua program dalam bajet ini. Namun saya mempunyai beberapa keraguan yang munasabah. Terlebih dahulu kita perlu memeriksa sama ada kerajaan mempunyai kemampuan untuk menampung bajet yang besar ini. Kita dapat melihat bahawa belanjawan kerajaan telah terus meningkat tanpa hemat kewangan. Bajet 2010 berjumlah RM232.8 bilion iaitu telah meningkat daripada RM213 bilion pada tahun 2011.

Perbendaharaan kerajaan telah terus melambung tinggi tanpa mengambil kira kesan jangka panjang untuk negara. Selain itu, kenaikan perbelanjaan mengurus meningkat dari RM162 bilion pada tahun 2011 kepada RM181 bilion dalam Bajet 2012.

Manakala bajet pembangunan yang sebenarnya lebih mustahak hanya meningkat sedikit kepada RM51.25 bilion daripada RM51.18 bilion pada tahun 2011. Dengan anggaran defisit 4.7 peratus kepada Keluaran Daripada Negara Kasar (KDNK) ataupun dalam bahasa Inggeris GDP dengan izin, Malaysia terus mempunyai defisit dalam belanjawan untuk ke sekian kali apatah lagi kita telah harus lupa bahawa angka ini hanya boleh dicapai jika pertumbuhan optimis yang disasarkan sebanyak 56 peratus boleh dicapai tahun depan, yang ada ramai termasuk pemain-pemain ekonomi besar seperti Maybank, Investment Bank, Bank of Amerika, *global research*, RHB dan CIMB Investment Bank meragui.

Hutang Kerajaan Persekutuan juga meningkat sehingga sebanyak RM455.7 bilion iaitu 53.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2011. Pada setakat ini, apabila ekonomi dunia sedang mengalami kemerosotan terutamanya di zon Eropah kita tidak harus menganggap bahawa Malaysia tidak akan terjejas oleh cuaca buruk ekonomi ini. Malah Nomura International telah memberi amaran bahawa Malaysia adalah antara negara yang akan paling teruk terjejas akibat krisis zon Euro disebabkan oleh kewangan awam yang lemah dan keterlaluan dalam pergantungan kepada komoditi.

Ketua ekonomi bagi Asia organisasi tersebut Robert Subbaraman telah berkata bahawa Malaysia akan terjejas oleh kerana harga komoditi yang dijangka jatuh dan kerajaan juga akan merasai kesukaran untuk mengekalkan dasar-dasar rangsangan. Angka-angka yang disediakan juga menunjukkan bahawa pendedahan bank Eropah ke Malaysia berjumlah USD50 bilion ataupun wang kita RM150 bilion atau kira-kira 19 peratus daripada KDNK. Kita dengan negara-negara Eropah menghadapi kesukaran dalam ekonomi mereka sendiri. Bank-bank Eropah mungkin akan mengalir keluar modal dari negara ini ataupun mengurangkan aliran masuk modal ke Malaysia. Saya berharap bahawa kerajaan mempunyai rancangan untuk mengatasi keadaan ini.

Memandangkan di situasi sebagai ini, saya ingin menggesa Dewan untuk membuat kajian semula yang serius pada bajet walaupun ia telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Ia harus diletakkan di bawah penelitian rapat dalam Jawatankuasa yang fokus kepada kementerian masing-masing. Idea ini sebenarnya telah dicadangkan oleh Pakatan Rakyat dalam pembentangan bajet alternatif tetapi tidak diberikan maklum balas yang positif daripada pentadbiran Parlimen. Saya percaya bahawa Parlimen sebagai kuasa dompet kerajaan ataupun *power of the purse*, dengan izin, perlu menjalankan peranan untuk memastikan kerajaan membelanjakan tabung negara yang pada dasarnya merupakan wang pembayar cukai dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan prinsip akauntabiliti yang sama, perolehan peralatan oleh Kementerian Pertahanan juga mesti dibuat dengan berhemah dan kebijaksanaan. Jangan salah faham kepada saya, saya sebenarnya percaya bahawa angkatan tentera kita mesti dilengkapi dengan kemudahan dan alat yang terbaik *nothing but the best*, dengan izin. Ini kerana ahli-ahli angkatan tentera telah pun meletakkan nyawa mereka dalam risiko tinggi demi keselamatan negara dan juga kerana kita mesti bersiap sedia untuk musuh-musuh negara yang berkemungkinan. Walau bagaimanapun, itu tidak bermakna peralatan mestilah yang paling mahal.

■ 1550

Perolehan telus perlu dilakukan untuk mengelakkan rasuah terutamanya dalam kementerian ini di mana alasan kerahsiaan telah disalahgunakan untuk kepentingan diri. Kementerian mestilah mencadangkan satu cara untuk meningkatkan ketelusan dalam perbelanjaan pertahanan. Salah satu cara ialah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk memantau isu-isu pertahanan sebagaimana yang telah dikemukakan beberapa kali oleh beberapa orang Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 juga adalah satu dokumen yang mengecewakan kerana kekurangan usaha oleh pihak kerajaan dalam reformasi tetapi cuma fokus kepada pemberian satu kali atau *one-off* dengan izin, yang hasratnya adalah untuk memberi unsur rasa baik ataupun *feel good factor* dengan izin, kepada pengundi. Wang jumlah kecil telah diberi kepada golongan yang besar seperti pengecualian yuran kokurikulum bagi pelajar dan kadar bunga bagi penjawat awam.

Akan tetapi, tiada 'pemberitaan' diberikan kepada reformasi institusi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah, *Corruption Perception Index* dengan izin, oleh *Transparency International* yang telah menurun ke tangga ke-60 dengan markah serendah 4.3 tahun ini adalah satu fakta yang sungguh menyedihkan. Malaysia tidak menunjukkan kemajuan, malah telah merosot sungguhpun kerajaan membuat tuntutan bahawa kejadian rasuah telah menurun selepas program NKRA.

Dalam tahun pertama kajian CPI dijalankan pada tahun 1995, Malaysia berada di kedudukan ke-23 dalam 41 negara dan juga merupakan negara keenam tinggi dalam Asia Pasifik iaitu selepas New Zealand, Singapura, Australia, Hong Kong dan Jepun. Penurunan kedudukan Malaysia dalam CPI yang menilai berdasarkan pelbagai penyelidikan dan pendapat perniagaan dan yang dikendalikan oleh institusi yang bebas dan mempunyai reputasi baik adalah satu indikasi bahawa SPRM cuma membazirkan wang pembayar cukai. Ia telah menunjukkan bahawa rakyat dan komuniti perniagaan bukannya senang dibutakan oleh propaganda. Kerajaan haruslah bertanggungjawab ke atas pentadbiran buruk dan toleransi yang diberi kepada kronisme dan penyalahgunaan kuasa. Seperti mana yang dilihat dalam kes *National Feedlot Corporation* baru-baru ini, saya tidak mahu panjang-panjangkan perkara ini kerana semua kita sudah tahu dalam surat khabar, itu ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengamalan populisme tidak akan menyelamatkan negara kita. Adalah tidak mencukupi untuk memberi wang tunai kepada sesetengah golongan jika kerajaan ingin menunaikan janji kerajaan mengatasi masalah peningkatan kos kehidupan. Walaupun kita mengalu-alukan faedah yang diberikan kepada sektor awam, kerajaan tidak harus mengabaikan kebajikan rakyat di mana kebanyakan orang menghadapi tekanan hidup yang sama.

Subsidi yang lebih ketat untuk golongan miskin harus dilaksanakan untuk memastikan bahawa orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan dijaga dan bukan sahaja mengikut kategori pekerjaan. Malah adanya laporan bahawa kerajaan telah mula mengedarkan wang tunai RM100 kepada pelajar-pelajar sekolah kebangsaan. Ini adalah salah satu dari segi teknikal kerana peruntukan bagi program tersebut adalah di bawah Bajet 2012 yang masih belum diluluskan oleh Parlimen. Kementerian perlu menjelaskan tindakan mereka untuk mendahulukan wang bagi maksud tersebut. Malah saya ingin mencadangkan kerajaan mengambil pendekatan berasaskan keperluan dalam pemberian wang tunai.

Wang itu akan dibelanjakan dengan lebih baik sekiranya kerajaan menyalurkan wang-wang tersebut kepada sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang memerlukan di mana ibu bapa berpendapatan rendah dan bukannya memberi secara menyeluruh kepada pelajar-pelajar daripada keluarga lebih kaya yang mungkin tidak memerlukan wang tersebut.

Saya juga ingin menyeru kerajaan supaya melihat serius isu jenayah yang dilakukan oleh warga asing. Mungkin adalah menjadi keperluan untuk mengkaji balik polisi *Visa on Arrival*. Walaupun ini adalah difahamkan bahawa tujuan fasiliti tersebut adalah untuk menggalakkan pelancongan dan perhubungan diplomasi di antara negara, kerajaan haruslah juga sedar bahawa polisi tersebut telah disalahgunakan oleh ramai yang mempunyai agenda buruk. Ini termasuk pengedar dadah, jenayah dan juga pencuri profesional di lapangan terbang yang baru saya alami. Baru-baru ini di *airport*, beg saya dicuri. Apabila saya pandang ke belakang, beg sudah hilang. Beg itu beg *briefcase*. Dalam beg itu ada satu iPad, pen, cermin mata dan ubat saya, habis hilang begitu.

■1600

Jadi bila saya tengok sebelah kanan, sebelah kiri, *security* seorang pun tidak ada, ini *airport authority* punya *security*. Saya pergi buat laporan di pondok polis dan saya betul-betul hendak memberi tahniah kepada polis kerana mengambil *action* dengan sungguh cepat. Bila saya sampai di Kota Kinabalu, polis dah telefon. Dia kata bila Tunku balik boleh singgah ke balai polis kerana dia hendak ambil lagi *some details from me*. Dalam empat hari, dia dah dapat tangkap. Pencuri ini bukan orang kita, satu geng yang dok curi selama setahun, dah berpuluh *report* dibuat tetapi polis boleh *pro cope*.

Geng ini dua orang dari Peru, seorang dari Mexico, ini kerana apa, *Visa on Arrival*, siapa pun boleh masuk ke Malaysia ini. Jadi itulah saya harap kerajaan tolonglah tengok perkara ini supaya rakyat kita diselamatkan.

Lagi satu, *security* di *airport* ini sungguhpun ada CCTV tetapi CCTV ini bukan di kontrol oleh polis, dikontrol oleh MAHB. Jadi maknanya bila polis dan CCTV ini tidak di monitor 24 jam, KLIA ini ialah satu *airport* yang kita guna 24 jam tetapi tidak ada siapa yang monitor CCTV. Kalau ada orang memantau, masa orang curi itu kita dah boleh tangkap tetapi ini kena minta kebenaran pula kepada Malaysia *airport*. Akan tetapi itulah polis kita cukup cekap, sungguhpun ada macam-macam halangan mereka boleh dapat tangkap.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai isu AirAsia. Baru-baru ini terdapat pertelagahan antara AirAsia dan Malaysia Airport Holdings Berhad ke atas isu cukai lapangan terbang. Ini bukanlah kali pertama AirAsia bertelagah dengan MAHB, mereka telah awal-awal lagi mempertikai MAHB berkenaan yuran pendaratan sebanyak RM2 juta. Saya berpendapat bahawa AirAsia harus menjadi pemain perniagaan yang lebih bertanggungjawab kerana dengan membayar jumlah wang yang dikenakan sama rata kepada syarikat-syarikat penerbangan lain termasuk MAS juga.

Jadi AirAsia ini selalu, kalau tidak ada perkara apa pun, dia korek, dia buat kacau. Jadi saya ingat ini satu cara yang *irresponsible* lah. Kemudian tidak mahu pula hendak gunakan *aerobridge*, ini saya ingat dah melampau. Mereka ingat fasal hendak buat keuntungan sahaja, tidak kira.

Saya selalu pergi ke Sabah, ke Kuching, ramai orang tua, macam saya pun ramai yang naik kapal tetapi ada perempuan, perempuan yang mengandung, budak-budak kecil, hendak panjat tangga besi atau turun. Jadi saya ingat kerajaan mesti membuat satu keputusan. Tiap-tiap kapal yang menggunakan *airport* itu mesti menggunakan *aerobridge*. Kita bukan negara kedua, kita sebuah negara maju. Jadi saya ingat Mr. Fernandez, dia kena ingat juga, bukan hendak buat untung tetapi ingat dia punya *responsibility* sebagai seorang korporat dan *responsibility*, tanggungjawabnya kepada rakyat Malaysia.

Akhir sekali, saya ingin menyeru kerajaan supaya mengkaji balik polisi misi diplomatik negara ini. Malaysia bukanlah satu negara yang besar dan kita ada sumber kewangan yang terhad. Sebenarnya tidak perlulah kita mempunyai begitu banyak kedutaan dan misi luar. Kita ini terlampau banyak, kita ada pelbagai perbelanjaan kita RM765 juta untuk tahun 2012. Kita ada 105 misi luar negara, ini saya ingat sudah terlampau banyak. Kalau kita hendak buat misi luar, kita kena kaji betul-betul, apa keuntungan kepada Malaysia. Ini tidak, buka satu misi di sana di tempat yang kalau orang Malaysia pun tidak tahu di mana tempatnya, nama pun tidak tahu. Serupa juga kita buat dengan MAS, pergi sana, pergi sini, itu yang MAS dah teruk. Akan tetapi kita punya *diplomatic mission* di luar negara kita ini kena kontrol sedikit. Kita kena mengkaji balik, kalau tidak saya ingat kita membazir, membuang berbilion-bilion, itu semua tidak guna sahaja.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya amat tertarik tentang *diplomatic mission* ini. Cuma saya hendak tanya, di London, *Malaysian Hall, Commissioner* kita di London, taraf kita, kita sewa bangunan. Tidak bolehkah kalau sekiranya kerajaan beli sebab ini *mission*. Jadi kawasan itu kawasan Malaysia, tanah itu tanah Malaysia. Kalau *diplomatic mission* lah. Jadi makna kita boleh dapatkan perlindungan termasuk itu. Sekarang kita masuk satu bangunan yang kita sewa. Tidak adakah satu kaedah yang mana jadikan hak dan tanah kita. Jadi bermakna barulah kita ada kredibiliti, kita rasa *confident* kerana tanah itu tanah kita, kita beli sendiri hak kita kerana tempat ini di London, tempat yang sofistikated. Apa pandangan Yang Berhormat Tunku dengan sewa ini, hanya peringkat sewaan sahaja pada bangunan yang ada di London. Sekian terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada *mission* kita yang kita sewa, ada juga yang kita beli, beli terus.

Akan tetapi kalau kita sewa pun, kalau tempat itu kita jadikan kedutaan kita, tempat itu kiranya kita dapat imuniti. Sungguhpun kita sewa, bukan kata kita punya. Akan tetapi itu saya ingat terpulanglah kepada kita punya *Minister of Finance* atau Menteri Kewangan sama ada dia hendak beli atau – barangkali itu, saya tidak boleh komenlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato Dr. Johari bin Mat. Ada atau tidak?

■1610

4.10 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Alhamdulillah wassolatuwassalamuala Rasulillah waalaalihi wasahbihi wamanwalah.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membincangkan bajet atau Belanjawan 2012 pada hari ini. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober 2011 baru-baru ini. Kita telah sekali lagi di bentang di sini pada hari Khamis baru-baru ini iaitu 8 Disember.

Sesungguhnya usaha untuk merangka satu belanjawan kepada sebuah negara seperti kita ini telah digarap dengan seluruh kekuatan yang ada dan pendapat daripada seluruh lapisan masyarakat sehingga terteranya satu belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Di atas usaha yang gigih dan kuat itu, saya ucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kerana memberi perhatian sungguh sebagai seorang ayah kepada anak-anak, sebagai ketua sebuah negara kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, banyak perkara yang telah disentuh di dalam belanjawan ini dan begitulah juga telah banyak disentuh oleh rakan-rakan senator dalam perbincangan-perbincangan sebelum ini. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja daripada pembentangan yang panjang lebar yang mengambil 50 halaman itu. Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa yang mudah, bajet yang telah dibentangkan ini dapat kita rumuskan ia adalah apa yang manusia mahu, apa yang kita mahu dan apa yang kita bimbang dan takut. Dalam dunia ini, manusia selalu menginginkan dua perkara. Satu, perkara yang ingin betul-betul akan tercapai iaitu satu perkara lagi mereka tidak ingin perkara itu berlaku. Perkara yang mereka ingin capai ialah bahagia dan perkara yang mereka tidak mahu ialah lawan kepada bahagia iaitu kesusahan.

Apa pun perbincangan yang telah dibuat sama ada individu, keluarga, syarikat atau negara, itulah fokus yang dapat disimpulkan bahawa kita mahu yang baik dan bahagia dan kita tidak mahu susah atau kecelakaan yang menimpa. Tuan Yang di-Pertua, untuk menggarapkan kedudukan yang besar itu, saya ingin melihat falsafah daripada pembentangan bajet ini yang mungkin belum disentuh oleh mana-mana Ahli sebelum ini. Falsafah pembentangan bajet ini telah dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan membawa ayat tiga dan empat daripada Surah Quraisy dan diakhiri dengan ayat tujuh Surah al-Hasyr. Kedua-dua ayat ini merupakan gabungan dalam falsafah pembentukan bajet yang telah dikemukakan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Ayat ketiga dan keempat dalam Surah Quraisy itu mengingatkan kepada kita peristiwa orang-orang Arab dahulu, di mana mereka juga tidak terpisah daripada kegiatan ekonomi dan perbelanjaan. Di mana masyarakat mereka hidup berniaga dan perniagaan merupakan salah satu sumber kehidupan mereka kerana mereka tidak mempunyai tanah subur untuk bercucuk tanam selain daripada sumber lain mereka iaitu penternakan. Pada musim panas, mereka ke utara. Pada musim sejuk, mereka ke selatan... *[Membaca Surah Quraisy]*

(i) *[Membaca ayat pertama]* Kebiasaan orang-orang Quraisy;

- (ii) *[Membaca ayat kedua]* Mereka sentiasa berhijrah, melakukan dagang, pada musim sejuk dan musim panas; dan
- (iii) *[Membaca ayat ketiga]* Lantas kerana itu hendaklah kamu menyembah Tuhan kepada rumah ini iaitu Baitullah yang telah memberi kamu makan dan juga memberi perlindungan dan keamanan daripada ketakutan.

Ayat ini begitu signifikan dengan bajet. Ini kerana bajet memperkatakan sumber hasil mahsul yang akan digunakan oleh negara dalam memberi kebaikan kepada rakyat dan juga dalam pentadbiran. Jadi, di sini, ayat ini dibawa dalam pembentangan bajet ini supaya semua orang mengingati bahawa yang memberi makan dan minum adalah tuan kepada dunia ini.

Yang kedua, manusia yang hidup di dalam dunia ini mereka mahu keamanan. Keamanan juga adalah diberikan oleh tuan punya dunia ini. Kerana itu ayat tersebut... *[Membaca sepotong ayat dari Surah Quraisy]* Itu adalah falsafah daripada pembentangan bajet yang dimulakan dengan ayat tiga dan ayat empat di dalam Surah Quraisy. Di sini kita boleh mengingatkan kepada kita bersama dan juga siapa sahaja bahawa tidak ada orang yang tidak bertuhan. Tidak ada orang yang tidak mempunyai kepercayaan kecuali segelintir kecil sahaja. Oleh kerana itulah ayat ini mengajak kepada semua orang yang mempunyai kepercayaan dan keimanan kepada pencipta Yang Maha Agung dan Maha Berkuasa. Mereka perlu tahu siapa punya segala-galanya ini. Makanan, minuman, harta dan seterusnya kepada keamanan yang kita nikmati sepanjang masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini diakhiri dengan Surah al-Hasyr ayat tujuh sebagai mana tercatat dalam buku ini. Ayat ini memberi gambaran kepada kita perkara yang lebih luas lagi. Perancangan ekonomi, belanjawan, bajet perlulah diagihkan kepada orang-orang yang berhak dan kita melihat di dalam hal ini ada 25 kementerian yang telah dicatat di sini yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan bajet yang besar ini. Dalam ayat yang telah dibawa maksudnya itu, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk membaca ayat itu keseluruhannya. Tanpa membaca ayat itu keseluruhan, kita tidak akan dapat menggarap maksud daripada apa yang tersirat di dalam bajet ini.

■ 1620

Ayat tersebut berbunyi begini... *[Membaca ayat 7, Surah al-Hasyr]* "Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulallah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).".

Ayat ini mengingatkan kepada kita pembahagian harta itu perlulah mengikut lunas-lunas syariat yang telah digariskan agar ia menepati keadilan yang dikehendaki dan keadilan itu ingin dinikmati oleh semua orang tanpa mengira siapa. Ayat itu juga mengingatkan kepada kita bahawa kita yang diberi tanggungjawab ini termasuk daripada paling tinggi sampai kepada yang paling bawah yang diberi amanah akan dipertanggungjawabkan bukan sahaja di dunia ini tetapi juga yang lebih besar di akhirat nanti kerana pemimpin dan rakyat bukan hanya mereka bersama di dunia tetapi mereka juga akan bersama-sama di akhirat nanti. Ini tanggungjawab yang besar. Oleh kerana itu saya di sini ingin mengingatkan diri saya dan juga semua para pemimpin supaya mereka bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tanggungjawab agar apa yang mereka lakukan di dunia ini dapat mereka terima ganjaran yang besar di akhirat nanti.

Oleh kerana itu izinkan saya sebut di sini bahawa di antara golongan yang diberi bayang Arasy di akhirat nanti ialah *al imamul adil*, pemimpin yang adil. Jadi pemimpin yang adil itu ialah pemimpin yang melaksanakan tugasnya mengikut syariat yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menyebut lagi bahawa dalam konteks ayat yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mengingatkan kita juga bahawa harta yang dimiliki oleh kita, yang dimiliki oleh negara itu adalah satu amanah. Amanah itu perlu dilaksanakan dan disampaikan kepada orang yang berhak. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, jawatan yang Allah berikan kepada seseorang itu memang satu tugas dan bukan satu penghormatan. Jikalau sekiranya seseorang itu dapat melaksanakan tugas dengan baik, maka dia telah menjalankan tugasnya dan kalau sekiranya dia gagal, dia akan kecewa di dunia ataupun di akhirat nanti. Apa lagi kalau tidak dapat menyampaikan amanah kepada pihak yang berwajib, kepada pihak yang berhak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang pelajaran. Pelajaran merupakan salah satu daripada asas utama di dalam pembentukan negara dan ini merupakan salah satu pesanan Allah SWT kepada Rasul-Nya SAW tentang ilmu dan pendidikan dan malah ayat yang pertama diturunkan kepada Rasulullah adalah ayat yang berkaitan dengan ilmu iaitu surah Al-A'ala daripada ayat 1 sampai ayat 4 dimulakan dengan *Iqra'*. Ini kita melihat di dalam bajet dan belanjawan kita ini yang paling besar mendapat peruntukan walaupun setengah daripada kalangan kita mengatakan ia dipotong tetapi ia masih terkedepan daripada peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian yang lain. Cuma saya di sini, saya ada sedikit kekeliruan yang saya lihat di mana bajet yang disebut di dalam buku Dasar Transformasi ini yang dibentangkan pada 7 Oktober baru-baru ini, peruntukan kepada Kementerian Pendidikan RM50 bilion tetapi dalam pengagihan ini tidak serupa.

Saya campur-campur dengan pengurusan dan juga perbelanjaan, ia berbeza. Jadi mungkin ada kesilapan teknik atau pihak kementerian boleh memberi penjelasan nanti supaya saya boleh faham. Saya tak tahu orang lain faham ke tak faham tapi saya tak faham di sini, daripada segi angka itu dan ini tidak mencatatkan apa-apa daripada apa yang saya nak bincangkan di sini. Pertama, saya melihat di dalam persidangan Dewan ini banyak disebut transformasi di dalam pendidikan. Daripada jawapan-jawapan kementerian, saya melihat banyak transformasi itu ditumpukan kepada kurikulum kerana ada ibu bapa dan pelbagai pihak menginginkan agar anak-anak kita yang di bangku sekolah itu menghadapi peperiksaan bukan tekanan untuk mendapat keputusan cemerlang semata-mata. Akan tetapi ada aspek lain yang ingin diberi perhatian seperti akhlak, budi bahasa, sivik dan sebagainya. Namun sejauh apa yang saya dengar sepanjang saya berada di Dewan yang mulia ini, banyak transformasi itu ditumpukan kepada kurikulum. Saya tidak menafikan kurikulum itu satu aspek yang sangat penting di dalam pembelajaran. Namun transformasi itu merangkumi pelbagai aspek lagi iaitu kurikulum, guru, tempat belajar yang kondusif, ibu bapa dan juga kerajaan.

Jadi transformasi ini hendaklah kita melihat secara keseluruhannya. Jikalau tidak, kita tidak akan dapat melahirkan anak-anak yang baik yang disebut sebagai modal insan dan modal insan itu pun tidak akan ke mana kalau tidak diberi suntikan yang betul yang itulah dengan niat yang baik dan betul. Bagi saya, transformasi itu perlu kepada kurikulum. Kepada guru-guru juga perlu diberi transformasi kerana kita tidak tahu ada orang yang betul-betul nak jadi guru, ada orang yang terpaksa jadi guru. Maksud saya, saya banyak bercampur dengan lulusan-lulusan daripada universiti dan juga maktab. Ada mereka mengatakan, "*Saya tidak minat jadi guru tetapi terpaksa jadi guru kerana tidak ada pekerjaan lain*". Jadi golongan-golongan seperti ini kita harap mereka akan berubah untuk betul-betul jadi guru walaupun pada asalnya terpaksa kerana niat seseorang itu mungkin nak jadi yang lain tetapi ditakdirkan dia jadi guru dan ramai orang yang niat hendak yang lain dapat yang lain. Itu sudah ditakdirkan.

Bagi saya, ini merupakan satu transformasi yang perlu dibuat. Buat perkara yang baik iaitu perlu kita memberi penjelasan, didikan, program, kursus supaya guru-guru ini mempunyai niat dan matlamat yang betul di dalam pendidikan. Saya hidup di kampung, bergaul dengan guru-guru walaupun tidak seluruh guru. Ada di kalangan mereka hanya melakukan tanggungjawab dan tugas mereka sekadar itu sahaja. Mereka rasa itulah tugas yang patut mereka lakukan dan jauh sekali untuk mendidik dan ini memberikan kita kekecewaan di mana mereka tidak mempunyai matlamat selain daripada makan gaji. Hal ini perlu ditransformasikan di dalam pendidikan.

Jikalau sekiranya ada segelintir atau sebahagian daripada guru-guru kita hanya untuk makan gaji dan tidak untuk mendidik, maka matlamat dan cita-cita kita untuk lahir insan soleh di dunia ini tidak akan berhasil. Begitulah juga dengan ibu bapa. Ibu bapa juga perlu ditransformasikan.

■1630

Kerana ibu bapalah yang menjadi tanggungjawab utama untuk mendidik anak-anak mereka. Sebahagian daripada ibu bapa telah melepaskan tanggungjawab ini kepada sekolah. Padahal merekalah orang yang utama di dalam keluarga dan apabila mereka tidak ditransformasikan dalam minda dan pemikiran, maka sudah pasti mereka akan menghantar anak ke sekolah dan mereka ingin input yang baik sahaja. Sedangkan di sekolah seorang guru akan menjaga lebih kurang 40 orang sekelas dan mereka tidak mampu menjaga sepenuh-sepenuhnya seperti kita juga kalau ada anak lima orang atau enam orang, tidak dapat menjaga dengan sebaiknya di rumah. Apalagi dengan anak-anak yang pelbagai aliran pemikiran dan juga latar belakang dari keluarga yang berbeza.

Apa yang saya hendak tekankan ialah kepada orang-orang Islam. Biar mereka mempunyai *transform* yang betul di dalam niat untuk menghantar anak-anak supaya dapat ilmu tanpa menafikan untuk mendapat kerja-kerja yang baik tetapi asas untuk belajar ilmu itu perlu diletakkan yang paling tinggi kerana Allah. Kalau sekiranya kita hanya berusaha untuk memberi pendidikan yang terbaik kepada anak kita, hanya untuk mendapat suatu pekerjaan, tiba-tiba anak kita tidak dapat pekerjaan, kita akan kecewa. Namun, kalau kita meletakkan kerana Allah, sudah pasti sebagai orang Islam, dia tidak akan kecewa walaupun tidak dapat di dunia, di akhirat akan dapat digandakan.

Kenapa saya ambil sekolah atau pendidikan ini tajuk yang utama? Kerana pelajaranlah atau Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi merupakan satu tanggungjawab untuk mencetak manusia. Kementerian Pelajaran mungkin kita nampak satu bahagian yang besar dalam bajet ini dan ia adalah membentuk negara masa depan. Anak-anak yang ada pada hari ini akan menggantikan kita pada masa depan. Kita ini mengganti orang-orang dahulu. Orang dahulu sudah berjaya membentuk generasi seperti kita ini. *Alhamdulillah* tetapi apakah kita berjaya membentuk generasi kita ini lebih baik daripada kita? Ini persoalan yang perlu kita renung bersama-sama. Saya tidak mengajak kementerian sahaja tetapi saya mengajak seluruh masyarakat kita di Malaysia merenung hal ini agar kita dapat memikir secara positif. Di sekolah juga kita membentuk bahasa. Bahasa itu jiwa bangsa.

Di sekolah inilah juga kita bentuk integrasi daripada kaum-kaum dan ras atau keturunan. Di sekolahlah kita memupuk minda, oleh kerana itu saya ingin menyebutkan bahawa kita di Malaysia ini melalui proses yang sudah panjang. Sampai setengah abad kita telah merdeka dan bahasa yang kita letakkan asas dahulu masih belum dapat kita lihat dengan bangganya lagi.

Kalau dalam tahun 60-an, 70-an, begitu kuat sekali Bahasa Kebangsaan dinobatkan, dibuat dasar tetapi akhir-akhirnya ia nampak layu dan lesu. Saya ingat semua sekolah-sekolah dirancang untuk pada suatu tempoh nanti akan diajarkan dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan. Sehingga saya masih ingat Universiti Kebangsaan Malaysia adalah ditubuhkan untuk merealisasikan hal ini. Namun, hal itu tidak dapat kita lihat dengan jayanya sampai sekarang kerana itulah kita melihat dasar ini mengikut siapa yang menjadi pembuat, penentu, siapa yang memegang tampuk pemerintahan. Kerana itulah saya ingin supaya negara kita mempunyai dasar dan laksanakan dasar itu dengan sepenuhnya supaya apa yang telah diletakkan oleh orang-orang dahulu kita dapat realisasikan pada masa kita ini. saya ingin menyentuh berhubung dengan rancangan kerajaan berhubung dengan j-QAF - j-QAF sedang dilaksanakan di sekolah rendah dan tujuannya telah dinyatakan dengan jelas.

Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian sejauh mana j-QAF itu dapat mencapai sasarannya. Jikalau sudah capai, bagaimana masa depan kerana kita juga diberitahu j-QAF itu akan dilanjutkan ke sekolah menengah. Jadi, saya ingin bertanyakan di sini, apa matlamat yang hendak dicapai daripada j-QAF itu. Begitulah juga kita diberitahu bahawa j-QAF itu masih ramai keperluan-keperluan kepada graduan-graduan yang akan dilantik sebagai guru.

Ada saya mendengar bahawa mereka tidak cukup kakitangan untuk dilantik. Perkara yang seterusnya ialah saya dengar baru-baru ini, pihak Kementerian Pendidikan telah memberi wang kepada sekolah rakyat. Ini suatu perkara yang baik dan apa yang ingin saya tanyakan, kaedah mana pembahagian itu dilakukan. Saya mendapat tahu, katanya ini adalah per kapita.

Per kapita itu ialah mengikut bilangan pelajar dan gurunya. Apa yang berlaku ialah, sekolah yang besar diberi sama jumlahnya dengan sekolah yang kecil. Kalau begitu, saya rasa maksud per kapita itu belum terlaksana. Mungkin juga selepas ini akan diberi lagi, saya tidak tahu. Cuma saya ingin mendapat penjelasan dalam penerangan bahawa per kapita itu di bahagi tiga - satu untuk murid, satu untuk guru, satu untuk sekolah. Apakah sekolah itu di masuk per kapita? Apa yang difahamkan, bahawa per kapita itu ialah guru dengan murid. Kalau sekolah itu bahagian lain. Jadi, di sinilah ada sedikit kekeliruan oleh pihak-pihak sekolah dan ini boleh dijelaskan oleh pihak kementerian dalam isu tersebut. Kita juga diberitahu oleh pihak kerajaan, sekarang ini ada universiti-universiti yang diklasifikasikan sebagai universiti penyelidikan. Ekoran daripada universiti penyelidikan itu, maka dikurangkan pengambilan pelajar-pelajar ijazah pertama. Universiti tersebut akan ditumpukan kepada pengambilan untuk *masters* dan PhD, sesuai dengan penyelidikan.

Saya ingin tahu berapa universiti yang telah dijadikan universiti penyelidikan dan berapa peratus pula telah dipotong daripada universiti yang telah dinaikkan tadi, pelajar-pelajar ijazah pertamanya. Apabila dipotong, ke manakah pula pelajar-pelajar yang akan masuk tadi disalurkan. Ini merupakan satu perancangan yang sudah tentu besar. Kita tahu bahawa di Malaysia ini banyak universiti termasuk yang swasta. Namun, sebagai universiti awam, ini masih menjadi tanggungjawab kerajaan di dalam memberikan pendidikan. Kita tidak menafikan perlu ada penyelidikan kerana kita ingin menuju ke arah negara maju tetapi kita juga perlu memberi peluang kepada anak-anak kita yang baru ingin menjejak kakinya ke universiti dan menara gading itu.

Perkara yang seterusnya...

■1640

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah ucapan Yang Berhormat, panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya, berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah lebih 30 minit.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sudah lebih sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tepat 30 minit.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Oh kalau begitu saya akan simpulkan yang lain-lain banyak lagi sebenarnya. Saya tidak perasan tadi. Saya sudah lama.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa saya beri lima minit.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey, yang kedua saya ingin saya tinggalkan pendidikan saya pergi kepada sosial. Saya ada bertanya kepada...

Datuk Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar Yang Berhormat tadi berucap panjang lebar berhubung dengan Kementerian Pelajaran. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Tidakkah Yang Berhormat fikir bahawa perancangan dan tindakan Kementerian Pelajaran kita ini adalah yang terbaik. Oleh sebab itulah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, tahap pelajaran negara ini adalah yang terbaik. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya mengakui bahawa kita adalah di antara negara yang terbaik dan kerana itu saya sebutkan tadi supaya kebaikan itu dipertahankan.

Saya ingin pergi kepada sosial. Saya ada bertanya dalam soalan saya dengan jawapan ini tentang anak-anak yang tidak sah taraf. Anak-anak yang tidak sah taraf ini telah diberitahu ada sampai jumlah daripada 2006 hingga 2010, 23,476. Antara jumlah itu, ada 81,000 lebih anak-anak Islam. Jadi mereka ini tidak boleh dibinkan kerana tidak cukup enam bulan berkahwin antara ibu dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan kita bagaimana hendak selesai masalah ini? Anak-anak yang tidak sah taraf ini tidak ditulis dalam kad pengenalan mereka ataupun surat beranak mereka nama bapa dan ini akan memberikan kesan psikologi yang sangat tinggi dan memeritkan pada masa depan. Saya tidak tahu dari orang India bagaimana nanti, kepada orang Cina saya tidak tahu tetapi bagi orang Islam kalau sudah tidak ada bin dan binti dalam kad pengenalan nanti mereka akan rasa tersisih sampai sepanjang hayat sedangkan ini bukan dosa mereka. Dosa orang lain yang terpaksa mereka tanggung.

Mengikut saya dapat jawapan Fatwa Majlis Kebangsaan yang mengatakan bahawa kalau tidak cukup enam bulan tidak boleh dibinkan. Saya mengharap supaya pihak kerajaan kita membuat kajian ada tidak ruang-ruang yang boleh dilihat dan diselesaikan masalah ini. Saya yakin dan percaya bahawa ada banyak pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama sejak dari dahulu. Cuma kita di Malaysia ini memilih satu pandangan dan saya harap kita banyak pakar dan temukan pakar-pakar ini dalam bidang syariah ni begitu juga Pendaftaran Negara supaya semua orang faham dan kita rumuskan apa yang terbaik.

Saya sungguh bimbang dan rasa sedih hal ini berlaku dan bayangkan anak-anak ini daripada 2006 sampai 2010 sudah empat tahun, ada 81,000 lebih yang tidak mempunyai bin dan binti. Mereka ini akan masuk sekolah nanti. Kalau orang lain ada bin dan binti dipanggil oleh guru dia tidak ada. Kemudian apabila besar mereka akan masuk sekolah menengah lagi tersisih. Begitu juga apabila hendak kahwin. Bakal mertuanya akan tengok kad pengenalan tidak ada bin. Kalau hendak menjawat jawatan mungkin diterima tetapi tersisih dari kawan-kawannya nanti. Begitu lagi juga kalau hendak jadi *Member* Parlimen kah, *Member* Parlimen yang tidak ada bin dan binti. Ini menyayatkan kita semua. Mereka akan terasing. Jadi saya mintalah supaya pihak kerajaan membuat kajian minta kepada pakar-pakar kita supaya tolong selesaikan masalah ini. Sekali lagi saya - ada berapa minit lagi, habis?...

Timbalan Yang di-Pertua: Habis sudah.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Jadi terima kasih, walaupun banyak lagi atas peluang yang diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

4.45 ptg.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini. Perkara yang saya ingin menyentuh adalah Laporan Audit Negara. Walaupun ramai rakan-rakan kita sudah bangkitkan masalah ini tetapi saya nampak dia amat serius jadi saya cuma *touch and go*, dengan izin.

Setiap tahun Laporan Audit Negara menyatakan kelemahan beberapa jabatan kerajaan dalam pengurusan kewangan termasuk membeli barangan dengan harga yang tinggi, menyalahgunakan kuasa, melebihi bajet perbelanjaan dengan banyak dan lain-lain. Antaranya merupakan kesalahan berulang kali setiap tahun. Dalam lima tahun yang lepas adakah jabatan atau ketua jabatan yang melakukan kesalahan telah pun disoal siasat, dikenakan tuduhan dan dikenal pasti bersalah ataupun laporan audit hanya akan berhenti di laporan sahaja dan tidak ada sebarang tindakan selanjutnya yang akan diambil untuk membetulkan situasi, mengenakan tuntutan atau denda terhadap mereka yang didapati bersalah.

Seterusnya Kementerian Dalam Negeri, sehingga kini berapa orang pekerja atau pendatang asing telah pun didaftarkan di bawah Program 6P. Selepas pendaftaran apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh jabatan terhadap penglibatan pekerja-pekerja asing dalam aktiviti jenayah semakin merisaukan. Pada 19 Oktober satu kes berlaku di Sibul, Sarawak di mana pekerja-pekerja asing disyaki telah pun merompak sebuah keluarga di dusun buah-buahan dan membunuh tuan rumah yang berumur 70 tahun, anak dan menantunya yang berumur 30-an.

Selain itu juga sering kedengaran pekerja-pekerja asing yang terbabit dalam kes-kes menawan ladang-ladang getah, menjadi pengedar dadah, mengawal perempuan asing melakukan pekerjaan haram. Adakah menjelang proses Program 6P pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pekerja-pekerja asing haram. Adakah walaupun menerima aduan, juga perlu tunggu sehingga Program 6P siap pada hujung tahun baru boleh mengambil tindakan terhadap mereka. Sekiranya ya, bukannya keselamatan rakyat tidak lagi terjamin dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja asing diupah di negara kita bertujuan untuk bekerja di kilang-kilang, atau ladang-ladang atau tempat-tempat tertentu. Akan tetapi malahan kita dapat melihat muka-muka pekerja-pekerja asing yang sama tertumpu di tempat yang sama termasuklah berbual-bual di kedai kopi sepanjang hari sudah tidak macam datang ke negara kita untuk mencari kerja. Adakah pihak polis sedar aktiviti-aktiviti pekerja-pekerja asing sedemikian. Apa sebabnya pekerja-pekerja asing macam tidak perlu bekerja hanya berkumpul dan berbual-bual sahaja tiap-tiap hari di negara kita.

■1650

Rakyat bimbang dan tertanya-tanya bagaimanakah mereka dapat hidup di sini tanpa kerja. Projek SCORE telah pun bermula. Banyak projek telah pun bermula di kawasan perindustrian Samalaju di bahagian Bintulu, Sarawak. Secara tidak langsung ramai pelabur asing bekerja dan buruh asing telah pun masuk ke kawasan tersebut. Namun sehingga kini tidak ada penambahan tenaga polis di Bintulu.

Jumlah populasi di Bintulu adalah lebih kurang 202,000 orang. Bilangan anggota polis yang ada pula seramai 269 orang. Nisbah anggota polis kepada rakyat di Bintulu adalah satu kepada 819. Jauh kekurangan berbanding dengan piawaian di cadang oleh *Interpol* yang bernilai satu kepada 250. Oleh sedemikian, saya menyeru pihak polis untuk menambah lebih ramai tenaga polis untuk melindungi atau mengawal penduduk tempatan daripada ancaman. Saya mencadangkan supaya mendirikan balai polis di kawasan industri Samalaju. Selain itu, kawasan seperti Sungai Plan yang mempunyai penduduk seramai hampir 30,000 orang juga memerlukan balai polis yang lengkap termasuk juga Daerah Sebauh dan Tatau juga amat memerlukan peruntukan untuk menjaga keselamatan tempatan.

Seterusnya dalam Bajet 2012 kerajaan berhasrat meningkatkan perkhidmatan kesihatan dengan terus menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk rakyat terutamanya rawatan berkualiti, peralatan terkini serta persekitaran lebih selesa. Disebabkan pembangunan pesat di kawasan *industrial* Samalaju, ramai pendatang-pendatang luar telah pun masuk ke kawasan Bintulu Sarawak. Dalam jangka masa yang pendek, melibatkan pesakit yang mengunjungi Hospital Bintulu bertambah dengan mendadak. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membina atau mendirikan klinik di kawasan *industrial* Samalaju tersebut? Sekiranya tidak, adakah kementerian memberi pertimbangan untuk menghantar lebih ramai pegawai-pegawai perubatan termasuk doktor, jururawat untuk berkhidmat di Hospital Bintulu?

Akibat daripada penambahan beban kerja yang banyak dan masa yang panjang, kos kehidupan tempatan yang tinggi, ramai pegawai perubatan yang dihantar bertugas di Hospital Bintulu akan memohon untuk ditukar ke tempat lain menyebabkan kadar pertukaran pegawai yang tinggi. Keadaan ini membimbangkan lagi Hospital Bintulu yang sememangnya menghadapi masalah kekurangan pegawai perubatan. Saya berharap pihak kementerian dapat memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini.

Seterusnya perkara berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Selama ini Jalan Borneo, sebagai jalan utama Sarawak-Sabah menghadapi berbagai-bagai masalah seperti keadaan jalan raya yang kurang memuaskan, kerosakan kenderaan yang teruk dan kadar kemalangan yang tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa kementerian telah pun memberikan peruntukan tertentu untuk menyelesaikan masalah. Akan tetapi disebabkan permukaan negeri Sarawak dan Sabah yang begitu luas, peruntukan yang diberikan selalu tidak mencukupi menyebabkan kerja-kerja menyelenggarakan jalan raya tidak dapat dijalankan dengan sempurna, memberikan impak kepada pengguna jalan raya dan rakyat negeri Sarawak dan Sabah. Saya menyeru Kerajaan Persekutuan supaya menambahkan lagi peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan penurapan semula jalan raya.

Selain itu di cadang supaya dapat mendirikan tembok atau bahu jalan di stesen rehat di kawasan tertentu untuk pemandu-pemandu kenderaan jarak jauh untuk berehat. Beban jalan raya sepanjang 70 kilometer yang menghubungkan Tanjung Kiturong dengan kawasan *industrial* Samalaju semakin berat. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf jalan raya tersebut? Selain itu jalan dari Bintulu ke Tanjung Kiturong semakin sesak. Perlu di naik taraf juga. Sesetengah pelabur asing telah pun membuat aduan terhadap kapasiti jalan raya tersebut yang tidak cukup.

Seterusnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, apakah status terkini program-program pendalaman dasar Sungai Rajang yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir Sibu Sarawak. Adakah pendekatan tersebut dapat mengurangkan masalah banjir dengan berkesan? Program tersebut telah pun memakan beberapa perbelanjaan. Adakah aktiviti-aktiviti Empangan Bakun telah pun memberi kesan kepada penurunan paras air Sungai Rajang? Adakah ia akan menyebabkan air Sungai Rajang kering? Apakah tindakan-tindakan akan diambil untuk menyelesaikan masalah mencetakkan dasar muara Sungai Kemena dan Sungai Kuala Baram yang telah pun menyebabkan kesusahan lalu lintas kapal-kapal sungai ataupun terdapat rancangan untuk memberikan peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja pendalaman dasar muara dan sungai itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan beban golongan pendapatan rendah kerajaan telah pun melancarkan pelbagai rancangan perumahan kos rendah termasuklah Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik, Program Perumahan Rakyat, Skim Rumah Pertamaku, Perumahan Rakyat 1Malaysia dan sebagainya. Niat program-program sedemikian sememangnya bagus tetapi masih tidak mencukupi untuk mencapai matlamat semua rakyat memiliki rumah sendiri. Selain memperkenalkan program-program pihak berkenaan perlu menjalani pemantauan pemaju-pemaju peribadi. Memastikan mereka dapat siapkan projek membina rumah mereka dalam tempoh yang ditetapkan serta menyerahkan geran dan OP kepada pemilik rumah.

Saya menerima banyak aduan. Selain daripada projek rumah yang terbengkalai juga terdapat juga pembeli rumah yang tidak mendapat geran dan OP daripada pemaju perumahan walaupun sudah habis membayar pinjaman bank selama 10 kepada 15 tahun. Apakah tindakan terhadap pihak berkenaan akan diambil untuk menyelesaikan masalah sedemikian, adakah sebarang mekanisme kerajaan untuk menyelesaikan masalah sedemikian berlaku? Adakah ia berasal daripada pemaju perumahan sendiri?

Selain itu kerajaan juga melaksanakan pelbagai tindakan kemudahan untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan seperti meningkatkan tahap maksimum pinjaman perumahan, memanjangkan tempoh bayaran pinjaman dan lain-lain lagi. Namun masih terdapat golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli rumah selepas berapa generasi menetap di kawasan rumah setinggan. Golongan berpendapatan rendah tersebut tidak mempunyai pendapatan tetap dan tidak ada taksiran cukai dan Borang 'F'. Maka walaupun mereka layak membeli rumah kos rendah tetapi pihak bank tidak dapat meluluskan permohonan pinjaman perumahan mereka untuk membiayai pembelian rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak pernah melaksanakan beberapa program di mana selepas mengenal pasti mereka yang berpendapatan rendah, betul-betul tidak memiliki sebarang tanah ataupun rumah maka kerajaan akan memberikan tanah seluas lapan hektar sehingga sepuluh hektar kepada mereka dengan bayaran premium yang amat rendah.

Pembeli perlu mendirikan rumah di atas tanah tersebut tidak kira rumah kayu atau rumah konkrit selepas pembinaan rumah disiapkan, baru akan memberikan geran tanah kepada mereka. Program ini telah pun membantu ramai keluarga memiliki rumah sendiri. Saya berharap langkah ini akan diteruskan dan kerajaan negeri yang lain yang menghadapi masalah rumah setinggian dapat mengikut langkah tersebut dengan memberikan tanah kepada mereka yang betul-betul tidak mampu membeli rumah kos rendah.

■1700

Dengan adanya tanah walaupun tidak besar bolehlah mereka mendirikan rumah mengikut kemampuan sendiri. Dengan demikian, barulah masalah rumah setinggian dapat dikurangkan. Seterusnya perkara berkaitan dengan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Kita berterima kasih kerana kerajaan amat menitik beratkan bekalan air bersih khususnya kepada masyarakat luar bandar di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan berhasrat untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur kawasan luar bandar termasuk kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik.

Dalam Bajet 2011 dan 2012, peruntukan besar telah pun diberikan untuk tujuan pembangunan kemudahan infrastruktur berkenaan, berapakah jalan raya telah dibina di bawah peruntukan tersebut? Berapakah projek bekalan elektrik dan air sedang dijalankan dan berapakah projek yang telah pun siap dan berapa ramaikah penduduk luar bandar yang mendapat manfaat daripada projek tersebut? Apakah masalah dan kesusahan yang dihadapi semasa pelaksanaan dan dijangka bilakah projek tersebut dapat siap secara keseluruhan?

Dalam usaha kerajaan memartabatkan sukan negara, sebanyak lebih 1,000 gelanggang futsal telah pun siap dibina memandangkan sukan futsal semakin popular di kalangan belia dan peminat sukan. Namun saya perasan sesetengah gelanggang futsal *outdoor*, dengan izin, terletak di dalam kawasan perumahan kos rendah yang sempit disebabkan pagar gelanggang yang tidak cukup tinggi, pemain futsal selalu tersepak bola keluar gelanggang dan terkena tingkap rumah atau kereta. Ia menimbulkan pertengkaran antara penduduk tempatan dengan pemain futsal. Oleh itu saya menyeru pihak kementerian dapat memasukkan faktor sedemikian semasa memilih tempat pembinaan gelanggang futsal bagi mengelakkan perselisihan yang tidak diingini.

Seterusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebagai tindakan negara kita menghargai jasa warga emas, bajet telah pun menyentuh untuk membekalkan kebajikan khas kepada warga emas seperti tidak ada caj pendaftaran pesakit di semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta pergigian milik kerajaan juga diberi diskaun 50 peratus tambang LRT dan monorel.

Akan tetapi hanya warga emas yang tinggal di kawasan Kuala Lumpur sahaja dapat menikmati perkhidmatan LRT dan monorel. Warga emas di kawasan lain seperti di Sarawak dan Sabah sememangnya tidak dapat menikmati kebajikan sedemikian. Permintaan warga emas Sarawak dan Sabah adalah menikmati 50 peratus diskaun tambang kapal terbang dan bas. Diharap, pihak kerajaan dapat memberi pertimbangan dalam perkara ini. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai.

5.04 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbincangan ini, saya ingin mengutarakan sebuah pantun. Hilang *stress* satu hari ini Tuan Yang di-Pertua. Pantun saya untuk Tuan Yang di-Pertua,

*Pungguk menyanyi bulan bersinar,
Bawal di lautan riang ketawa,
Timbalan Yang di-Pertua wanita terkenal,
Mengawal Dewan penuh berwibawa."*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih... Ya kah? Terima kasih, tambah masa.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam perbincangan bajet pada kali ini dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan yang telah dapat membentangkan satu bajet negara yang terbaik untuk rakyat Malaysia ke arah memacu negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 mencakupi pembangunan holistik dari segi sosial, ekonomi dan politik dengan sasaran ditujukan kepada semua lapisan masyarakat sama ada yang tinggal di dalam bandar mahupun tinggal di luar bandar. Dengan tema belanjawan transformasi untuk semua rakyat Malaysia, sasaran Bajet 2012 ini adalah bagi mengukuhkan ekonomi dan mewujudkan keadilan sosial bagi kesejahteraan jangka panjang untuk semua rakyat selaras dengan prinsip 1Malaysia iaitu, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.*"

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh peruntukan bagi merencanakan pembangunan sebanyak RM978 juta yang melibatkan lima projek utama termasuk Projek Lebuhraya Johor Bahru-Nusa Jaya. Projek tersebut merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa banyak yang telah dicapai dalam jangka masa yang singkat dengan Iskandar Malaysia telah memacu pembangunan metropolis moden di bahagian selatan.

Selaras dengan itu, kemudahan asas yang efisien seperti jaringan jalan yang baik akan menggalakkan minat pelabur perniagaan untuk melabur dan seterusnya menggalakkan pembangunan ekonomi wilayah tersebut dan masalah kesesakan jalan raya adalah perkara utama yang menyebabkan masa perjalanan dari Johor Bahru-Nusa Jaya bertambah dan harus di atasi segera.

Dengan wujudnya projek ini akan memberi kesan sosioekonomi yang positif kepada penduduk dan perkembangan kawasan sekitar termasuk kesan peningkatan ekonomi untuk jangka masa yang panjang terutamanya dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan serta penyediaan infrastruktur berkualiti. Cadangan saya agar projek yang dilaksanakan ini mengambil kira reka bentuk dan pembinaan lebih raya berdasarkan piawaian antarabangsa, risiko kegagalan dan bahaya kepada penduduk atau pekerja dijangka pada tahap minimum dan tidak ketara. Kedua, kita juga mengharapkan agar peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan harus diutamakan dan memberikan faedah kepada masyarakat setempat menikmati kesan pelaksanaan projek ini.

Bagi penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah dan kehilangan sumber pendapatan, bayaran pampasan yang setimpal harus dipertimbangkan. Ini termasuk kerosakan harta atau aset. Aspek pengurusan lebuhraya, penyelenggaraan berkala, sistem tanda arah, pengurusan persimpangan harus mengambil kira aspek keselamatan pengguna jalan dan penduduk sekitar dan yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah apa yang kita semua harapkan agar jalan raya yang disediakan itu mempunyai kualiti yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan menyentuh berkaitan atau cadangan menyediakan *high speed rail* (HSR) di bawah Program Transformasi Negara (GTP). Projek HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura melalui Melaka, Muar dan Pagoh, Pagoh itu tempat sayalah, Iskandar dan Singapura ini menggunakan *bullet train*, dengan izin, yang berkelajuan 300 kilometer sejam. Projek ini sangat penting kepada kawasan laluan terutamanya di Pagoh yang merupakan hab pendidikan, pastinya akan memberi kesan pembangunan ekonomi dan sosial yang menggalakkan.

Soalan saya, bilakah projek ini akan dimulakan dan akan dilaksanakan? Kedua adakah kajian yang menyeluruh termasuk aspek ekonomi dan sosial bagi pembangunan projek ini dilaksanakan? Ketiga, saya berharap agar projek ini dapat dipercepatkan kerana apabila terlaksananya projek ini, kawasan-kawasan yang menjadi laluan akan lebih maju dari segi ekonomi, populasi bertambah, pelaburan dan pelancongan seperti *agro tourism* juga berkembang.

■1710

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pelajaran. Kerajaan telah menyediakan peruntukan RM1 bilion sebagai tambahan melalui tabung khas pembinaan bagi penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah. Khususnya bagi keperluan mendesak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan pembangunan fizikal sekolah dan masalah sosial makin meningkat di kalangan pelajar atau remaja masa kini. Kita lihat masalah ponteng sekolah, jenayah mencuri, jenayah buang bayi, bunuh diri, buli, merokok, penyalahgunaan dadah dan sebagainya di kalangan pelajar sekolah. Dilaporkan bahawa keseluruhan kes jenayah kanak-kanak 2010 merekodkan pertambahan daripada tahun lalu sebanyak 14 peratus iaitu 4,465 orang. Kita baca kajian menyatakan bahawa masalah ini disebabkan oleh banyak faktor termasuk masalah corot dalam kelas, pengaruh kawan dan sebagainya.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara mengatasi masalah sosial di kalangan remaja adalah dengan meningkatkan lagi kawalan guru terhadap pelajar-pelajar remaja ini dan mengecilkan lagi ruang pemantauan guru-guru terhadap pelajar. Kita lihat kebanyakan sekolah terutamanya sekitar bandar, satu kelas ada lebih daripada 35 pelajar dan lebih pada satu kelas pada setiap tahun. Akibat daripada itu, timbulnya kekurangan guru dan jumlah murid yang ramai itu boleh menyebabkan pemantauan terhadap seorang murid jadi kurang. Akibatnya, wujud masalah murid ponteng, murid kena buli dan sebagainya. Kita maklum bahawa kerajaan akan mengadakan guru bantuan dalam kelas. Kita minta kerajaan laksanakan segera di semua sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan bandar dan tidak ketinggalan di luar bandar.

Dicadangkan juga agar dibina bangunan sekolah dua tingkat sahaja kerana sekarang ini bertingkat-tingkat. Bagi meningkatkan tahap pemantauan guru kepada murid, banyak negara seperti United Kingdom, Australia dan beberapa negara lain, bangunan sekolah mereka dua tingkat yang lebih kondusif untuk remaja sekolah termasuk guru-guru juga. Bagi guru, umur pencen guru meningkat. Dalam usia yang agak lanjut, tenaga semakin kurang apatah lagi untuk memanjat bangunan sekolah. Ini tidak kira guru lelaki atau guru perempuan, apabila umur meningkat, lutut pun sudah lenguh Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang sama mungkin dihadapi oleh guru yang mengandungi. Jadi, bangunan sekolah dua tingkat lebih kondusif untuk semua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita minta kalau boleh membuka lebih banyak sekolah kebangsaan secara tidak langsung dalam memberi peluang kepada lebih ramai guru yang mempunyai ijazah sarjana atau doktor falsafah dapat mempraktikkan pembelajaran mereka. Kalau kita lihat sekarang sudah ramai guru-guru yang berada di Gred 52 malah ada sekolah yang mempunyai lebih sepuluh orang guru dalam Gred 52 dan mereka mempunyai ijazah sarjana atau lebih daripada itu. Kalau boleh, hendak tahu daripada kementerian berapa jumlah pendidik yang memperoleh ijazah sarjana dan kedoktoran dan mengajar di sekolah-sekolah. Ini merugikan kita jika kepakaran mereka tidak digunakan secara optimum. *Brain drain* berlaku di dalam negara akibat kepakaran guru-guru ini tidak digunakan lantaran tidak ada prasarana yang lengkap dan kondusif untuk mereka persembahkan kepakaran mereka.

Berkenaan dengan yuran sekolah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan salam daripada orang kampung kepada pihak kerajaan, rasanya kepada Kementerian Pelajaran. Terima kasih banyak-banyak kerana telah memberikan wang RM100 dan juga memansuhkan yuran pendidikan. Ini tidak kira pembangkang atau bukan pembangkang, bagi semua sekali. Itu kata Menteri, kalau orang dapat RM20,000, gaji dia RM20,000, tidak hendak, tidak payah ambil. Kalau pembangkang tidak hendak ambil, tidak apa. Akan tetapi nampaknya dia dahulu pergi ambil. Minta maaf saya.

Seorang Ahli: Betul, betul, betul!

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk pemansuhan bayaran bagi kegiatan kokurikulum, insurans takaful dan sebagainya. Semua ini bermula penggal sekolah tahun hadapan. Saya hendak tanya, bagaimanakah tentang insurans pelajar ini. Adakah pelajar-pelajar ini masih dilindungi di bawah pelan takaful atau tiada lagi insurans perlindungan ke atas mereka?

Kita lihat banyak kemalangan berlaku kepada pelajar seperti luka jatuh ketika bermain, kemalangan dan sebagainya. Justeru, perlindungan insurans ini perlu bagi memastikan pelajar-pelajar terutamanya yang kurang berkemampuan dan di luar bandar mendapat pampasan dan bayaran khidmat kesihatan yang sewajarnya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Dalam Negeri. Saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh kerajaan dengan menyediakan RM200 juta peruntukan khas diberikan untuk perbelanjaan pembangunan polis meliputi projek perumahan anggota, penambahbaikan balai dan pusat latihan. Cadangan saya, pertama di sini saya ingin menyentuh pusat latihan polis. Secara khususnya modul latihan, saya minta kerajaan kajilah dari semasa ke semasa modul tersebut agar lebih kepada pendekatan agama, moral, akhlak dan menambah integriti anggota-anggota. Berilah mereka faham prinsip *hablu minallah wa hablu minnannas* agar polis yang bakal dilahirkan nanti lebih berakhlak dan lebih berintegriti. Maklumlah sekarang pelbagai jenis cabaran dan godaan dalam menjalankan tugas. Jadi, hanya kekuatan diri dan jiwa dapat memastikan kita menjadi penjawat awam yang bertanggungjawab dan efisien.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada isu Bukit Kepong yang satu ketika sekejap itu hangat orang bincangkan. Apa yang sedang dipersoalkan oleh orang yang tidak tahu sejarah. Orang yang buta sejarah. Di sini saya ingin hendak ceritakan sedikit sejarah. Saya daripada orang Pagoh, kawasan Bukit Kepong, kawasan Timbalan Perdana Menteri. Serangan oleh kira-kira 180 anggota komunis yang bermula kira-kira 4.30 pagi. Jadi, orang itu sendiri kita suruh dengarlah ya Tuan Yang di-Pertua. Pada 23 Februari itu telah mengorbankan 27 nyawa iaitu 14 anggota polis, empat isteri, empat kanak-kanak dan lima polis bantuan. Balai Polis Bukit Kepong berjaya ditawan serta dibakar malah mayat mangsa yang terbunuh dicampak ke dalam api itu dikatakan sia-sia. Ia adalah sangat menyedihkan.

Meskipun pada masa itu mereka bekerja di bawah tentera British tetapi hakikatnya juga mereka mengawal keselamatan masyarakat dan negara serta mempertahankan keamanan, tambahan pula pada masa itu penjajah dalam proses memerdekakan negara-negara di bawah jajahan mereka. Adalah fakta dan kenyataannya, kita pernah dijajah dan ditakluki oleh Portugal, Belanda, British sejak 1511 lagi. Jadi, kita perlu menerima hakikat sejarah dahulu dan memahami dan menghayati sejarah tersebut kerana sejarah meningkatkan jati diri, memajukan dan membangunkan negara kita.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, meskipun pelbagai tuduhan dan isu dibawa pelbagai pihak, terutamanya oleh pembangkang yang telah membuat pelbagai dakwaan dan tuduhan yang tidak adil kepada kerajaan, namun perkara ini telah diatasi dengan baik. Saya mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada kerajaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berusaha mencari dan mengambil berat terhadap keluarga polis yang terbunuh dalam serangan tersebut dan telah melaksanakan pelbagai usaha termasuk memberi bantuan pencen dan sebagainya dalam membantu mereka dan menghargai jasa mereka dalam mempertahankan negara. Difahamkan kerajaan akan membuka Muzium Bukit Kepong. Di sini saya mengambil kesempatan untuk meminta kerajaan mempercepatkanlah pembinaan Muzium Bukit Kepong ini. Sebenarnya, sebelum daripada peristiwa ini pun sudah beberapa tahun dahulu, Muzium Bukit Kepong hendak dibina tetapi tidak dibina.

■1720

Jadi, sudah terlanjur itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon pada pihak kerajaan supaya dipercepatkan kesempatan itu sebagai menghargai jasa-jasa pahlawan kita yang mempertahankan negara dari serangan komunis ini. Kalau cepat sedikit, jadi orang yang masih tua itu masih boleh melihat lagi kedudukan muzium yang akan dibuat oleh pihak kerajaan di Bukit Kepong itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Kita baru menyambut Hari AIDS pada 1 Disember lepas. Tema Hari AIDS Sedunia pada tahun ini adalah "Menuju Sifar".

Manakala tema bagi Malaysia "*Ke Arah Eliminasi Transmisi Vertikal*" yang menekankan jangkitan dari ibu kepada anak meskipun masyarakat telah didedahkan dengan maklumat tentang penyakit ini, namun dilaporkan sembilan bulan pertama tahun ini, terdapat sejumlah 2,465 kes HIV baru di laporkan.

HIV/AIDS membimbangkan kerana membabitkan golongan isteri dan kanak-kanak. Di dapati kira-kira sepuluh rakyat Malaysia dikesan HIV positif setiap hari dan suri rumah terutamanya Melayu berisiko lebih lima kali ganda dijangkiti kuman HIV. Semenjak 1986 hingga 2010 terdapat 91,362 rakyat Malaysia dijangkiti HIV dengan 3,291 daripadanya adalah suri rumah dan hanya 593 adalah pekerja seks.

Baru-baru ini kita telah diuar-uarkan Tuan Yang di-Pertua bahawa kita tidak boleh minum air *CocaCola*, *Pepsi* dan lain-lain kerana ada dimasukkan kuman HIV. Itu pun saya hendak minta tolong...

Timbalan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Saya rasa sunyi dan lengang Dewan. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam menunjukkan jam 5.22 petang. Jadi, saya ucapkan tahniahlah kepada kalau tidak silap saya kira 18 orang Ahli Yang Berhormat daripada 66 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih bertahan di Dewan ini termasuk seorang Menteri dan seorang Timbalan Menteri, tahniah!.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan rakan-rakan saya yang masih berada di dalam Dewan ini. Kalau ada yang dekat luar Dewan itu, masuklah dalam Dewan ini kerana tanggungjawab kita belum selesai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul, teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Jadi, tadi itu Tuan Yang di-Pertua pasal *Pepsi-Cola* dan air *Coke* itu kita minta Menteri jawab itu betul atau tidak kerana sekarang ini ramai anak-anak kita yang minum air ini. Jadi, kita bimbang esok takut hospital tidak cukup pula esok hendak menampung pesakit AIDS ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tema, "*Ke arah Eliminasi Transmisi Vertikal*", apakah langkah yang dilaksanakan atau dirancang oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membantu wanita, suri rumah yang terdedah dengan jangkitan HIV/AIDS ini.

Pertama, apakah langkah dan program-program yang dilakukan untuk membantu 3,291 suri rumah yang telah dijangkiti kuman ini? Kedua, adakah kementerian menjalinkan kerjasama dengan agensi lain dan NGO? Berapakah peruntukan yang disediakan untuk membantu mereka.

Bagi mengatasi masalah HIV/AIDS ini kerajaan perlu memperluaskan jaringan kemudahan untuk pesakit-pesakit HIV, penyertaan masyarakat dalam menangani pencegahan HIV/AIDS dipertingkatkan mungkin melalui masjid-masjid dan di tempat-tempat ibadat kerana di tempat begini menjadi tumpuan masyarakat meningkatkan kefahaman dan mendidik masyarakat tentang HIV/AIDS serta langkah-langkah penjagaan. Apa yang penting sekali menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk program-program yang berkaitan HIV/AIDS terutama berkaitan wanita dan kanak-kanak.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan berapakah jumlah kanak-kanak yang dijangkiti atau menghidap penyakit AIDS dan apakah sebab jangkitannya. Kedua, berapa ramai yang berterusan mendapatkan rawatan daripada kementerian. Seterusnya, adakah kementerian mempunyai pelan tindakan tertentu untuk kawalan dan pemantauan penyakit HIV/AIDS di kalangan kanak-kanak. Adakah kementerian mempunyai tempat rawatan tertentu untuk kanak-kanak ini agar mereka sentiasa dipantau dan di samping dapat menjalani hidup mereka seperti biasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkataan beramai-ramai yang menjadi trend sekarang. Kadang-kadang Kementerian Kesihatan juga terlibat sebagai penganjur bersama. Cuma, ada ibu bapa yang melahirkan rasa kebimbangan tentang kebersihan peralatan yang digunakan oleh doktor atau HA yang mengkhatakkan kanak-kanak ini.

Soalan saya, adakah kementerian mempunyai garis panduan tertentu untuk program berkhata beramai-ramai ini terutamanya bagi mengelakkan kesan yang tidak baik kepada kanak-kanak seperti infeksi dan mencegah jangkitan penyakit dan lain-lain. Kalau tidak ada kita minta pihak kementerian buatlah satu garis panduan untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Belia dan Sukan. Populasi belia yang berumur dari 16 hingga 40 tahun di Malaysia adalah seramai lebih 15 juta orang atau lebih kurang separuh penduduk negara. Justeru, suara belia memberi impak yang besar kepada dasar dan polisi negara serta menentukan pencapaian negara pada masa depan dalam menjadikan negara maju berpendapatan tinggi. Langkah Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan Parlimen Belia amat berseesuaian dan dialu-alukan kerana belia-belia di negara kita sangat dinamik dan cerdik serta bernas dalam mengeluarkan pendapat.

Dengan penubuhan Parlimen Belia dan melalui *platform* ini, kita percaya belia-belia mampu memberi sumbangan dan pandangan yang objektif dan kreatif dalam melaksanakan prinsip *check and balance* di peringkat mereka dalam pentadbiran sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Soalan saya, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan mekanisme penubuhan Parlimen Belia ini iaitu bagaimana ia ditubuhkan dan cara ia dilaksanakan.

Kedua, apakah peranan yang khusus serta sejauh manakah saranan dan cadangan mereka memberi kesan kepada sistem demokrasi berparlimen serta pentadbiran di negara kita. Ketiga, bilakah ianya akan direalisasikan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini berkata kini anda sedar bahawa anda boleh melakukan perubahan kepada negara sekiranya anda menyumbangkan secara bersama kepada pembangunan negara. Justeru, Parlimen Belia adalah platform yang sangat relevan untuk mendengar suara belia untuk pembangunan masa depan. Mereka ini jugalah Tuan Yang di-Pertua penentu dalam masa pilihan raya umum yang akan datang dan seterusnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan ini, saya juga mengambil kesempatan untuk bertanya berkaitan persatuan belia di kampung-kampung dan juga di daerah-daerah di seluruh negara kita di Malaysia ini. Ini kerana saya datang dari kampung, saya hendak tanya apa sudah jadi dengan belia-belia yang dekat kampung di seluruh negara ini. Memandangkan kedudukan belia ini sangat penting dan merupakan pewaris negara kita, maka mereka perlu diperkasakan dengan melakukan transformasi yang berkesan di peringkat akar umbi.

Antara perkara asas untuk memastikan transformasi terlaksana, adalah melalui memperkasakan pertubuhan dan persatuan belia di dalam negara kita iaitu di Malaysia ini. Mengikut apa yang kita lihat sekarang ini banyak persatuan dan pertubuhan belia yang telah terkubur. Untuk itu selaras dengan kehendak pemimpin bahawa golongan muda diberikan perhatian serius, maka kita minta supaya persatuan belia dihidupkan semula di setiap kampung, di bandar dan juga di pekan supaya belia-belia ini dapat digerakkan dan yang terkubur dapat diwujudkan semula.

Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya Senator yang depan tadi itu, saya lupa kerana peruntukan belia ini kenapa terlalu rendah sedangkan kita hendak memperkasakan belia tetapi peruntukannya terlalu rendah. Dengan wujudnya persatuan belia ini maka ia menjadi platform untuk belia mampu bergerak lebih sistematik dan ada penyelarasan di peringkat kerajaan.

■1730

Soalan saya, saya ingin bertanya di sini, setakat ini berapakah jumlah pertubuhan dan persatuan yang didaftarkan semula, didaftarkan di seluruh negara pada masa ini? Berapakah jumlah yang tidak aktif dan terkubur pada masa ini? Adakah kerajaan menyediakan peruntukan atau insentif tertentu untuk menubuhkan, untuk penubuhan persatuan atau pertubuhan belia yang baru didaftarkan? Sekiranya tiada, saya menyarankan agar kerajaan dapat menyediakan insentif sebanyak, sekurang-kurangnya RM3,000 kepada persatuan belia untuk mereka memulakan aktiviti mereka.

Kerajaan dapat membantu dan menyokong persatuan-persatuan belia seperti program-program yang diadakan dan sebagainya di peringkat akar umbi.

Seterusnya disarankan, saya minta kalau saya tidak keterlaluannya Tuan Yang di-Pertua, saya minta pegawai-pegawai belia ini turunlah padang. Menteri Belia dan Sukan pun turunlah, lihat orang di kampung dan belia ini bagaimana. Bagus atau tidak baguskah. Kita minta...

Tuan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat. Betul Yang Berhormat. Betul itu. Eloklah itu.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turun ke kampung-kampung, kita minta Menteri-menteri lain pun turunlah, lihat. Bagaimana anak muda kita di kampung. Jadi, dia ada semangat. Kalau kita diamkan sahaja, dia pun duduk diam sahaja, bahaya kita nanti, masa hadapan negara kita Tuan Yang di-Pertua. Jadi, disarankan Tuan Yang di-Pertua, supaya mereka ini turun padang dan menyokong aktiviti sukan ini secara konsisten serta menyediakan program-program yang lebih holistik, berkualiti serta memberikan peluang kepada belia-belie terutamanya di kawasan luar bandar dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehubungan itu, saya mohon kepada pihak kementerian, kalau kita lihat pegawai-pegawai di peringkat daerah-daerah itu tidak begitu ramai. Oleh kerana saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita minta pegawai ini ditambahkan lagi. Satu lagi, dahulu ada penggerak belia DUN dan Parlimen tetapi sudah dimansuhkan. Untuk itu, saya mencadangkan semula supaya penggerak belia di peringkat DUN ini, kalau tidak Parlimen pun kalau DUN ini, kita wujudkan semula bagi memperkuatkan lagi dan memperkasakan lagi belia di peringkat kampung-kampung ini.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ini masalah anak-anak kita suka merempit. Dia merempit di jalan sana. Kena tangkap, rempit lagi. Selepas itu merempit lagi. Dia tidak takut. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada mereka ini, apa yang disukai, kita berilah, betul atau tidak? Kalau kita adakan futsal, apa kata saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya diadakan gelanggang ataupun trek untuk sukan rempit di setiap daerah dan Parlimen untuk anak-anak ini. Jadi, sudah tidak perlu hendak menangkap dia. Kalau ada lesen atau tidak ada, jalan sahajalah, betul atau tidak? Beri dia peluang itu. Jadi, bolehlah. Kalau apa yang mereka suka, kita tidak beri, ini masalah kepada mereka nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan berterima kasih kerana prihatin dengan penjawat awam yang berjumlah sekitar 1.2 juta orang yang banyak menyumbangkan pada kemajuan pembangunan negara. Berhubung dengan kenaikan gaji bagi penjawat awam, pengumuman kerajaan untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan adalah merupakan salah satu langkah yang penting dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Penjawat awam memainkan peranan yang penting sebagai badan pelaksana dasar yang diluluskan oleh Parlimen. Saya ingin merujuk kepada penjawat awam kontrak pada masa ini walaupun sudah diutarakan oleh rakan-rakan saya, saya ingin sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua, yang berjumlah lebih daripada 23,000 orang, bagaimanakah status kenaikan gaji mereka?

Saya juga ingin menyentuh kakitangan kontrak berdasarkan keperluan kerja dan saya percaya pegawai-pegawai kontrak ini sangat relevan bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan lebih cekap dan efisien. Justeru, saya ingin bertanyakan adakah kementerian bercadang untuk menetapkan jawatan mereka terutamanya di agensi-agensi kerajaan yang penting seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, RTM dan beberapa lagi agensi yang lain. Di RTM contohnya, saya difahamkan terdapat ramai kakitangan bertaraf kontrak. Sedangkan wujudnya keperluan kerja dari semasa ke semasa dan saya percaya dengan jawatan tetap, pegawai-pegawai lebih merasakan kebajikan mereka terpelihara dan mereka akan lebih tenang, bersemangat, efisien dan dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan gaji Ahli Parlimen. Selaras dengan program transformasi politik kerajaan dan demi memupuk budaya politik di kalangan rakyat di samping menyedari beban dan tanggungjawab tugas serta beban kerja Ahli-ahli Parlimen yang semakin bertambah masa kini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju menambah gaji Ahli Parlimen. Namun, atas alasan tertentu, cadangan tersebut tidak dilaksanakan. Sebagai salah satu badan dalam sistem pentadbiran negara yang bermodel sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan, maka Parlimen perlu memastikan konsep *check and balance* berjalan dengan efektif dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin menyentuh hal itu, ada orang tidak bersetuju dengan kenaikan gaji Ahli-ahli Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua tetapi bukan ramai sebenarnya. Satu orang sahaja. Beliau pun sebenarnya sudah kaya tetapi orang lain semua menjadi mangsa. Jadi, orang itu rasa saya datuk-datuk ini semua tahulah kawan-kawan saya bukan. Sudah terang lagi bersuluh. Tidak mengapalah. Jadi, orang-orang yang sebegini kalau ada, saya pun tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua. Semalam kawan saya sudah bersetuju. Dia kata kalau boleh hari ini kita putuskan. Kita setujukan balik gaji Ahli Parlimen itu, kita luluskan di Dewan Negara ini... [Tepuk] Itu kalau suka, tepuklah kuat-kuat. Baru Perdana Menteri boleh lihat, betul atau tidak?... [Ketawa] Kalau tepuk tidak kuat, Perdana Menteri kata, "Oh! Dia pun lebih kurang serupa juga", betul atau tidak?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Ahli Parlimen memainkan peranan yang efektif, maka wajar sekali kebajikan dan keperluan Ahli Parlimen diberikan perhatian dan dipenuhi. Kita minta kebajikan Ahli Parlimen termasuk insurans dikaji dan kalau boleh elaun dan gaji ditambah. Kita juga maklum wujudnya satu jawatankuasa teknikal yang mengkaji gaji dan saraan Ahli Parlimen ini. Kita harap laporan kajian mereka mendapat perhatian pihak kerajaan. Isu kebajikan iaitu rawatan kesihatan Ahli Parlimen juga termasuk rawatan ahli keluarga. Saya mencadangkan agar rawatan di pusat perubatan kerajaan untuk ahli keluarga meliputi rawatan ibu bapa kerana buat masa ini, rawatan untuk suami isteri tetapi tidak termasuk ibu dan bapa. Dengan ini kita Ahli-ahli Parlimen akan merasa tenang dan dapat menjalankan tanggungjawab tanpa perlu merasa risau tentang kewangan dan perbelanjaan kesihatan sekiranya melibatkan rawatan khusus seperti kencing manis, jantung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah sedikit, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua. Minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau boleh, berikanlah Ahli-ahli Dewan Negara ini peruntukan khas bagi membolehkan kita membantu juga rakyat di bawah, di peringkat akar umbi ini. Kalau boleh disetujui... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, ini penutuplah. Kita semua sedar bahawa beberapa tahun sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun 2020. Pelbagai dasar GTP, ETP dilaksanakan untuk memastikan kita mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi, Bajet 2012 yang dikemukakan akan memberikan impak yang besar pada matlamat kita nanti. Diharapkan, apa yang dirancang oleh kerajaan dalam bajet ini benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat dan golongan sasaran dan kita semua dapat menyumbang ke arah pembangunan negara dalam mencapai negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan bajet saya pada hari ini, saya dengan besar hati, dengan rasa bangga ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin. Walaupun dia sudah tidak ada tetapi dia mendengar di sana, yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 22 Disember 2011 ini. Sesungguhnya beliau telah mencipta sejarah Demokrasi Berparlimen di negara ini dengan pelantikan beliau sebagai Timbalan *Speaker* Dewan Negara Parlimen Malaysia yang kesebelas pada 9 Julai 2011. Pelantikan beliau juga merupakan satu penghormatan buat kaum wanita di negara ini dan merupakan detik bermakna dalam sejarah negara, memandangkan seorang wanita diberikan pengiktirafan memegang jawatan penting sekali gus memperkasakan kaum wanita.

Pelantikan beliau juga membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memperkasakan wanita di negara ini, sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan inspirasi kepada golongan wanita generasi akan datang dan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau yang kemudian ini kalau penggantinya kalau wanita *alhamdulillah*, terima kasih banyak.

Dan sampaikan salam wanita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Khasnya kepada Timbalan Yang di-Pertua Datuk Armani dua rangkap pantun,

*Bunga melur bunga melati,
Ditanam indah di taman hati,
Negeri Sabah asalnya srikandi,
Menyumbang bakti mempertahankan institusi demokrasi... [Tepuk]*

Saya lihat Timbalan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua ini memang ngamalah...

Tuan Yang di-Pertua: Serasi sungguh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: ..Macam ngam.

Tuan Yang di-Pertua: Memang serasi.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Dia sesuai ya.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju-setuju.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Setuju ya? Dia senyum manis, dua-dua manis belaka.

Tuan Yang di-Pertua: ...[Ketawa]

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Satu lagi kepada Timbalan Yang di-Pertua,

*Tercatat nama srikandi pertiwi,
Di pentas Parlimen srikandi beraksi,
Bakti Tuan Yang di-Pertua sentiasa diingati,
Menjadi inspirasi generasi ke generasi.*

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dengan demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan menyampaikan terima kasih dan tentang kedudukan Timbalan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang betul kerana kita dilantik mengikut perlembagaan maksimumnya dua penggal sahaja kerana kebetulan Timbalan Yang di-Pertua yang kita kasihi ini sudah sampai tahap maksimumnya, tiada siapa pun dapat mempertahankannya. Sungguhpun kalau di Parlimen terpulang selagi wakil rakyat mengkehendakinya dia akan terus menjadi wakil rakyat, itulah bezanya kita di Dewan yang mulia ini, Dewan Negara ini termasuk saya juga.

Walau bagaimanapun, saya agak menarik minat tadi apa Yang Berhormat sebutkan tadi, kami di Dewan ini memang merasai kerana Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua akan mengakhiri kedudukan beliau sebagai Timbalan Speaker pada tanggal 19 hari bulan akan datang ini. Walau bagaimanapun, soal itu saya rasa Dewan akan terus berjalan sebagaimana biasa, pemimpin kita tetap peka dan prihatin supaya Dewan kita terus maju jaya. Kepada timbalan itu tunggu masanya kita akan beri penghormatanlah.

Tanpa membuang masa lagi kerana untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan sekali lagi kerana nampaknya masih lagi saya mendapati contohnya hari ini agaknya semua yang telah mengemukakan nama-nama itu telah diberikan peluang untuk berucap dan kita akan sebagaimana yang kita telah jelaskan tadi membuat satu usul akan berakhir pada 7.15 malam ini. Oleh yang demikian agaknya kita ada dua orang sahaja lagi, sekiranya ada sesiapa yang belum menghantar nama dan berhasrat hendak berucap silakan mengemukakan nama. Saya mempersilakan sekarang ini Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, dipersilakan Yang Berhormat.

5.43 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah membentangkan Bajet 2012 pada Jumaat yang baru lalu dengan tema "Dasar Transformasi Nasional, Bajet Membela Rakyat, Menyejahterakan Negara" dan memberikan penekanan kepada lima fokus utama iaitu meligat pelaburan, mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetuskan inovasi, Program Transformasi Luar Bandar, memperkejat perkhidmatan awam dan meredakan inflasi serta mengimarahkan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak memfokuskan kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu berhubung dengan Bajet 2012, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri khususnya yang berhubung dengan Darul Quran yang mendapat peruntukan sebanyak RM13.6 juta bagi tahun 2012 berbanding RM12.8 juta bagi tahun 2011. Darul Quran sebagai institut pengajian Al-Quran telah ditubuhkan semenjak 1966 lagi, bermula sebagai maahad tahfiz Al-Quran, asalnya hanya satu unit di bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan perkembangannya begitu pesat sehinggalah pada November 1998 Darul Al-Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Selangor.

Saya membangkitkan tentang Darul Quran ini, institut tahfiz di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang begitu popular di kalangan pelajar sekolah menengah agama dan maahad tahfiz di seluruh Malaysia. Sebagai contohnya baru-baru ini sambutan amat menggalakkan bagi pelajar memohon untuk mengikuti program pensijilan Tahfiz Al-Quran, Darul Quran dan UIA sehingga terpaksa diadakan temu duga di 12 lokasi daripada utara ke selatan termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya ingin mendapatkan penjelasan JAKIM bilangan pelajar yang memohon untuk mengikuti program ini dan bilangan pelajar yang dijangka akan mengikuti pengajian ini. Selain program pengajian peringkat Sijil Darul Quran dan juga mengadakan pengajian peringkat diploma dan ijazah. Berdasarkan latar belakang institut ini dan perkembangan serta sambutan pada masa ini, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan bercadang menjadikan Darul Quran ini sebagai universiti tahfiz pertama di negara ini bagi menaungi sekolah dan pusat tahfiz yang begitu banyak di seluruh negara.

Seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai bilangan maahad tahfiz di seluruh negara sama ada berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri atau tidak? Selain itu adakah JAKIM sudah mengenal pasti sistem atau cara penghafazan para *huffaz*. Pada masa ini kebanyakan maahad tahfiz cenderung mengambil kaedah atau sistem negara-negara luar seperti kaedah Turki, Afrika, India, Pakistan dan lain-lain. Apakah kaedah yang terbaik yang sedia ada di Darul Quran JAKIM boleh dijadikan panduan untuk maahad tahfiz atau mungkin sistem di Darul Quran lemah yang menyebabkan maahad-maahad ini mengambil kaedah luar. Berhubung dengan menghafaz Al-Quran ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan seperti berikut:

- (i) berapa ramaikah pelajar yang telah menghafaz 30 juzuk Al-Quran dan apakah penanda aras bagi pelajar yang menghafaz Al-Quran ini dari segi mengekalkan ingatan hafazan serta menghafaz 30 juzuk Al-Quran;
- (ii) ada di antara institusi tahfiz yang berbangga dengan pencapaian hafazan 30 juzuk dalam masa lapan bulan sehingga setahun atau satu hingga tiga tahun. Adakah pihak JAKIM telah membuat penelitian terperinci berkenaan kualiti ingatan hafazan pelajar yang akan bergelar Al-Hafiz ini bagi memastikan Al-Hafiz ini benar-benar ingat ayat yang telah dihafaz setelah menghabiskan tempoh hafazan yang ditetapkan;

- (iii) adakah kerajaan bercadang meletakkan syarat wajib untuk menjawat jawatan Muhaddis mestilah sekurang-kurangnya menghafaz 15 juzuk Al-Quran berserta hadis dan bagi mufti pula diwajibkan menghafaz 30 juzuk Al-Quran berserta hadis di samping mengeluarkan hasil tulisan untuk dibukukan dan menjadi rujukan masyarakat; dan
- (iv) saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia bersama dengan JAKIM membantu dan menilai institusi tahfiz sedia ada seperti institusi pendidikan lain dan diberikan bantuan penuh supaya kewujudan institusi tahfiz yang serius mampu melahirkan *huffaz* Al-Quran yang berwibawa.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, saya tujukan kepada Kementerian Pelajaran. Di sini saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Khususnya berhubung dengan sekolah berasrama penuh dan sekolah tercemerlang. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung cadangan membangunkan 100 buah sekolah berprestasi tinggi (SBT). Sehingga kini berapa buah sekolah telah mencapai status sekolah berprestasi tinggi (SBT) dan berapakah sasaran kerajaan dalam tahun 2012? Bolehkah kementerian menyatakan langkah kerajaan bagi mewujudkan sekolah-sekolah yang berpotensi untuk diberi status sekolah berprestasi tinggi (SBT) ini khususnya di sekolah-sekolah di luar bandar?

Berhubung dengan SBT ini saya ingin menyentuh berhubung dengan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam SPM, STPM dan STAM. Bagaimanapun saya dimaklumkan sekolah ini masih kekurangan dari segi prasarana, khususnya surau. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan menyediakan peruntukan bagi membina surau di KISAS, Klang. Saya juga dimaklumkan ada beberapa blok bangunan atau rumah lama di KISAS ini yang terbiar, yang tidak digunakan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah perancangan pihak sekolah dan pihak kementerian bagi memperbaiki bangunan-bangunan ini?

Selain itu saya dimaklumkan juga jalan masuk dari pintu utama ke asrama pelajar puteri didapati banyak yang rosak serta berlubang. Keadaan ini tentulah boleh merosakkan kenderaan ibu bapa yang datang mengunjung anak-anak di sini. Saya berharap Kementerian Pelajaran mengambil langkah yang segera membaiki jalan-jalan yang rosak ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Luar Negeri iaitu khususnya berhubung dengan Pejabat Perwakilan Luar Negeri yang mendapat peruntukan sebanyak RM358 juta bagi tahun 2012. Iaitu peruntukan tertinggi sebagai program dan aktiviti teras bagi kementerian ini. Berhubung dengan Pejabat Perwakilan Luar Negeri ini saya ingin menyentuh secara khusus berhubung dengan pangkalan data bagi pelajar-pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara. Sama ada melalui tajaan kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat, institut pengajian tinggi dan agensi atau kementerian serta tajaan daripada swasta dan persendirian serta data rakyat Malaysia yang berada di luar negara.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah pelajar Malaysia di luar negara sama ada di bawah tajaan kerajaan, swasta, persendirian. Juga sejauh manakah Pejabat Perwakilan Luar Negeri mempunyai senarai lengkap pelajar Malaysia di luar negeri serta rakyat Malaysia di luar negara? Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya adalah penting Pejabat Perwakilan Malaysia Luar Negara bukan sahaja mempunyai pangkalan data yang lengkap dan terkini berhubung dengan pelajar-pelajar di Malaysia di luar negara. Malah juga pekerja profesional dan warga negara Malaysia di luar negara, khususnya bagi memastikan keselamatan warganegara Malaysia di luar negara semasa kekacauan, sengketa, peperangan dan sebagainya. Supaya bantuan menyelamatkan dapat diambil dengan segera seperti apa yang berlaku di Mesir, Yemen dan di Libya. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah pro aktif yang diambil oleh warganegara Malaysia yang berada di negara yang kurang aman dan situasi tidak menentu seperti di Asia Barat dan Wilayah Selatan Thailand?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Wisma Putra yang telah melaksanakan tugas dengan baik. Walaupun menghadapi banyak masalah bagi melaksanakan operasi menyelamatkan dan melibatkan warganegara Malaysia di luar negara. Seperti pergolakan di Timur Tengah serta di England, gempa bumi di Indonesia dan New Zealand. Banjir di Australia dan Thailand serta tsunami yang melanda Jepun kerana kedutaan kita di luar negara tidak mempunyai maklumat atau mempunyai maklumat yang sangat terhad mengenai rakyat yang berada di negara tersebut. Khususnya dari segi tempat tinggal atau sekurang-kurangnya maklumat perhubungan iaitu *contact number*, dengan izin. Memandangkan rakyat Malaysia bertaburan di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu adalah wajar Kementerian Luar Negeri mempunyai sistem pangkalan data bagi menyimpan maklumat mengenai rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Luar Negeri diberi peruntukan untuk membina satu sistem pendaftaran yang dapat menyimpan maklumat mengenai rakyat kita di luar negara. Bagi memudahkan menyalurkan maklumat-maklumat yang penting kepada mereka dari masa ke semasa. Memandangkan buat masa kini boleh dikatakan semua rakyat di Malaysia di luar negara mempunyai *Facebook*, *Twitter* atau *handphone*, maka sistem sebegini dapat dibangunkan. Supaya kedutaan boleh menghantar SMS kepada rakyat Malaysia agar dapat mengelak dari lokasi bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Kerja Raya iaitu membangkitkan perhubungan dengan bayaran pampasan tol sebanyak RM344 juta bagi tahun 2012 berbanding RM200 juta bagi tahun 2011. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapakah kerajaan masih menanggung pampasan bayaran tol ini? Bagi tempoh dua tahun ini kerajaan dijangka akan membelanjakan lebih daripada RM500 juta bagi pampasan tol. Sedangkan peruntukan ini boleh digunakan untuk projek pembinaan jalan raya atau senggara jalan. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan subsidi tol ini khususnya bagi bas persiaran dan sebagainya?

Berhubung dengan tol ini saya ingin menyentuh tentang kad *Touch'nGo*. Saya ingin mengalu-alukan rebat atau pengurangan yang diberikan kepada pengguna. Bagaimanapun saya difahamkan pengguna agak sukar mendapatkan rebat ini kerana hari yang terhad untuk urusan rebat dan selalunya berlaku gangguan talian. Saya ingin mendapat penjelasan, sama ada pengendali kad *Touch'nGo* bersedia untuk menyediakan mekanisme supaya rebat ini dapat diberi secara automatik setiap kali tambah nilai dibuat. Sehubungan dengan itu, saya minta kerajaan nyatakan jumlah pemegang kad *Touch'nGo* dan *SmartTag* bagi masa kini dan nyatakan langkah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pemegang kad *Touch'nGo* dan *SmartTag*.

Adakah kerajaan bercadang memperkenalkan sistem yang lebih berkesan selain penggunaan *Touch'nGo* dan *SmartTag* ini bagi mengatasi masalah kesesakan kenderaan di lebuh raya. Berhubung dengan tol ini saya ingin membangkitkan kurangnya prasarana dan menambah nilai *Touch'nGo* khususnya bagi perjalanan melalui Lebuhraya Pantai Timur (LPT). Saya ingin mencadangkan agar lebih banyak kaunter atau *booth* untuk tambah nilai *Touch'nGo* diadakan sepanjang Lebuhraya Pantai Timur terutama di stesen-stesen minyak seperti Shell, Hentian Temerloh di kedua hala dan juga hentian rehat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pelancongan, khususnya mengenai Pusat Pelancongan Islam (ITC) yang menerima peruntukan secara *one-off* sebanyak RM1.5 juta bagi tahun 2012. Cadangan mewujudkan sebuah pusat pelancongan Islam ini telah dibangkitkan semenjak tahun 2009 lagi bagi menggalakkan perkembangan aktiviti pelancongan di negara-negara Islam dengan tumpuan kegiatannya dicadangkan di Kuala Lumpur. Penubuhan ITC akan membolehkan mana-mana negara Islam menjalankan kegiatan penyelidikan pelancongan dan aktiviti promosi berkaitan industri pelancongan.

■1800

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pelancongan mengenai peranan ITC dari segi menyediakan kemudahan khidmat pembangunan kapasiti, program latihan dan pembangunan jangka pendek serta persidangan antarabangsa dan seminar.

Peruntukan sebanyak RM1.5 juta ini amat terhad memandangkan kepentingan ITC ini dari segi membantu untuk mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama berkaitan dengan industri pelancongan di kalangan negara-negara Islam dan membantu mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dihormati. Saya ingin mencadangkan agar peruntukan bagi ITC ini dikaji dan ditingkatkan lagi bagi tahun 2012, bagaimanapun saya berharap Kementerian Pelancongan menjelaskan peranan dan fungsi Pusat Pelancongan Islam (ITC) ini dalam membangun dan menggalakkan industri pelancongan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi mengenai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya berhubung dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Pusat Perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Universiti Sains Malaysia. Ketiga-tiga pusat perubatan atau hospital ini, bukan sahaja memberi perkhidmatan kesihatan dan rawatan kepada pesakit termasuklah pesakit luar tetapi juga menyediakan kemudahan latihan kepada para pelajar perubatan di peringkat pra siswazah dan pasca siswazah yang menekankan disiplin klinikal. Selain itu, hospital-hospital ini juga menyediakan kemudahan penyelidikan dalam bidang perubatan dan kesihatan. Bilangan pesakit yang mendapat kemudahan pesakit luar di hospital ini terus meningkat, umpamanya PMUM daripada 24,000 dari tahun 2010 dan dijangka kepada 33,000 pada tahun 2011, sedangkan HUKM dan HUSM menjangkakan bilangan pesakit luar akan menurun.

HUKM menerima pesakit luar yang dirawat seramai 396,000 orang pada tahun 2010 tetapi dijangka menurun kepada 387,785 pada tahun 2012. Begitu juga dengan HUSM yang menerima pesakit luar sebanyak 324,346 orang bagi tahun 2010 tetapi dijangka akan menurun kepada 333,096 pada tahun 2012. Saya ingin mendapatkan penjelasan, mengapakah hospital HUKM dan HUSM bilangan pesakit luarnya dijangka akan menurun? Apakah faktor diambil kira dalam menentukan jumlah pesakit luar di kedua-dua hospital ini. Ketiga-tiga hospital dan pusat perubatan ini telah berjaya melatih dan melahirkan doktor-doktor pelatih. Pada masa kini, nisbah bilangan doktor dan populasi atau penduduk negara ini semakin mengecil. Suatu masa dahulu, kerajaan sasarkan seorang doktor bagi setiap 600 populasi menjelang tahun 2020, tetapi kini kerajaan membuat sasaran baru iaitu seorang doktor bagi setiap 400 populasi bagi tahun 2020 berdasarkan prestasi IPT dan IPTS dan hospital di seluruh negara ini.

Bagaimanapun kita masih kekurangan dari segi doktor yang berkelulusan sarjana dan doktor falsafah serta doktor-doktor pakar dalam pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan bilangan doktor-doktor yang berkelulusan tinggi di peringkat sarjana dan falsafah? Sejauh manakah kerajaan mengambil inisiatif bagi melahirkan lebih ramai doktor-doktor pakar supaya dapat ditempatkan di hospital-hospital negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi, khususnya mengenai Jabatan Pengajian Kolej komuniti yang mendapat peruntukan sebanyak RM204 juta bagi tahun 2012. Kolej komuniti berperanan menyediakan pendidikan dan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran kepada semua peringkat masyarakat melalui kolej komuniti.

Saya ingin membangkitkan berhubung dengan kolej komuniti yang bersedia beroperasi di seluruh negara, pelbagai kursus jangka pendek telah dijalankan. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan bidang kursus yang dijalankan, khususnya di Kolej Komuniti Kuantan dan bilangan pelajar yang sedang dan telah mengikuti latihan di sini. Keadaan kolej komuniti sekarang amat terhad, memandangkan jumlah pelajar yang terus meningkat dan pembesaran bangunan sewaan ini tidak dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kolej komuniti ini, saya ingin mencadangkan beberapa perkara sebagai penambahbaikan untuk kolej komuniti di seluruh negara seperti berikut. Pertamanya saya ingin memohon agar kerajaan menyediakan kemudahan penginapan atau asrama kepada pelajar kolej komuniti. Ketiadaan asrama untuk pelajar ini menyukarkan pelajar yang berminat untuk mengikuti pengajian di kolej komuniti, masalah penginapan melibatkan sebahagian besar pelajar kolej komuniti di seluruh negara.

Jadi saya ingin mencadangkan agar kerajaan membuat kajian menyeluruh tentang keperluan asrama, penginapan bagi semua pelajar di kolej komuniti di seluruh negara.

Kedua, saya dapati kolej-kolej komuniti kebanyakannya menyewa rumah-rumah kedai, bagaimanapun kita menyedari ruang-ruang komersial ini amat terhad dan tidak mengambil kira keperluan jangka panjang. Selain ruang pembelajaran yang sempit dan sukar untuk diperbesarkan, saya dapati kemudahan prasarana lain seperti bengkel, kafeteria, kemudahan rekreasi serta sukan tidak dapat diadakan bagi melengkapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran kolej komuniti.

Sebagai institusi pendidikan yang berada pada hampir dengan masyarakat, saya memohon agar kerajaan menimbangkan agar mengkaji semula kedudukan kolej komuniti supaya kampus kolej komuniti ini ditempatkan di kawasan yang lebih sesuai dan mengambil kira dari segi perkembangan jangka panjang.

Ketiga, berhubung dengan kolej komuniti ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan jawatankuasa penasihat bagi semua kolej komuniti. Adalah penting bagi kolej komuniti ini mempunyai jawatankuasa penasihat sebagai penghubung antara masyarakat dengan kolej komuniti, khususnya dari segi menyampaikan maklumat dari segi peranan dan fungsi kolej ini, serta pendorong kepada masyarakat setempat untuk mengikuti pembelajaran di kolej komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan, khususnya mengenai dakwaan kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital besar sehingga menyebabkan pesakit terpaksa menunggu beberapa hari sebelum dapat menemui doktor-doktor pakar tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan doktor pakar yang ada di seluruh negara mengikut bidang termasuklah di hospital di Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan bilangan doktor di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 yang telah dibentangkan ini adalah bajet bagi merealisasikan Dasar Transformasi Nasional, khususnya untuk terus membela rakyat sebagai sebuah negara berkeadilan sejak merdeka, 54 tahun lalu dan mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Di sini saya juga mengambil kesempatan pada Timbalan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama Timbalan Yang di-Pertua selama saya berada di sini. Akhirnya, sekian terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai.

■1810

6.10 ptg.

Datuk Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2012.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah membentangkan Bajet 2012 pada Jumaat, 7 Oktober, 2011 yang lalu dengan tema, "*Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara.*"

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 ini adalah merupakan kelangsungan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Jun, 2010 lalu. Rancangan Malaysia Kesepuluh telah mengetengahkan idea bernas dengan pendekatan holistik terdiri daripada sepuluh premis utama dan lima teras strategi dan konklusif dengan menyeluruh serta memenuhi semangat, "*Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.*" RMKe-10 merangkumi bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2015 adalah penting sebagai landasan bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah merangka Bajet 2012 ini, berjumlah RM232.8 bilion dengan penuh teliti, dinamik dan progresif serta *inclusive* kepada semua golongan rakyat dari petani, nelayan dan peneroka, seterusnya usahawan, kakitangan awam dan swasta. Malah golongan OKU dan warga emas serta wanita terus diberikan perhatian. Sesungguhnya bajet ini adalah bajet terbaik yang pernah dibentangkan kerajaan dan menyerlahkan lagi serta mendukung kukuh gagasan, "*1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Bajet ini telah merangkumkan kepentingan serta kebajikan rakyat jelata, memperkukuhkan serta memperkasakan ekonomi negara dan menstabilkan serta meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan dulu, kini dan selamanya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak mengambil alih pentadbiran negara pada April 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus bekerja keras dan mengorak langkah membina bangsa negara. Dengan hubungan ini saya menyanjung tinggi iltizam kerajaan dalam Bajet 2012 ini bagi terus menjayakan pelan transformasi negara seperti Program Transformasi Kerajaan dengan tujuh NKRA, Program Transformasi Ekonomi dengan 12 NKEA, Modal Baru Ekonomi dengan lapan SRI dan terkini Program Transformasi Politik dengan penghapusan ISA dan pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Buang Negeri 1959 yang didapati tidak lagi relevan pada masa kini.

Kesemua langkah ini adalah untuk meningkatkan amalan demokrasi dan membuktikan ketelusan dan keikhlasan kerajaan untuk meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat serta menjamin keselamatan dan kemenangan negara bagi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat. Bajet 2012 yang telah dibentangkan memberi penekanan kepada lima fokus utama iaitu:

- (i) meningkatkan pelaburan;
- (ii) menggali modal insan;
- (iii) mencerna kreatif dan mencetus inovasi Program Transformasi Luar Bandar;
- (iv) mempercepat perkhidmatan awam; dan
- (v) meredakan inflasi dan menggembirakan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fokus pertama iaitu meningkatkan pelaburan. Pertubuhan ekonomi negara pada kadar 10.1 peratus dengan izin, dalam tempoh tiga bulan tahun ini membuktikan kecekapan pemimpin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja memulihkan negara daripada kemelesetan ekonomi tetapi juga meletakkan ekonomi negara ini dalam aliran pertumbuhan dan arus perdana ekonomi global. Negara berjaya dikeluarkan dari kemelut krisis ekonomi global yang menyaksikan penyusutan drastik pada suku tahun pertama, kedua dan ketiga. Tahun lalu, 2009 dari 6.2 peratus dengan izin, 3.9 peratus dan 1.2 peratus.

Pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan pada bulan November 2008, pada Mac 2009 berjumlah RM67 bilion serta liberalisasikan sektor kewangan dan perkhidmatan telah memberi kesan positif kepada ekonomi negara keseluruhannya. Unjuran pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2012 antara 5 peratus hingga 6 peratus adalah wajar dengan mengambil kira momentum ekonomi global khususnya kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta tekanan inflasi dunia. Dalam hubungan ini saya ingin memuji langkah kerajaan yang terus menggiatkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) dengan memperkenalkan pelbagai insentif dan dijangka akan berkembang kukuh sebanyak 15.9 peratus bagi tahun 2012.

Selain itu kerajaan juga dipuji kerana mengambil langkah melonjakkan aktiviti ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta dan awam bagi memperkukuhkan perkembangan ekonomi negara. Langkah kerajaan ini bukan sahaja membuka peluang perniagaan kepada usahawan tetapi juga peluang pekerjaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kerjasama perdagangan antara negara ASEAN termasuk mengurangkan halangan perdagangan antara negara ASEAN.

Langkah liberalisasikan 17 subsektor pada tahun 2012 seperti perkhidmatan hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan dan pergigian, perundangan, perakaunan, percukaian dan sebagainya akan membolehkan hak pemegang ekuiti asing sehingga 100 peratus dari subsektor berkenaan. Namun begitu saya berharap dan mencadangkan agar kerajaan akan menggalakkan gabungan kepakaran antara syarikat antarabangsa dan usahawan tempatan bagi meningkatkan daya asing usahawan tempatan di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kerja Raya (JKR) khususnya mengenai pembinaan jalan-jalan baru. Saya sering mendapat rungutan berhubung dengan mutu jalan baru JKR yang dikatakan kurang memuaskan dan mudah rosak. Akibatnya jalan-jalan ini perlu selalu diselenggarakan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, apakah yang menyebabkan jalan baru ini mudah rosak dan sejauh manakah kementerian memantau dari segi pembinaan jalan-jalan raya baru ini.

■ 1820

Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, apakah teknologi membina jalan raya terkini bagi memastikan pembinaan jalan yang lebih tahan dan akan mengurangkan dari segi perbelanjaan selenggaraan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung Kementerian Pelancongan. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan Kementerian Pelancongan yang telah berjaya memantapkan industri pelancongan negara. Sektor pelancongan adalah merupakan sektor penting dan yang menyumbang kepada ekonomi negara khususnya sebagai sumber pendapatan negara menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan serta memberikan limpahan rezeki kepada pelbagai lapisan masyarakat dan syarikat swasta.

Selain itu, Kementerian Pelancongan telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam memajukan dan membangunkan industri pelancongan negara melalui pelbagai usaha promosi dan galakan untuk menarik ramai pelancong asing di negara ini dan menyediakan pelbagai program pelancongan bagi menaikkan imej pelancongan negara. Malaysia menduduki tangga ke-16 dari segi pendapatan pelancongan dan menguasai hampir 2 peratus dari syer pasaran pelancongan global pada tahun 2008. Industri pelancongan juga menyediakan 1.7 juta peluang pekerjaan iaitu hampir 5 peratus daripada jumlah guna tenaga. Antara tahun 2006 hingga tahun 2009 pendapatan industri pelancongan meningkat 67.1 peratus kepada RM53.4 bilion. Sementara ketibaan pelancong meningkat sebanyak 43.6 peratus kepada 23.6 juta orang.

Kerajaan menasarkannya Malaysia menduduki 10 negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global dan meningkatkan sektor pelancongan sebanyak 2.1 kali ganda dan seterusnya menyumbangkan RM115 bilion sehari dari segi pelancongan yang menyediakan lebih dua juta pekerjaan menjelang tahun 2015. Sehubungan dengan itu adalah wajar Kementerian Pelancongan terus mewujudkan hubungan *G-to-G* dengan negara-negara *Asean*, OIC dan sebagainya untuk mendapatkan pasaran pelancongan khususnya dari negara Asia Barat.

Saya percaya Kementerian Pelancongan terus meneruskan prestasi cemerlang bagi tahun semasa 2011. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pelancongan Malaysia dari segi jumlah ketibaan pelancong bagi tahun 2011 dan jangkaan tahun 2012 dan nyatakan pendapatan pelancong per kapita bagi setiap pelancongan bagi tahun 2011 serta menyatakan pendapatan dari sektor pelancongan bagi tahun 2011 dan jangkaan bagi tahun 2012. Berhubung dengan pelancongan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan pembangunan industri pelancongan ini yang mendapat peruntukan RM80.8 juta bagi tahun 2012. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan tentang cadangan pembangunan kawasan pelancongan baru sama ada dari segi tasik, sungai mahu pun bukit-bukit yang berpotensi untuk dimajukan serta kawasan pelancongan termasuk pelancongan kelip-kelip dan sebagainya.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan perancangan dari terus mempromosikan budaya dan adat tradisi serta warisan seperti warisan budaya Baba dan Nyonya Melaka di peringkat domestik dan di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Melaka adalah satu di antara negeri saya juga dan saya pun adalah seorang peranakan Baba Cina di mana saya mintalah untuk negeri Melaka, Yang Berhormat Menteri Pelancongan dapat memberi lebih sedikit peruntukan bagi negeri kita sebab negeri kita adalah negeri warisan dunia. Untuk kita peranakan Baba, kita pun ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri kita kerana memperuntukkan dua ekar tanah untuk orang-orang peranakan Baba. Akan tetapi kita kurang sumber kewangan untuk membuat satu kampung peranakan Baba di negeri Melaka. Jadi kalau boleh kita minta kementerian daripada RM88 juta itu berilah sedikit RM20 juta atau RM30 juta kepada negeri Melaka untuk memajukan kita punya pelancongan.

Berhubung pelancongan ini saya ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan NKEA pelancongan sebanyak RM96 juta bagi tahun 2012. Sebelum ini kerajaan telah memperuntukkan RM326 juta bagi tahun 2010 dan RM210 juta bagi tahun 2011. Pengurangan peruntukan 60 peratus, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada pengurangan peruntukan untuk NKEA ini akan menjejaskan ataupun tidak program NKEA yang telah dirancang oleh Kementerian Pelancongan. Sebagaimana maklum, kerajaan telah menumpukan pertumbuhan ekonomi dalam bidang ekonomi utama negara (NKEA) sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang pelancongan adalah satu bidang ekonomi utama (NKEA) negara kita yang telah dikenal pasti daripada 12 sektor yang akan dipantau oleh *Economic Delivery Unit*, Jabatan Perdana Menteri.

Pelancongan telah dipilih berdasarkan sumbangan untuk mencapai pendapatan tinggi kemampuan dan keterangkuman kerajaan mengambil langkah untuk pembaharuan ekonomi melalui peraturan perniagaan, pembangunan modal insan, peningkatan pengasingan domestik, penghapusan herotan pasaran dan penambahbaikan infrastruktur untuk menyediakan ekosistem pemboleh bagi NKEA.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pelancongan, pelaksanaan strategik yang telah dilaksanakan di bawah program NKEA pelancongan dan sejauh manakah program kerajaan di bawah NKEA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bajet tahun 2012 member peruntukan yang agak terhad bagi Bahagian Inspektorat KPKT walaupun mempunyai peranan yang besar dan penting kepada rakyat khususnya kepada penduduk, bangunan dan harta bersama. Adalah bertanggungjawab memastikan sistem penyampaian dan urusan pemajuan penyenggaraan dan pengurusan harta tanah berkesan dan seterusnya mampu mewujudkan dan membangunkan penempatan yang selesa dan sempurna.

Pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyenggaraan dan Pengurusan 2007 [*Akta 663*] adalah bertujuan bagi memperkemaskan kaedah mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan semua jenis bangunan yang dipecah bahagi dan dikeluarkan milik strata mula dari peringkat penyerahan milik kosong oleh pemaju sehingga ke peringkat selepas perbadanan pengurusan (MC) diwujudkan.

Akta 663 ini telah diwartakan di peringkat Persekutuan pada 13 Februari 2007 dan mula berkuat kuasa di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 12 April 2007 setelah mendapatkan persetujuan dari semua pihak berkuasa negeri. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke 57 juga bersetuju supaya PBM melantik Tuan Yang di-Pertua bagi pihak berkuasa tempatan sebagai Pesuruhjaya Bangunan untuk menjalankan peranan dan bidang tugas sebagai Pesuruhjaya Bangunan seperti mana diperuntukkan di bawah Akta 663.

■1830

Akta ini juga diperkenalkan tempoh peralihan interim di mana penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama diletakkan di bawah badan pengurusan bersama, *Joint Management Body* (JMB). Sementara menunggu hak milik strata didaftarkan dan MC diwujudkan, pertalian di antara pemaju JMB dan MC inilah diwujudkan melalui Akta 663 ini.

Pesuruhjaya Bangunan (COB) menjadi satu badan kawal selia untuk mengawas dan mengawal pemaju JMB dan MC dan pembeli petak semasa mereka melaksanakan kewajipan masing-masing dan memastikan bangunan diurus dengan sempurna.

Pada masa ini terdapat beribu JMB dan di Lembah Kelang sahaja. Kemampuan, kebolehan dan keberkesanan COB untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa yang diberi oleh kedua-dua Akta 663 serta Bahagian V dan VII, Akta 318. Ini yang dipersoalkan bukan sahaja oleh pemaju malah lebih-lebih lagi penduduk bangunan strata. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan:

- (i) jumlah unit bangunan dan harta bersama seluruh negara mengikut negeri dan nyatakan jumlah JMB yang didaftarkan dengan COB serta nyata jumlah unit bangunan dan harta yang telah mendapat strata *title*;
- (ii) sejauh manakah kesan strata organisasi COB berdasarkan kategori COB iaitu 'a','b','c' dan 'd' termasuk 'e';
- (iii) penubuhan jabatan bahagian khas dan sekretariat COB dalam memastikan fungsi dan tanggungjawab COB dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan; dan
- (iv) adakah kerajaan ada menyediakan garis panduan jumlah bayaran yang boleh dikenakan oleh JMB kepada pembeli bangunan dan harta seperti bayaran perkhidmatan atau cagaran atau caruman seperti senggaraan kawasan, pengawal keselamatan, lif, kolam renang dan lain-lain bayaran termasuk *sinking fund* dan sebagainya bagi memastikan pembeli dilindungi.

Sering kali kita mendapat aduan bayaran yang dikenakan terlalu tinggi dan membebankan rakyat seperti bayaran dan cagaran perkhidmatan antaranya sehingga RM100 bagi apartmen sederhana sedangkan perkhidmatan yang diberikan amat terhad. Adakah kerajaan ada menyediakan peruntukan dan garis panduan bagi standard penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama supaya bangunan akan dapat disenggarakan secara rutin dan berkala.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya menetapkan dan memperkasakan peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB) ini bagi memastikan pemantauan dan pengawasan JMB dapat melaksanakan tugas kerana tidak mahu kelemahan COB menyebabkan Menteri malah Perdana Menteri terpaksa turun padang menyelesaikan masalah selenggaraan rumah pangsa dan sebagainya termasuklah kerosakan lif, bumbung dan bangunan tidak bercat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2012 kerajaan telah mengumumkan memberi baucar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar warga Malaysia di institusi pengajian awam dan swasta tempatan. Saya yang mendapat penjelasan kerajaan, apakah mekanisme yang digunakan bagi memberi baucar buku ini? Adakah ianya termasuk pelajar pengajian luar kampus (e-PLK) dan pengajian jarak jauh (e-PJJ).

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berbahagia Datuk Seri M. Kayveas, Presiden Parti PPP, dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Melaka telah memberi kepercayaan kepada saya untuk meneruskan perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara untuk penggal kedua.

Saya akan memberi khidmat yang terbaik untuk kepentingan rakyat dan negeri Melaka dan negara. Saya mohon Menteri lebih tumpu kepada negeri Melaka. Oleh sebab negeri Melaka adalah negeri warisan dunia sebab kita perlukan dan memperbaiki tempat-tempat seperti *historical* dengan izin, tempat sejarah, kita adalah *world heritage*. Di mana tempat itu perlu diperbaiki dan kita terpaksa *maintain* dengan izin, sebab kita pun adalah negeri yang maju.

Kita perlu membasmi kemiskinan dan kena baiki banyak lagi infrastruktur seperti jalan raya, lampu awam dan sebagainya. Ini untuk mengelakkan banjir-banjir sebab Melaka adalah negeri yang maju.

Kita minta dan kita adalah antara penyumbang pembayar cukai yang tertinggi di Melaka. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat memastikan untuk Melaka supaya kita dapat menuju ke arah wawasan. Dengan itu saya juga ingin sedikit peruntukan kepada peranakan baba. Oleh sebab peranakan baba ini adalah salah satu bangsa dan agama yang unik sebab mereka pun adalah antara etnik di negara Malaysia. Kadang-kadang kita minta daripada kerajaan supaya memberi sedikit kelonggaran kepada peranakan baba ini. Kalau dia buat sesuatu atau masakan berilah peluang kepada dia apabila dibuat di rumah sendiri. Oleh sebab kalau dia buat di rumah sendiri dia dapat *maintain*kan tradisi dengan cara masakan dia.

Kalau dia pindahkan kepada warung-warung saya agak itu amat susah untuk dia menjaga tradisi tersebut dengan cara dia. Kadang-kadang PBT di negeri Melaka biasanya dia akan pergi ke tempat-tempat seperti begini untuk saman-saman mereka. Ada kompelin mengatakan mereka tidak ingin mendengar penjelasan. Saya harap daripada kerajaan tempatan kita ingin minta penjelasanlah. Sebab apa kita adalah sebuah negara dan negeri pelancong. Kita perlukan *maintain*kan tradisi, cara masak dan makanan kita. Dengan kata-kata itu saya ingin memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih saya ucapkan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Mohd Khalid bin Ahmad.

6.38 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama berbahas pada petang ini dalam perbahasan Bajet 2012. Sebenarnya saya minta pada Tuan Yang di-Pertua 15 hari bulan. Akan tetapi dengan sebab tertentu maka esok. Akan tetapi dengan adanya masa pada petang ini saya cubalah untuk berbahas Bajet 2012 walaupun dalam keadaan kurang bersedia.

Terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Bajet 2012 ini. Apa yang saya kira amat penting untuk kita Ahli-ahli Dewan Negara untuk sama-sama berkongsi idea dan penyatuan dan seterusnya menyokong Bajet 2012 ini.

Dari pembacaan dan pemahaman saya, saya boleh mendefinisikan bajet ini sebagai Bajet 1Malaysia merangkumi rakyat tidak mengira kaum serta mengambil pendekatan semua peringkat rakyat tidak kira umur, latar belakang dan status ekonomi. Syabas saya ucapkan kepada semua yang bertanggungjawab dan bertungkus lumus merangka bajet ini sekali gus kepada kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang membentangkan bajet yang penuh praktikal serta terancang rapi dan terperinci serta membela nasib rakyat.

Saya ingin menyentuh beberapa isu dan senario semasa dalam Bajet 2012 ini. Bagi Kementerian Pelajaran. Kepentingan bahasa Malaysia. Orang tua-tua dulu ada cakap, jangan ikut saya buat, dengar pada saya cakap.

■1840

Orang-orang tua dulu dia kata juga kepada anak-anak cucu dia, "*Dengar datuk kata apa yang datuk nasihat ikut. Jangan ikut datuk buat.*" Selepas itu cucu dia tanya; "*Ini atuk buat apa itu?*" Dia kata "*Atuk duduk lurut batang.*" "*Batang apa atuk?*" "*Batang rokok.*" Lurut lagi. Rokok ini rokok daun. "*Atuk duk gulung apa?*" "*Gulung batang tadilah.*" Selepas itu dia lurut-lurut, dia gulung-gulung, dia letak di mulut, dia hisap. Cucu dia pun hendak cubalah macam mana datuk dia buat tetapi jangan ikut. Atuk kata "*Lid, jangan ikut atuk.*" Lid itu sayalah contoh. "*Lid, jangan ikut atuk buat.*" Dengar apa atuk kata. Jadi makna dia kata jangan ikut dia buat hisap rokok itu. Ikut apa dia kata, jangan hisap rokok, begitulah kiasan saya selama perbahasan dalam ucapan bajet ini.

Saya berpandangan usaha untuk mengerakkan pelaksanaan program memperkasakan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris pada semua peringkat sekolah adalah selaras dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang akan dilaksanakan mulai 2012 bagi menggantikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Saya tidak akan menyentuh secara mendalam isu PPSMI kerana kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan pakai Bahasa Malaysia selaras dengan hasrat murni kerajaan memartabatkan Bahasa Malaysia.

Pada pandangan saya, martabat Bahasa Malaysia bermaksud mengembalikan kedudukan bahasa itu sebagai bahasa pengantar Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kalau saya salah tolong betulkan saya. Memperkasakan bahasa Inggeris pula bermaksud untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa itu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan supaya pelajar benar-benar dapat menguasai dengan baik. Saya turut mengambil kesempatan menyokong langkah kerajaan dalam pemansuhan PPSMI dan dasar MBMMBI dibuat selaras kerajaan mengikut dan meneliti pelbagai aspek membangkitkan keberkesanan pelaksanaan dasar itu. Kerajaan juga mengambil kira pelbagai pandangan cendekiawan serta pandangan umum mengenai pro dan kontra pelaksanaan PPSMI yang dilaksanakan sejak 2003.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahasa Melayu juga pernah menggunakan dengan meluas di peringkat pengajian tinggi sehingga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi sebuah universiti yang sepenuhnya menguasai Bahasa Melayu. Sebagai bahasa pengantar keunggulan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu membuktikan UKM apabila melahirkan ramai siswazah di dalam bidang perubatan dan pelbagai bidang lain...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada bangun ini.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat merujuk kepada saya tentang MBMMBI itu, *insya-Allah* saya sudah menyediakan ucapan yang agak panjang juga mengenai itu *insya-Allah* esok atau lusa. Akan tetapi, yang saya hendak tekankan sekali lagi apabila kita bercakap mengenai memartabatkan Bahasa Melayu itu. Kita bukan bercakap bukan bermaksud untuk menjadikan Bahasa Melayu itu semata-mata sebagai bahasa komunikasi sosial. Bukan bahasa untuk digunakan untuk membeli hamburger di kaunter-kaunter makanan segera. Kita mahu Bahasa Melayu itu menjadi bermartabat di samping menjadi bahasa komunikasi sosial diucapkan dengan beradab tidak membahasakan orang tua dengan engkau atau kamu sebagaimana kebanyakan berlaku sekarang. Itu ada kena mengena dengan bahasa Melayu yang beradab untuk komunikasi sosial.

Selain itu, kita juga mahu bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu. Bahasa ilmu dalam erti dijadikan sebagai bahasa pengantar pada setiap tahap pengajaran. Sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah tinggi, maktab dan juga universiti. Selain dari itu, dengan adanya Bahasa Melayu itu sebagai bahasa komunikasi yang beradab bahasa ilmu kita mahu Bahasa Melayu itu menjadi satu bahasa budaya tinggi dapat digunakan dalam persidangan-persidangan seperti ini mengungkapkan fikiran-fikiran yang abstrak dan konseptual. Itulah pandangan saya tentang memartabatkan Bahasa Melayu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi kesempatan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat yang memperkasakan ucapan saya tadi.

Golongan profesional yang dilahirkan oleh UKM dengan pengantar Bahasa Melayu ini turut mahir berbahasa Inggeris. Peranan DBP yang diterjemahkan banyak buku di dalam pelbagai bidang ilmu termasuk menerbitkan pelbagai jenis kamus. Perisytiharan dan buku dalam semua bidang pengajian berjaya meningkatkan keupayaan dan martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Jarak pencapaian bahasa Inggeris di antara pelajar bandar dan luar bandar. Menurut kajian universiti, pengurusan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) pelaksanaan PPSMI dapat menjarakkan lagi jurang pencapaian sains dan matematik antara pelajar bandar dan luar bandar.

Masih ramai guru PPSMI yang menguasai bahasa Inggeris kebanyakan murid pula menunjukkan sikap positif dan kurang ceria apabila kelas Sains dan Matematik berlangsung. Meneliti murid terutamanya di luar bandar takut bertanya soalan kerana tidak memahami pelajaran yang diajar. Hampir 50 peratus murid didapati tidak faham di dalam bahasa Inggeris. Kajian itu juga mendapati lebih daripada 80 peratus murid-murid sekolah memahami pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Justeru, PPSMI dilihat gagal memahami manfaat pelajaran khususnya di luar bandar. Bagaimana dalam pelaksanaan dasar MBMMBI saya mencadangkan agar Kementerian Pelajaran perlu mengambil beberapa langkah secara teliti dan terancang.

Misalnya, untuk menyediakan buku teks di dalam bahasa Melayu bagi kedua-dua mata pelajaran memerlukan jangka masa tertentu. Ini termasuk melantik panel penulis menyediakan isu kandungan, panggilan tender dan akhirnya proses mencetak sekiranya proses ini sudah pun berjalan selepas berakhir 2011 nanti maka dasar baru itu akan dilaksanakan.

Cara dan kaedah memperkukuhkan bahasa Inggeris. Kita juga perlu faham selain mengambil pengajian sains dan matematik kepada Bahasa Melayu pada masa yang sama kerajaan perlu memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Seperti yang disarankan oleh pakar bahasa bahawa memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Aspek budaya pengajaran dan pembelajaran bahasa itu perlu dipertingkatkan. Oleh itu, kementerian perlu merancang pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dengan berkesan. Justeru, kemampuan melahirkan guru bahasa Inggeris berkualiti amat penting bagi pelajaran dan bahas itu menjadi lebih berkesan, menarik dan bersifat pembelajaran yang menyeronokkan.

Langkah kerajaan mengambil lebih ramai guru bahasa Inggeris dari luar negara adalah salah satu mengatasi masalah kepakaran guru dalam bahasa Inggeris saya yakin langkah sementara sebelum negara dapat melahirkan lebih ramai guru yang mahir dan pakar dalam pengajaran bahasa Inggeris. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan pengambilan guru bahasa Inggeris yang sudah bersara tetapi masih mampu mengajar di dalam bahasa yang berkesan. Guru-guru pencen yang diambil semula ini perlu memiliki kesihatan yang baik dan mengadakan untuk pembelajaran bahasa Inggeris yang terkini.

Selain itu, penambahan peruntukkan masa mengajar bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah serta di Tingkatan 6 dan matrikulasi akan dapat menetapkan lagi penguasaan bahasa Inggeris dari kalangan pelajar. Saya suka mencadangkan agar jumlah jam bagi pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan murid-murid dalam masa seminggu dan juga diwujudkan kempen meningkatkan Bahasa Kebangsaan di mana semua sekolah rendah dan menengah bandar dan luar bandar tidak kira aliran apa pun perlu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Bukan hanya dalam kelas sahaja malah di luar kelas. Malah di kantin sekolah ataupun dengan perbualan di sekolah dan kawan-kawan dan guru.

Ibu bapa perlu mengambil inisiatif dengan turut berbahasa Inggeris. Biar jangan terpolang kepada sekolah sahaja saya mencadangkan seminggu sehari dari sekolah begitu juga di rumah kalau boleh sehari sekali seperti mana yang saya katakan di awal tadi kiasan di antara datuk dengan cucunya itu. Jadi kita nampak di luar bandar saya duduk di luar bandar, saya tahulah macam mana keadaan di luar bandar menguasai bahasa Inggeris. Lebih-lebih juga saya seorang PIBG sekolah. Pada sekolah saya itu kebanyakannya orang luar bandar tetapi pertuturan di dalam bahasa Inggeris amat kurang. Jadi saya mencadangkan kepada kementerian supaya wujudkan satu minggu satu hari untuk adakan bahasa Inggeris perbualan. Tidak kiralah di rumah atau di sekolah.

■1850

Kalau boleh kita bawa perkara ini di rumah sama. Kedua, Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Kepentingan R&D sektor pertanian, di mana sektor pertanian, penternakan dan perikanan merupakan aktiviti ekonomi yang ditetapkan sebagai sektor utama. Selain daripada perlombongan dan kuari, merupakan aktiviti peringkat awal yang tidak atau kurang melibatkan aktiviti pemprosesan.

Walaupun persaingan semakin pesat ditumpukan banyak kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, namun menyoroti populasi di Asia Tenggara termasuk di Malaysia, masih mendiami kawasan luar bandar dan bergantung pada kegiatan pertanian sebagai sumber ekonomi utama.

Jelas, Malaysia memerlukan transformasi pertanian dari segi R&D. Pada pandangan saya, penggunaan teknologi dan R&D dalam aktiviti pertanian adalah salah satu cara untuk membolehkan transformasi ini dijalankan baik pada skala besar mahupun pada skala kecil. Dengan penggunaan teknologi dan teknik moden, produktiviti setiap hektar kebun dan sawah serta setiap meter persegi kolam ikan akan melibatkan itu. Dalam hal ini sudah tentu penyelidikan dan pembangunan R&D adalah sangat penting tetapi memanfaatkan R&D itu sendiri adalah lebih utama. Usaha R&D seperti menyelidik baka-baka yang terbaik dan teknik-teknik pertanian baru harus diteruskan.

Seterusnya dalam bidang bioteknologi, namun kita perlu menyediakan suatu mekanisme yang berkesan bagi membawa hasil penemuan R&D supaya dapat digunakan secara langsung oleh petani dan juga penternak. Saya berharap pihak kementerian akan dapat mencadangkan satu mekanisme yang lebih berkesan bagi memindahkan teknologi kepada mereka yang memerlukan. Kita bergantung kepada teknologi dan import luar. Dilaporkan sebanyak 95 peratus daripada benih bagi tanaman sayur dan 40 peratus daripada benih tanaman buah-buahan adalah diimport daripada China, Australia dan Taiwan.

Kita perlu meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan R&D untuk mencari pembaharuan yang berterusan dari inovasi dan mencari sumber-sumber bagi alternatif dan menambahkan *protective* dan keberkesanan kos pengeluaran pertanian di samping menghasilkan produk-produk baru yang inovatif. Kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh MARDI tidak sepatutnya terhad kepada pencarian benih baru sahaja tetapi meliputi rantai nilai tambahan seperti pengurusan makanan, pengurusan air, penggunaan input pertanian dan cara pengurusan. Apa yang lebih penting ialah langkah-langkah susulan yang diambil oleh MARDI bagi pengkomersialan, penemuan dan kajian di dalam memartabatkan pertanian dan usahawan-usahawan tempatan melalui proses pembangunan usahawan secara inkubator.

Hari ini di Malaysia, industri bioteknologi pertanian merupakan industri baru yang belum berkembang luas. Ia memerlukan pelaburan yang tinggi untuk infrastruktur, peralatan, kemudahan, sumber manusia dan pembangunan berteknologi di negara kita, hendaklah diterajui oleh sektor swasta. Saya berharap agar kementerian dan agensi terbabit khususnya MARDI dapat menerokai bidang R&D secara lebih komersial dan hasil R&D dapatlah ditransformasikan kepada produk komersial agar ia dapat diguna pakai dan dimanfaatkan oleh petani. Bukan hanya setakat memenuhi bajet yang diperuntukkan itu atau sekadar memenuhi KPI, kementerian yang menetapkan jumlah produk R&D yang perlu dihasilkan dalam setahun.

Potensi dalam berteknologi ini amat tinggi. Oleh yang demikian, produk-produk yang berasaskan teknologi pertanian dengan kaedah R&D perlu dikomersialkan untuk menjana sumbangan bagi pertumbuhan baru dalam sektor pertanian. Soalan saya, saya juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya, apakah perancangan kementerian agar MARDI dapat mempertingkatkan R&D semua produk perusahaan supaya dapat dikomersialkan. Berapakah jumlah R&D yang telah dihasilkan bagi tahun 2010 dan tahun 2011? Berapakah produk yang telah berjaya dikomersialkan? Bagaimanakah peranan FRIM sendiri sebagai medan menghasilkan untuk industri ini, di mana saya difahamkan banyak produk telah dihasilkan tetapi untuk dikomersialkan produk ini mendapat pelbagai halangan. Mohon penerangan kementerian.

Lagi satu R&D yang dibuat oleh IPTA dan IPTS ini. Selalunya banyak perbelanjaan, yang mana banyak penyelidikan yang dibuat oleh IPTA, IPTS adalah penyelidikan yang boleh menang dalam pertandingan di antara universiti-universiti. Sukar hendak dibuktikan di peringkat akar umbi. Jadi, perbelanjaan untuk satu-satu penyelidikan itu memang mahal dan tinggi dan hasilnya setakat pertandingan sahaja, tetapi tidak sampai ke akar umbi.

Badan penyelidik perlu jimat dari segi penyelidikan, jangan kita ada penyelidikan rugi dari segi masa kerana sudah ada penyelidikan yang sudah dibuat sebelum ini dan haruslah kita ikut penyelidikan yang dilalui sebelum ini. Penyelidikan banyak tetapi setakat itu sahaja.

Ketiga, isu jalan kampung. Isu jalan kampung ini Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak banding, dua hari lepas kita ada bincang bab rang undang-undang, yang mana rang undang-undang lapuk dan sebagainya. Jadi, kita lihat hari ini jalan-jalan di luar bandar ada yang lapuk jugalah. Ini kerana jalan luar bandar ada jalan sempit, hanya lebih kurang 2.43 meter, lebih kurang tujuh ataupun lapan kaki lebarnya. Panjang memang panjang tetapi lebarnya. Dahulu sesuai sebab di kampung-kampung orang ada motor, ada basikal. Akan tetapi hari ini di kampung-kampung sudah ada motokar. Sekecil-kecil pun kereta Kancil, MyVi dan sebagainya. Jadi, untuk hendak berselisih di antara satu sama lain cukup sukar.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau PIAS supaya mengkaji semula agar jalan itu diperlebar. Dahulu orang tua-tua, orang kampung suka wakaf, jariahkan tanah itu supaya dijadikan jalan. Akan tetapi, hari ini sukar mendapat jariah atau wakaf tanah itu sebab harga tanah sudah tinggi dan melambung naik. Jadi, pihak kementerian perlu pasti nilai tanah untuk lebarkan jalan-jalan di kawasan kampung. Hari ini di kampung-kampung memang usah cakaplah, kalau kita dengar di mana-mana pun sebenarnya sama. Jadi, saya mintalah kementerian kaji semula dan juga titi. Titi-titi di kampung agak kecil. Kalau hendak selisih susah, jadi minta titi di kampung pun diperlebar supaya memudahkan orang kampung ke sekolah atau sebagainya.

Sekarang ini kerajaan terpaksa membayar harga tanah mengikut pasaran jika mahu melebarkan jalan-jalan kampung tersebut. Jalan-jalan yang pernah dibaiki ada yang rosak, bila rosak ini sepatutnya jawatankuasa kampung, JKKK ataupun ketua kawasan hendaklah mengadakan kunci ataupun palang jalan. Apabila lori-lori yang berat-berat masuk boleh kita ambil deposit dan sebagainya tetapi dengan cara yang betul. Janganlah ambil deposit tetapi duit itu hilang begitu sahaja. Akan tetapi kita mahu ambillah kesempatan ini supaya jalan tidak di *repair* setiap tahun. Ini jalan elok, bawa masuk besi, pasir, kayu dan sebagainya, jadi rosak semula. Lebih-lebih lagi ada syarikat yang menggunakan *tow* itu, dia bawa besi yang besar-besar, besi berat jadi jalan itu rosak. Jadi, kita kalau boleh hari ini jawatankuasa pentadbiran kampung hendaklah mengkaji sedalamnya untuk memberi kebenaran kepada lori-lori yang menggunakan jalan tersebut. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang Berhormat, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya amat-amat prihatin apabila disebut jalan kampung yakni jalan luar bandar. *Maintenance* untuk jalan luar bandar saya rasa amat tinggi dan banyak pembaziran. Kontraktor Kelas 'F' pun tidak untung sangat. Saya hendak cadang, saya sudah cadang banyak kali sudah. Jalan luar bandar ini, sekarang ini jentera, lori, tidak macam dahulu. Semua jentera berat-berat di luar bandar. Jadi, kita perlu fikir. Kita tidak boleh buat jalan biasa sudah. *Upgrade* jalan tidak boleh sudah. Setakat hendak buat jalan tar biasa sudah tidak boleh sudah. Jadi saya cadangkan Yang Berhormat, kita gunakan sistem jalan simen.

■ 1900

Yang kedua, kita pakai jenis *slap*. Walaupun jentuai lalu, ia tahan berpuluh-puluh tahun. Jalan yang ada sekarang, hari ini buat, tiga bulan *maintenance*, buat, *maintenance*, jadi kita berulang-ulang. Kita minta Kementerian Luar Bandar, saya cadangkan Yang Berhormat dengan JKR memikirkan satu kaedah, satu *master plan* untuk seluruh negara ini. Kita adakan jalan simen atau jalan *slap* kerana kita simen banyak. Simen di Perlis ada, di Perak ada, Perak Anjung, kita ada simen yang mencukupi.

Kenapa tidak kita gunakan simen dan selesai masalah dan faedah itu dapat kepada masyarakat luar bandar sampai bila-bila berterusan dan soal *maintenance* sudah tidak timbul. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Jalan simen dengan jalan tar memang ada beza. Kalau di jalan tar, motokar atau lori yang menggunakan minyak diesel, rosak, ia akan menitis tap-tap, jadi tar itu akan pecah, rosak. Kalau simen, kalau diesel pun ia tidak akan pecah. Kebanyakan sekarang ini simen digunakan untuk tempat-tempat yang banjir, itu pun tidak keseluruhan. Jadi terima kasih Yang Berhormat kerana mengingatkan tadi. Saya juga mencadangkan supaya jalan-jalan luar bandar kalau boleh gunalah simen atau pun *slap* sebab simen ini janganlah letak yang kurang kualiti, kita letak simen yang baik sikit supaya ia tidak pecah. Jadi untuk baki setiap tahun pun, kosnya rendah, tidak tinggi macam tar. Saya rasa jabatan atau Kementerian Luar Bandar boleh kaji semula sama ada tar atau simen. Akan tetapi yang pentingnya, lebarkan jalan, carilah sedikit kos untuk itu.

Isu ketiga, isu tanpa plastik Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong langkah kerajaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang telah mengambil inisiatif melancarkan kempen hari tanpa beg plastik di peringkat kebangsaan. Berdasarkan kempen ini, semua pasar raya besar, pasar raya dan stesen minyak tidak akan diberi beg plastik secara percuma pada setiap hari Sabtu. Kalau hendak beg plastik juga kena bayar 2 kupang atau 20 sen. Jadi kalau di *supermarket*, kadangkadang *supermarket* yang tidak beri plastik tetapi di luar *kiosk-kiosk* semua, kita beli barang apa pun, dia akan beri beg plastik. Adakah keberhasilan kempen ini sejauh mana? Saya yakin kurang berjaya tetapi Menteri jawab tahun lepas berjaya. Cari satu kaedah.

Saya ingat lagi Tuan Yang di-Pertua, masa saya kecil-kecil dulu, beg kertas, beg warna kelabu ada tangkai. Kenapa kita tidak boleh guna? Payung pun kertas. Dulu kita ada MARDI. MARDI ada buat R&D, ramai profesor semua buat R&D untuk buat plastik daripada ubi kayu. Mana dia? Itu saya katakan tadi. Buat R&D kos tinggi-tinggi, mahal tetapi pelaksanaannya tidak ada. Ada pergi tengok di Siam, kita tidak perlu buat ladang di Malaysia. Kita pergi Siam, tengok di Siam mana ada ubi kayu, bawa ubi kayu Siam ke Malaysia, kita buat di sini. Ada pula kata kita pergi di Siam, beli ubi kayu Siam, buat kilang di Siam. Mana ada hari ini, siapa buat?

Kalau di negara luar, mereka dah mengguna pakai. Plastik ini dicampurkan dengan ubi kayu supaya cepat reput. Kalau beg plastik katanya sampai ratus-ratus tahun baru hendak reput plastik itu. Jadi kita minta R&D hendak buat itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini tolong kaji supaya plastik-plastik ini, bukanlah hendak menang, hendak kempen mesti ada cara lain. Sebenarnya plastik ini Tuan Yang di-Pertua, hari itu Tuan Yang di-Pertua pergi Perlis, saya tidak sempat bawa Tuan Yang di-Pertua pergi kilang plastik. Di Perlis ada sebuah kilang plastik, negara dari luar, Kenya, Australia, US datang ke Perlis hendak beli tetapi kenapa kita di Malaysia ini tidak pergi tengok? Kononnya ini idea orang lain, bukan idea mereka ini? Ini bermakna, Yang Berhormat selaku kita boleh kata ulama, orang agama, tolong terangkan, hasrat dengki kita itu. Kementerian kah, orang itu atau ini, saya tidak mahu sebut mana-mana, hasrat begitu tidak tercapai. Ini bukan idea aku, ini yang jadi karut.

Jadi saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tolong pergi Perlis, kita tengok. Di Perlis pun saya ada sembang dengan pegawai-pegawai, pemimpin, mereka kata bukan plastik ini kita guna. Plastik yang bulat-bulat, kecil-kecil baru boleh masuk dalam mesin itu, betul. Kalau kita ambil plastik yang seperti di kedai warna merah, kuning, biru, hitam itu, tidak boleh masuk, ia jam mesin kilang itu. Plastik itu diambil dan di *compact*, disatukan, masuk dalam mesin, mesin jadikan *palette*, *palette* itulah yang masuk dalam mesin dan keluar minyak. Minyaknya pula Tuan Yang di-Pertua, minyak yang terbaik diesel. Harga minyak satu tan sehari berjumlah RM1.7 juta. Kalau lima tan sehari RM6.8 juta, 15 tan sehari, RM17 juta hasilnya. Jadi ini dah diorder daripada Kenya, Australia tetapi kita di Malaysia ini tidak guna.

Bila plastiknya orang tidak buang, ada pengutip. Orang mengutip-mengutip itu sumber rezeki bagi mereka, tidak perlu pergi *supermarket*, tepi jalan, buang plastik mereka kutip. Satu kilo berapa ringgit, hantar pergi Perlis. Setiap negeri hantar pergi sana, kita buat.

Cuba kementerian ambil kilang ini bawa ke mana-mana, buat contoh. Akan tetapi kalau hendak taklimat yang lebih jelas lagi, saya boleh panggil pengurusnya beri taklimat kepada kita, bagaimana minyak diesel ini kualitinya bagaimana, harganya macam mana? Betul Yang Berhormat? Okey, ini masalah plastik. Jadi tidak perlulah kita kempen, hari Sabtu tidak payah plastiklah, kena bayar 20 sen lah, mengarut. Plastik orang jual juga, jadi buatlah cara lain. Begitu juga *polystyrene*, sama juga, buatlah cara lain, tidak perlu kita buat kempen hari itu dan ini. Jadi saya harap kementerian akan ambil tindakan dalam hal-hal plastik ini. Saya ingin mencadangkan agar penggunaan plastik dan *polystyrene* iaitu bahan yang tidak dapat diurai secara semula jadi perlu dikurangkan dan diganti dengan *paper bag*. Langkah ini bakal mampu menjaga alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kita cakap dua tiga hari lepas buat penguatkuasaan. Kenapa bandar raya semua dah ambil tindakan, ini saya cakap bab penguatkuasaan. Penguatkuasaan hari ini ialah kita cakap, dulu pun ada Yang Berhormat cakap berkenaan dengan *tinted*, cermin gelap. Saya pun pakai cermin gelap juga. Bila saya sentuh bab cermin gelap, nanti ramai orang marah dengan saya. Dato' Azian pun marah soal *tinted*, tidak nampak orang dalam. Akan tetapi pakailah cermin gelap yang berapa persen, siapa yang salah? Kita yang pakai cermin gelap ini atau penjual yang salah? Ini sama ada JPJ atau PUSPAKOM kena kaji perkara ini, hendak larang pembeli ataupun penjual, pengguna ataupun penjual.

Kedua, motokar *recon* yang import. Tidak kiralah kereta apa, tidak perlu sebut, banyak sangat. Semua *tinted* di belakang, cermin gelap. Kenapa semasa motokar masuk ke Malaysia, disahkan? Sepatutnya sampai di Malaysia, PUSPAKOM atau JPJ telah *check* motokar itu dan semak sama ada ia gelap atau tidak gelap. Kalau kita beli kereta, penguatkuasaan *check*, motokar ini original, mai daripada Jepun, macam inilah. Jadi kita kena *check* awal-awal lagi, jangan salahkan pengguna. Saya ingin menekankan lagi sekali supaya JPJ kah, PUSPAKOM kah *check*, pengguna atau pekedai. Jangan hendak hentam pengguna sahaja, *check* kedai itu. Kalau kedai itu ada surat, sijil JPJ sudah bagi, 70 peratus dia bagi. Jadi kita pengguna beli, percaya, padahal surat itu dia buat sendiri dan cop begitu sahaja. Jadi, perkara ini kena kaji semulalah mengenai *tinted* sebab berlakunya kesalahan-kesalahan. Kemungkinan salah satu daripadanya ialah cermin gelap.

■1910

Yang ketiga, isu kemalangan jalan raya. Isu nahas kemalangan jalan raya sudah menjadi masalah negara yang penting. Saya tengok baru-baru ini semasa perayaan hari raya, beberapa ratus orang rakyat Malaysia kita mati. *Bus accident*, kereta, motor dan sebagainya. Bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ini. Setiap tahun kita mengadakan kempen keselamatan jalan raya dan sebagainya. Dulu semasa saya sekolah, kecil-kecil dahulu, semasa sekolah rendah, ada kelab. Di sekolah rendah itu ada kelab. Kelab Jalan Raya, Shell dan sebagainya.

Jadi, hari ini kelab-kelab itu tidak diwujudkan. Sekarang kita cuba ambil balik kelab-kelab ini dan wujudkan di sekolah supaya disiplin di jalan raya itu dipupuk daripada sekolah rendah lagi. Jadi, bila keluar sekolah, bila dewasa, dia sudah tahu sedikit sebanyak undang-undang jalan raya. Bagaimana hendak melintas dan sebagainya. Jadi, kita berharaplah Kementerian Pelajaran dengan mana-mana NGO tolong kaji semula tentang kelab-kelab jalan raya ini.

Apabila terjadinya kemalangan jalan raya, bukan hanya susahkan keluarga tetapi menyusahkan kita semua termasuk kerajaan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi Yang Berhormat pun susah juga, hendak bagi bantuan dan sebagainya. Peninggalan anak, keluarga dan sebagainya. Hendak bagi bantuan sekolah, bantuan pakaian dan sebagainya. Jadi, kita mintalah kepada Kementerian Pengangkutan kaji semula bagaimana hendak mengatasi perkara ini. Jangan kira hendak saman sahaja. Kira hendak saman, saman. Mana lebih baik - cara kekerasan ataupun cara mendidik? Mana orang takut? Cara didik ataupun cara kekerasan. Itu fikir-fikirkanlah sesama sendiri.

Yang keempat ini masalah jamin, Tuan Yang di-Pertua. Penjamin ini, yang jadi mangsa penjaminlah. Kalau kita tidak jamin pun kawan, adik-beradik. Bila kita jamin, dia tidak bayar kereta, motorkah, rumahkah. Semua sampai surat. Kita yang kena *blacklist*. Kita hendak beli apa pun sudah tidak boleh.

Hendak buat kad kredit pun kita kena *stop* apa semua. Depa tahu pula di bank kita ada duit. Ada duit depa potong. Jadi, minta Kementerian Kewangan ataupun agensi kewangan kaji semula perkara ini supaya bagilah kelonggaran kepada penjamin. *Check* dahulu. Hendak beri pinjam, *check*lah berapa harta peminjam. Dia ada tanahkah, ada rumahkah, ada keretakah. Insurans diakah. Jadi, kalau hendak kena penjamin semua teruklah. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau jamin orang, saya ingat nanti PRU Ke-13 hendak dicalonkan susahlah. Jadi, bersedialah itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini saya sudah pendek-pendekkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau cakap panjang lagi, lagi banyak.

Yang kelima, isu perpaduan. Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha-usaha yang lebih serius, memberi tumpuan dalam pengurusan perbezaan serta sensitiviti yang terdapat dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Berikutan peristiwa itu, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1969. Jabatan Perpaduan Negara di bawah perintah MAGERAN telah diwujudkan bagi menangani isu-isu berhubung pembinaan semula perpaduan masyarakat di negara ini bagi waktu itu. Antara tugas jabatan ini ialah mengkaji dan mendidik sikap antara kaum. Kajian berkenaan adalah untuk menumpukan semangat muhibah antara kaum selain daripada merapatkan semula hubungan di antara rakyat dan kerajaan yang terjejas semasa itu.

Hari ini, peranan dan fungsi sebagai Jabatan Perpaduan nampaknya agak terkapai-kapai dan tenggelam timbul. Dahulunya ia sebuah kementerian dengan diterajui oleh seorang menteri. Namun hari ini, ia hanya menjadi sebuah jabatan di bawah kementerian. Sejak kebelakangan ini, ia sering diubah kementerian bermula dengan Jabatan Perdana Menteri kemudian Kementerian Kebudayaan, kemudian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kali ini Jabatan Perpaduan Negara dan juga Nasional. Kini telah dilaksanakan semula di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Walau apa pun, nama yang telah diberikan kepada agensi perpaduan itu, status dan peranannya tetap sama iaitu bertanggungjawab menjaga perpaduan rakyat dan kaum. Ia bertindak memupuk dan memelihara semangat muhibah, memastikan hubungan masyarakat sentiasa proaktif dan memastikan masalah perkauman sentiasa terkawal setiap masa. Jabatan ini bukan sahaja kena menjaga pelbagai kaum tetapi dia masa Yang Berhormat Menteri, Datuk Zaleha Ismail dahulu, dia mengadakan kempen kibar bendera pada tahun saya sudah lupa tahun berapa. Masa itu kempen kibar bendera telah berjaya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan tepat pukul 7.15 malam, maka saya rasa terima kasihlah. Setakat itu, Yang Berhormat. Kalau hendak sambung esok agaknya, ada Yang Berhormat hendak sambung lagi? Ingin sambung?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ingin.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana Yang Berhormat pun sudah cakap pun lama itu. Saya ingat cukuplah itu.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Saya cakap bab perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, saya beri esok beberapa minit bila kita sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita tamatkan Mesyuarat kita pada malam ini, izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap atau berbahas pada hari ini. Saya telah menerima ada 13 lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas esok. Saya ingin mengingatkan supaya Yang Berhormat semua bersedia dan memberi ucapan atau perbahasan yang lebih baik dan lengkap dan kita mengalu-alukan semua berucap kerana saya sudah terima itu. Ini bermakna bahawa perbahasan kita akan ditamatkan esok. Pada 15 hari bulan, hari Khamis, kita akan meminta menteri untuk menjawab. Ini bermakna jadual daripada tarikh sampai 15 hari bulan itu tetap kita jalankan tetapi kita beri ruang kepada pihak menteri menjawab. Seterusnya, kita ada 24 rang undang-undang. Saya ingin memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, kalau sekiranya supaya Yang Berhormat semua baca rang undang-undang dengan baik dan teliti.

Apabila kita berbahas esok, boleh terus berbahas dalam konteks rang undang-undang yang berkenaan. Ada peringkat-peringkat juga seperti peringkat Jawatankuasa. Ini semua saya ingin mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat melibatkan diri secara lebih efektif dan berkesan kerana undang-undang ini separuhnya adalah bacaan terakhir dan akan menjadi satu undang-undang. Elok atau tidak eloknyanya, bermakna kita sama-sama bertanggungjawab. Oleh yang demikian, saya ingin mengingatkan agar Yang Berhormat baca. Jangan agaknya esok kita luluskan undang-undang, orang akan tegur undang-undang ini nampaknya tidak baik. Banyak berlaku. Oleh yang demikian agaknya perlulah kita berhati-hati memberikan satu pendirian ataupun pengkhususan lebih teliti supaya dapat kita sama-sama memberi sumbangan yang terbaik kepada rang undang-undang yang akan kita luluskan.

Dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat kita pada malam ini dan kita akan sambung semula pada esok hari, 14 Disember 2011, hari Rabu. So, kepada yang bersedia untuk esok, sedialah. Hendak tahu nama-nama? Elok saya baca sekejap. Minta maaf, ya.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah, Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan, Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu, Yang Berhormat Tuan Lihak Jok, Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong, Yang Berhormat Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor dan Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

Boleh sampai pagi esok, sesiapa pun boleh kemukakan kerana kita boleh sambung kalau sekiranya ada. Namun saya hendakkan semuanya bersedia. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Dewan ditangguhkan pada jam 7.19 malam.